



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI RABU : 8 OKTOBER 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 8 HINGGA 54 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 7)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

**SOALAN NO.: 8**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN**

**:**

**DARIPADA**

**: Tuan Er Teck Hwa [Bakri]**

**TARIKH**

**: 8 Oktober 2014**

**SOALAN:**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan rancangan untuk memasang alat ujian partikel udara secara kekal di sepanjang Pantai Barat Johor dan lokasi yang ditentukan untuk tujuan tersebut. Adakah kementerian setuju bahawa piawaian pemantauan udara seharusnya dipertingkatkan dari PM10 ke PM2.5 di negara kita. Jika tidak, mengapa.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, terdapat 52 buah stesen kualiti udara automatik dan 14 buah stesen kualiti udara manual yang beroperasi secara berterusan, memantau kualiti udara di seluruh negara. Sebanyak 4 buah stesen kualiti udara automatik (iaitu di Pasir Gudang, Larkin, Muar dan Kota Tinggi) dan 3 buah stesen kualiti udara manual (iaitu di Gelang Patah, Pasir Gudang dan Batu Pahat), beroperasi di negeri Johor. Pengukuran kualiti udara di kawasan yang tiada mempunyai stesen kualiti udara dilaksanakan secara *ad hoc* dengan menggunakan *portable sampler*, mengikut keperluan, seperti semasa berlakunya episod jerebu merentasi sempadan dan untuk tujuan penyiasatan kes-kes aduan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jabatan Alam Sekitar sedang memohon peruntukan untuk menambah peralatan *portable sampler* bagi menangani masalah kekurangan peralatan. Di samping itu, Jabatan Alam Sekitar juga sedang bekerjasama dengan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri, untuk projek Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar yang baru, dengan mengambil kira parameter PM2.5 memandangkan konsesi pengawasan alam sekitar sedia ada akan tamat pada tahun 2015.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD.  
MANAP**

**[ Sekijang ]**

**TARIKH : 8.10.2014 (RABU)**

**SOALAN : 9**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang membina sebuah RTC di Segamat kerana ia adalah menjadi keperluan kerana daerah Segamat adalah tempat yang strategik untuk 3 buah negeri iaitu Pahang, Johor dan Negeri Sembilan.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

RTC yang dtubuhkan oleh Kerajaan adalah berkonsepkan "Satu Hentian, Pelbagai Perkhidmatan" dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif RTC adalah **meliputi radius sehingga 100-150km** daripada pusat RTC.

RTC Johor asalnya merupakan sebuah Stesen Bas dan Pasar Awam, yang terletak di Kulaijaya dan disebabkan kedudukannya yang strategik dan berpotensi, Kerajaan bersetuju untuk menaiktaraf bangunan ini bagi dijadikan RTC. Proses baikpulih RTC Johor bermula pada pertengahan tahun 2013 dan mengambil masa selama 6 bulan untuk disiapkan dan telah beroperasi sepenuhnya pada bulan Mac 2014.

Di antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen, TEKUN, Pusat Latihan, Kios Informasi 1Malaysia dan Klinik 1Malaysia. Untuk makluman, sehingga kini seramai 181,719 pengunjung telah direkodkan mengunjungi RTC Johor. Pengunjung-pengunjung yang

direkodkan bukan hanya dari daerah Kulaijaya, malahan meliputi seluruh daerah di Negeri Johor.

Pihak Pengurusan RTC Johor telah melaksanakan beberapa aktiviti yang berjaya menarik lebih ramai pengunjung dan usahawan iaitu Program Eat@RTC, Bazar@RTC, Uptown@RTC dan BigScreen@RTC yang mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada penduduk sekitar. Antara yang menarik mengenai RTC Johor, kesemua program ini digerakkan sendiri oleh Persatuan Belia dan NGO tempatan dan secara tidak langsung, beiiia-belia luar bandar khususnya boleh melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelawan. Kebanyakan para pengunjung ini terdiri daripada golongan belia.

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif RTC Johor ini akan turut meliputi kesemua daerah dalam Negeri Johor secara berperingkat termasuk di Daerah Segamat.

Sehubungan dengan dasar penubuhan RTC, Kementerian **tidak bercadang** untuk mewujudkan RTC

di Segamat memandangkan Johor telah pun mempunyai satu RTC di Kulaijaya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**[ BATU KAWAN ]**  
**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan dan kos untuk menaiktaraf Hospital Daerah Sungai Bakap dan untuk membina sebuah hospital Kerajaan baru di Batu Kawan memandangkan Batu Kawan akan menjadi bandar satelit dengan penambahan penduduk yang tinggi dalam masa terdekat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hospital Sungai Bakap terletak di Seberang Perai Selatan dan mempunyai 105 buah katil. Hospital ini terletak lebih kurang 30km dari Hospital Seberang Jaya dan 20km dari Hospital Bukit Mertajam, di mana kedua-dua hospital ini menyediakan perkhidmatan kepakaran. Hospital ini menyediakan perkhidmatan rawatan asas dan turut menyediakan perkhidmatan kepakaran melalui lawatan-lawatan pakar mengikut jadual.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuat permohonan bagi cadangan pembinaan hospital gantian untuk Hospital Sungai Bakap di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dan sedang mengenalpasti tapak yang bersesuaian bagi hospital gantian tersebut.

Selain daripada itu, Hospital Sungai Bakap juga mempunyai kerja-kerja pembangunan projek naiktaraf serta penambahbaikan yang diadakan dari semasa ke semasa untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh hospital ini kepada masyarakat setempat khususnya kepada penduduk di Seberang Perai Selatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
(PENDANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.10.2014**

**Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [ PENDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah Rumah Mesra Rakyat yang telah diluluskan bagi tahun 2012 dan 2013 di Negeri Kedah mengikut Daerah. Apakah halangan-halangan yang boleh menyebabkan kelambatan pembinaan rumah-rumah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB merupakan syarikat

Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk menyediakan Rumah Mesra Rakyat (RMR) bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif), tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa.

Program RMR dibiayai melalui subsidi oleh Kerajaan, iaitu pada kadar RM15,000 hingga RM20,000 seunit dan ditawarkan dengan rekabentuk menarik berkonsepkan rumah berkeluasan 700 kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi dengan komposisi 2 bilik tidur dan 2 bilik air dan 3 bilik tidur dan 2 bilik air.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 2,085 permohonan telah diluluskan pada tahun 2012 dan tahun 2013 di Negeri Kedah dan daripada jumlah tersebut sebanyak 1,850 telah berjaya disiapkan dan 235 masih dalam pembinaan. Berikut adalah statistik permohonan yang diluluskan mengikut pecahan daerah/parlimen:

<b>PARLIMEN</b>	<b>PERMOHONAN DILULUSKAN (TAHUN 2012 - 2013)</b>	<b>DALAM PROSES PEMBINAAN</b>	<b>RMR SIAP</b>
<b>ALOR SETAR</b>	<b>15</b>	<b>1</b>	<b>14</b>
<b>BALING</b>	<b>438</b>	<b>35</b>	<b>403</b>
<b>JERAI</b>	<b>66</b>	<b>5</b>	<b>61</b>
<b>JERLUN</b>	<b>227</b>	<b>62</b>	<b>165</b>
<b>K. KEDAH</b>	<b>24</b>	<b>1</b>	<b>23</b>
<b>K. PASU</b>	<b>190</b>	<b>24</b>	<b>166</b>
<b>KULIM B. BHARU</b>	<b>60</b>	<b>6</b>	<b>54</b>
<b>LANGKAWI</b>	<b>198</b>	<b>8</b>	<b>190</b>
<b>MERBOK</b>	<b>91</b>	<b>14</b>	<b>77</b>
<b>P. SERAI</b>	<b>36</b>	<b>0</b>	<b>36</b>
<b>P. TERAP</b>	<b>312</b>	<b>5</b>	<b>307</b>
<b>PENDANG</b>	<b>116</b>	<b>29</b>	<b>87</b>
<b>POKOK SENA</b>	<b>100</b>	<b>25</b>	<b>75</b>
<b>SIK</b>	<b>158</b>	<b>17</b>	<b>141</b>
<b>SG. PETANI</b>	<b>54</b>	<b>3</b>	<b>51</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>2,085</b>	<b>235</b>	<b>1,850</b>

Di dalam melaksanakan program RMR ini, terdapat beberapa perkara yang menjejaskan kelancaran program seperti berikut:

- i. Pertukaran dasar pembiayaan RMR;
- ii. Lokasi tapak pemohon yang bertaburan di seluruh Negara dan kadangkala agak terpencil. Selain itu, terdapat juga masalah jalan masuk ke tapak yang menjejaskan pembinaan terutamanya proses penghantaran bahan binaan;

- iii. Keadaan tapak pemohon yang masih belum disediakan untuk pembinaan;
- iv. Terdapat juga masalah prestasi dan komitmen kontraktor yang dilantik;  
dan
- v. Keadaan cuaca yang tidak menentu kadangkala menjejaskan proses pembinaan

Walaupun bagaimanapun, kami sentiasa memantau kerja-kerja pembinaan setiap unit RMR dari semasa ke semasa agar tempoh sebenar penyiapan dapat dilaksanakan dalam tempoh 18 bulan dari tarikh penyerahan tapak kosong seperti yang dinyatakan di dalam dokumen perjanjian di antara pihak SPNB dan pemohon.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**  
**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan farmasi di negara kita termasuk syarat-syarat yang ditetapkan. Apakah jenis pemantauan.

**Tuan Yang di-Pertua**

Premis farmasi dikawal di bawah Akta Racun 1952. Setiap premis hendaklah mempunyai perkhidmatan sekurang-kurangnya seorang Ahli Farmasi berdaftar yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Farmasi 1951. Ahli Farmasi berkenaan juga dikehendaki memohon Lesen Racun Jenis A yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 untuk menguruskan ubat-ubatan yang mengandungi racun. Sehingga 24 September 2014, sebanyak 2,319 buah premis Farmasi telah dilesenkan di bawah Akta ini di seluruh Malaysia.

Di antara syarat-syarat dalam lesen racun jenis A adalah termasuk:

- i. Penjualan dan penstoran racun hanya dibenarkan di alamat yang dinyatakan dalam lesen sahaja;
- ii. Selain daripada menyimpan Buku Preskripsi dan Daftar Preskripsi untuk Bahan-bahan Psikotropik yang diwajibkan dalam Akta, mereka juga dikehendaki menyimpan rekod khas untuk penjualan ubat-ubatan yang mengandungi bahan prekursor seperti Ephedrine dan Pseudoephedrine dan juga Codeine (sejenis Opiate); dan
- iii. Tempoh sah laku lesen adalah untuk satu tahun kalendar dan pembaharuan lesen tertakluk kepada pemeriksaan yang memuaskan.

Premis Farmasi pada kebiasaannya akan diperiksa sekurang-kurangnya setahun sekali. Sekiranya aduan diterima, uji beli boleh dijalankan dan farmasi yang menjual racun tanpa mematuhi peruntukan undang-undang akan diambil tindakan dan lesen racun jenis A mereka boleh ditarik balik.

Statistik Bahagian Penguatkuasaan Farmasi menunjukkan:

- i) Pada tahun 2013, sebanyak 1,940 pemeriksaan telah dijalankan ke atas premis farmasi. Daripada jumlah itu, sebanyak 113 surat amaran dikeluarkan dan 4 premis dibuat rampasan semasa pemeriksaan atas kesalahan melanggar Akta yang dikuatkuasakan. Pada tahun 2014 pula, 1,805 pemeriksaan dijalankan dan 119 surat amaran dikeluarkan; dan
- ii) Pada tahun 2013, 62 premis farmasi telah didakwa manakala sehingga September tahun ini, 50 premis farmasi telah didakwa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 08.10.2014**

**Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [ LIPIS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. bilangan kes yang melibatkan kemasukan wang haram ke dalam Malaysia; dan
- b. pelan tindakan untuk memastikan kegiatan ini dapat dipantau sekaligus dihentikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

a. Pelaksanaan siasatan yang melibatkan pengubahan wang haram adalah dilaksanakan oleh 11 agensi penguat kuasa berdasarkan kesalahan-kesalahan berat di bawah bidang kuasa agensi penguat kuasa masing-masing yang disenaraikan di bawah Jadual Kedua Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (*Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceed of Unlawful Activities Act 2001, AMLA*). Agensi penguat kuasa tersebut termasuklah Bank Negara Malaysia.

Bilangan kes dalam siasatan Bank Negara Malaysia yang melibatkan pengubahan wang haram di Malaysia seperti berikut:-

Bilangan kes dibuka sejak 2005	:	42 kes
Bilangan kes masih dalam siasatan	:	9 kes
Bilangan kes dalam perbicaraan mahkamah	:	6 kes
Bilangan kes rayuan mahkamah	:	3 kes

b. Bagi memantau dan memberhentikan aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, rangka kerja yang lengkap telah dibina merangkumi langkah-langkah yang diperlukan bagi setiap komponen rangka kerja yang berkaitan undang-undang, penguatkuasaan, pencegahan dan kerjasama pelbagai pihak. Rangka kerja tersebut dibentuk selaras dengan piawaian antarabangsa bagi menangani aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah penguatkuasaan AMLA, pemberian kuasa penyiasatan yang menyeluruh kepada agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan lain-lain, penekanan terhadap obligasi pelaporan terhadap semua institusi kewangan, penglibatan dalam badan-badan di dalam negara mahupun antarabangsa untuk membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI**  
**KAWASAN : DUNGUN**  
**TARIKH : 8 OKTOBER 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI (DUNGUN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jaminan Kerajaan membaik pulih laluan 14 Jerangau - Jabor yang kerap kali berlaku kemalangan dan kesesakan terutama musim perayaan dan cuti persekolahan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum dan responsif terhadap aduan kualiti Jalan Persekutuan 14 dari Jerangau ke Jabor. Jalan tersebut merupakan salah satu daripada 2 laluan utama jalan persekutuan yang menghubungkan Kuantan – Kuala Terengganu selain Jalan Persekutuan 3 (melalui Chukai – Paka – Dungun).

Jalan Jerangau – Jabor melibatkan jarak perjalanan keseluruhan sepanjang 180km dan melalui 5 daerah, iaitu Kuantan, Kemaman, Dungun, Hulu Terengganu, Marang dan Kuala Terengganu. Jalan tersebut dibina dengan spesifikasi reka bentuk 'single carriageway' di mana kelebaran setiap lorong ialah 3.5 meter. Berdasarkan Bancian Trafik Kebangsaan 2013, jumlah purata trafik yang menggunakan Jalan Jerangau – Jabor ialah sekitar 26,000 kenderaan sehari di mana daripada jumlah tersebut 45% terdiri daripada kenderaan perdagangan. Mengambil kira spesifikasi jalan sedia ada dan kapasiti trafik di laluan tersebut, had laju yang diwartakan ialah antara 60 – 70 km/jam sahaja.

Jumlah kenderaan di Jalan Jerangau – Jabor ini dijangka akan berkurangan berikutan dijangka berlaku peralihan aliran trafik ke Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 yang akan siap dan dibuka sepenuhnya pada akhir tahun 2014 ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa memantau mengenai struktur jalan yang sering mengalami kerosakan di laluan tersebut. Ini disebabkan faktor bebanan kenderaan berat, khususnya kenderaan yang mengangkut biji besi di laluan dari Bukit Besi ke Kuantan.

Untuk tahun 2010 hingga 2014, kementerian ini telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM52 juta bagi tujuan memperkukuhkan struktur laluan yang mengalami kerosakan kritikal, terutama di daerah Hulu Terengganu dan Kemaman dengan jarak laluan sepanjang 58km. Di samping itu, kementerian ini juga telah mengenal pasti sepanjang 33km lagi untuk melaksanakan kerja-kerja baik pulih struktur jalan dengan anggaran kos peruntukan projek sebanyak RM45 juta. Skop projek ini termasuk menaik taraf lokasi kerap berlaku kemalangan atau 'blackspots'. Projek ini akan dimulakan sebaik sahaja kementerian ini menerima pengesahan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN: 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[ KANOWIT ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7111**

**SOALAN:**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah Pertubuhan NGOs atau organisasi yang didaftar dan tidak didaftar di negara ini. Adakah Kerajaan dapat mengesan aktiviti sebenar pertubuhan-pertubuhan ini dan adakah ianya dibenarkan di bawah undang-undang sedia ada.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] memperuntukkan mana-mana pertubuhan yang ingin bergerak secara sah perlulah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Kegagalan mana-mana pertubuhan untuk berbuat demikian akan berdepan dengan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 6 (3) Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] iaitu, “Sesiapa yang melakukan pelanggaran terhadap Seksyen 6 (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, dan jika pelanggaran itu adalah suatu pelanggaran yang berlanjutan, maka orang itu bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari pelanggaran itu dilanjutkan selepas hari yang pertama”.**

**Peruntukan di bawah Seksyen 2 Akta yang sama pula ada menyebut bahawa sekumpulan tujuh (7) orang atau lebih adalah memenuhi tafsiran sebagai sebuah pertubuhan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal dan sewajarnya mengambil tindakan untuk membuat permohonan pendaftaran pertubuhan.**

**Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri (KDN), jumlah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan JPPM**

**di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] sehingga 30 Jun 2014 adalah sebanyak 52,283 pertubuhan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini tidak merekodkan maklumat jumlah pertubuhan yang tidak berdaftar kerana organisasi seumpamanya tidak tampil ke JPPM untuk mengemukakan permohonan untuk didaftarkan.**

**Kerajaan memantau aktiviti pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar berdasarkan Undang-Undang Tubuh Pertubuhan serta melalui Penyata Tahunan yang dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan yang mengandungi laporan aktiviti pertubuhan, laporan kewangan, minit Mesyuarat Agung dan senarai ahli jawatankuasa yang dipilih bagi tahun semasa. Bagi pertubuhan-pertubuhan yang tidak berdaftar pula, Kerajaan mendapat laporan berkenaan aktiviti pertubuhan tersebut berdasarkan laporan polis, aduan awam, media massa dan lain-lain sumber. Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 6 Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335], suka diperjelaskan bahawa undang-undang semasa tidak membenarkan pertubuhan yang tidak berdaftar untuk menyusun atau mengambil bahagian di dalam apa-apa gerakan atau bagi pihak pertubuhan itu.**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH**  
**[ KUALA TERENGGANU ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014 [RABU]**

**SOALAN : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan memandangkan masalah pukut tunda oleh nelayan dan perahu asing masih berterusan, apakah langkah-langkah tambahan di ambil oleh pihak berkuasa untuk mengatasi dan menghapuskan kegiatan ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah mengambil beberapa langkah untuk membendung pencerobohan pukut tunda oleh nelayan asing. Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:-

- i. Tidak membenarkan mana-mana vesel terpakai asing didaftar dan dilesenkan di bawah Akta Perikanan 1984 terutama vesel yang berasal dari Negara Vietnam yang memberi impak yang besar

dalam pencerobohan perairan ZEE Negara berkuatkuasa pada 30 Januari 2014;

- ii. Membatalkan lesen mana-mana vesel yang berasal dari negara asing yang dilesenkan di bawah Akta Perikanan 1985 sekiranya tidak menyumbang kepada pendaratan ikan Negara;
- iii. Menggantung lesen mana-mana vesel yang berasal dari negara asing yang dilesenkan di bawah Akta Perikanan 1985 yang didapati melakukan kesalahan di bawah syarat-syarat lesen dan tidak dibenarkan mengambil minyak bersubsidi Kerajaan;
- iv. Menguatkuasakan syarat saiz mata keroncong 38 mm bagi pukot tunda bermula 1 November 2013;
- v. Mensyaratkan kewajipan pemasangan peralatan *Automatic Identification System* (AIS) di atas vesel pukot tunda Zon B dan Zon C bertujuan untuk mencegah dari pencerobohan zon dan nelayan asing; dan
- vi. Bekerjasama dengan Persatuan Nelayan dari masa ke semasa dengan memberi nasihat dan penerangan kepada ahli-ahli persatuan agar maklumat kegiatan dan pencerobohan perahu atau bot nelayan asing di kawasan operasi Persatuan Nelayan disalurkan kepada pihak berwajib.

Semenjak tahun 2006 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) merupakan agensi penguatkuasaan tunggal yang menjalankan pengawasan dan tangkapan terhadap pencerobohan vesel asing dalam perairan perikanan Malaysia. Namun begitu, selaras dengan peruntukan undang-undang Akta Perikanan 1985 dan instrumen antarabangsa *1995 FAO Code of Conduct for Responsible Fisheries* (1995 FAO CCRF), Jabatan Perikanan Malaysia tetap menjalankan

aktiviti pemantauan dan pengawasan di laut. Vesel-vesel nelayan asing yang menceroboh dan menangkap ikan di perairan perikanan Malaysia akan ditahan oleh penguatkuasa Jabatan Perikanan Malaysia sekiranya dijumpai semasa menjalankan aktiviti pemantauan dan pengawasan tersebut. Sebagai makluman, Jabatan Perikanan Malaysia telah menahan dua (2) buah vesel asing yang menangkap ikan di perairan perikanan Malaysia pada tahun 2013 dan lima (5) buah lagi telah ditahan sehingga bulan September 2014.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7326**

**SOALAN:**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) tindakan yang diambil oleh Kerajaan berikutan penyebaran tuntutan pemisahan negeri Sabah dan Sarawak dalam laman sosial; dan

(b) berikutan isu yang dimainkan, seperti Laporan RCI (Suruhanjaya Siasatan Diraja) mengenai isu PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin) di negeri Sabah bagi menyokong gerakan di atas, apakah tindakan diambil oleh Kerajaan begitu juga sentimen Anti Persekutuan yang kian menular di negeri Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan memandang serius dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana kumpulan, pertubuhan mahupun individu yang mengeluarkan kenyataan ataupun gerakan untuk memisahkan Sabah dan Sarawak dari Malaysia.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu ini masih lagi di dalam siasatan pihak polis. Kenyataan-kenyataan berbau hasutan ini yang disebarikan melalui media sosial disiasat dengan teliti bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (b) pula, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil tindakan bagi mengekang isu ini berdasarkan tiga (3) pendekatan iaitu:**

- i. melalui penguatkuasaan undang-undang termasuklah mengambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 disamping undang-undang lain yang berkaitan;**

**ii. menjalinkan kerjasama dengan NGO-NGO serta pemimpin-pemimpin tempatan untuk membentuk perhubungan yang baik dan persefahaman antara semua pihak agar saling hormat menghormati dan hidup secara harmoni diantara wilayah-wilayah di dalam negara; dan**

**iii. menjalankan aktiviti-aktiviti kempen kesedaran dan ceramah-ceramah berhubung semangat kesatuan dan kesetiaan kepada negara dan menerangkan tentang bahayanya jika terlibat dengan kegiatan hasutan.**

**Di sini saya ingin menyeru agar semua pihak menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan, kesatuan, memelihara keharmonian dan kesejahteraan rakyat yang dinikmati selama ini.**

**NO. SOALAN: 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
[ BATU ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7113**

**SOALAN:**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil  
oleh Kerajaan untuk membanteras aktiviti judi 'cybercafe' di Kuala  
Lumpur dan khususnya di Parlimen Batu. Adakah pihak Kerajaan  
pernah menjalankan operasi membanteras aktiviti judi di Parlimen  
Batu.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM terutamanya Cawangan D7 iaitu Bahagian Pencegahan Maksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap untuk membanteras kegiatan perjudian haram yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket. Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:-**

- i. Mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian Cyber Cafe dan menuduh mereka di bawah undang-undang yang berkaitan.**
- ii. Mengadakan operasi-operasi semasa ke atas tempat-tempat yang telah dikenalpasti menjalankan Cyber Cafe sebagai tempat perjudian.**
- iii. Mempertingkatkan kerjasama dengan pihak majlis berkuasa tempatan dalam menguatkuasakan Enakmen tempat-tempat hiburan negeri-negeri.**

**Statistik sebuhan dan tangkapan yang dibuat terhadap Cyber Cafe yang menjalankan aktiviti perjudian secara online bagi Parlimen Batu (Daerah Sentul) bagi tahun 2013 dan 2014 (Januaari - Ogos) seperti berikut:-**

DAERAH	JUMLAH SERBUAH		SERBUAH BERJAYA		TANGKAPAN		RAMPASAN MESIN		JUMLAH IP		JUMLAH DITUDUH		D/SIASATAN		NFA	
	2013	2014	2013	2014	2013	2014	2013	2014	2013	2014	2013	2014	2013	2014	2013	2014
SENTUL	2006	1742	159	163	335	525	1712	3833	159	293	72	135	55	65	32	93

**NO. SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7110**

**SOALAN:**

Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) tindakan undang-undang yang diambil terhadap pertubuhan tidak berdaftar seperti Pasukan Peronda Sukarela (PPS) di Pulau Pinang; dan
- (b) tindakan undang-undang yang diambil terhadap kumpulan yang menghasut dan menyebarkan ceramah untuk memisahkan Sabah dari Malaysia.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] memperuntukkan bahawa mana-mana pertubuhan yang ingin bergerak secara sah perlulah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Kegagalan mana-mana pertubuhan untuk berbuat demikian akan menyebabkan mereka berdepan dengan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 6 (3) iaitu, “Sesiapa yang melakukan pelanggaran terhadap Seksyen 6 (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, dan jika pelanggaran itu adalah suatu pelanggaran yang berlanjutan, maka orang itu bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari pelanggaran itu dilanjutkan selepas hari yang pertama”.**

**Peruntukan di bawah Seksyen 2 Akta yang sama pula ada menyebut bahawa sekumpulan tujuh (7) orang atau lebih adalah memenuhi tafsiran sebagai sebuah pertubuhan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal dan sewajarnya mengambil tindakan untuk membuat permohonan pendaftaran pertubuhan.**

**Berhubung dengan status Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Pulau Pinang pula, rekod Kementerian menunjukkan bahawa PPS tidak pernah memohon untuk didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Sehubungan dengan itu, bagi perkara-perkara berkaitan PPS Pulau Pinang, Kementerian ini tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci perkara tersebut kerana dikhuatiri akan mengganggu siasatan pihak polis dan JPPM yang sedang berjalan.**

**Pada masa yang sama, Kerajaan sentiasa memantau aktiviti-aktiviti pertubuhan yang terdapat di negara ini supaya ianya tidak menyalahi undang-undang. Kerajaan memantau aktiviti sebenar pertubuhan yang berdaftar berdasarkan Undang-Undang Tubuh Pertubuhan yang didaftarkan serta melalui Penyata Tahunan yang dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan. Bagi pertubuhan-pertubuhan yang tidak berdaftar pula, Kerajaan mendapat laporan berkenaan aktiviti pertubuhan tersebut berdasarkan laporan polis, aduan awam, media massa dan sebagainya.**

**Bagi menjawab soalan (b) mengenai tindakan terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab yang menghasut dan menyebarkan ceramah untuk mengeluarkan Sabah dari Malaysia, pihak Kerajaan memandang serius tentang isu ini yang boleh menjejaskan perpaduan dan juga keharmonian Negara. Kerajaan melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah bertindak dengan menyiasat pihak yang tidak bertanggungjawab**

**menyebarkan maklumat-maklumat dan menghasut rakyat terutamanya di Sabah dan Sarawak agar keluar dari Malaysia. Kumpulan ini telah bergiat dengan aktif dilaman-laman sosial bagi menghasut masyarakat dengan fakta-fakta yang tidak benar dan tidak sah.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7112**

**Pertanyaan:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai yang telah dikenakan hukuman gantung sampai mati dalam dua tahun lalu serta bilangan tertuduh yang telah dihukum gantung tetapi masih menunggu hukuman itu dilaksanakan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sepanjang tahun 2012 hingga 2013, Jabatan Penjara telah melaksanakan tiga (3) hukuman mati.**

**Seramai 975 banduan yang disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah masih lagi dalam proses rayuan sama ada di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan atau Lembaga pengampunan Negeri.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. HAJI ABD. LATIF BIN HAJI AHMAD  
(MERSING)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.10.2014**

**Y.B. DATUK DR. HAJI ABD. LATIF BIN HAJI AHMAD [ MERSING ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha atau strategi jangka pendek iaitu sebelum penstrukturan semula MAS untuk menarik minat penumpang menggunakan penerbangan MAS setelah terjejas akibat tragedi MH370 dan MH17 yang lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, keutamaan MAS pada

masa ini adalah untuk menumpukan perhatian kepada pelaksanaan inisiatif sedia ada di bawah pelan perniagaan syarikat dengan sasaran untuk meningkatkan kendalian trafik penumpang yang telah terjejas berikutan insiden MH370 dan MH17 yang lalu. Pelbagai strategi dan pelan jangka pendek telah dirancang dan akan dilaksanakan bagi memulihkan imej syarikat serta meningkatkan semula keyakinan penumpang kepada perkhidmatan MAS. Antara langkah yang dilaksanakan adalah mengaktifkan semula promosi jualan untuk semua sektor termasuk pasaran di China serta menggiatkan kempen pemasaran taktikal di seluruh dunia melalui pakatan perkongsian sedia ada.

Selain itu, MAS terus komited untuk mengekalkan daya saing serta menyediakan tahap perkhidmatan berkualiti kepada penumpang serta memberi tumpuan kepada inisiatif untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti dengan mengukuhkan rangkaian perkhidmatan MAS. Program Penggantian Pesawat merupakan pemangkin kepada pelan pemulihan MAS melalui inisiatif memenangi semula penumpang. Dengan adanya pesawat baru seperti A380, Boeing 737-800 dan Airbus A330, MAS dapat

mempelbagaikan perkhidmatan bagi memberi kepuasan kepada penumpang dan mengekalkannya sebagai syarikat penerbangan pilihan. MAS juga menawarkan perkhidmatan berkualiti bertaraf lima (5) bintang dengan harga kompetitif berbanding syarikat-syarikat penerbangan lain.

Tuan Yang di-Pertua,

### **Pelan Pemulihan MAS**

Pada 29 Ogos 2014, Khazanah telah mengumumkan Pelan Pemulihan MAS yang melibatkan rombakan menyeluruh syarikat penerbangan tersebut. Pelan Pemulihan ini merangkumi elemen tadbir urus dan rangka kerja kewangan, model operasi perniagaan, kepimpinan dan modal insan serta persekitaran pengawalseliaan dan pemudah yang dibahagikan kepada 12 rangka kerja seperti berikut:

- 1) menubuhkan syarikat baharu bagi menempatkan “MAS Baru”, menyahsenarai MAS (syarikat sedia ada) dan penyenaiaan semula “MAS Baru”. Penyahsenaraian MAS adalah langkah pertama dalam

proses penstrukturan semula secara menyeluruh bagi melindungi kepentingan pemegang saham minoriti daripada risiko pelaksanaan serta memberi peluang kepada MAS dan Khazanah untuk membuat keputusan secara pantas dan berkesan;

2) Menyediakan dana sehingga RM6 bilion untuk penyusunan semula serta pelaburan dan mengurangkan nisbah bersih hutang berbanding dana pemegang saham kepada 120%;

3) Menetapkan semula model perniagaan yang mampan melalui rangkaian perkhidmatan yang memberi fokus kepada pasaran serantau, struktur kos yang lebih rendah dan penekanan yang lebih kepada pengurusan hasil;

4) Menyatukan operasi teras dan ibu pejabat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA);

5) Mengukuhkan jaminan, integriti dan fungsi keselamatan;

- 6) Mengkaji dan merundingkan semula kontrak bekalan;
- 7) Memperkukuhkan barisan kepimpinan;
- 8) Menyesuaikan saiz tenaga kerja, dengan anggaran 14,000 kakitangan di "MAS Baru";
- 9) Mengukuhkan perhubungan industri dan penjawatan dalaman;
- 10) Latihan semula, pewujudan pekerjaan dan penempatan semula;
- 11) Sokongan Kerajaan yang sesuai terhadap inisiatif utama, dan
- 12) Komunikasi berterusan dan perhubungan dengan pihak berkepentingan.

Bagi melaksanakan Pelan Pemulihan MAS ini, Khazanah memerlukan

dana sehingga RM6 bilion yang akan disalurkan secara berperingkat, tertakluk kepada pencapaian syarat-syarat penyusunan semula yang ketat. Antara sasaran yang ditetapkan ke atas MAS adalah seperti penggubalan peraturan kerja dan syarat-syarat pekerjaan berdasarkan penanda aras industri, penyusunan semula proses dan penyelarasan, kajian semula kontrak, penyatuan operasi di KLIA, penubuhan jawatankuasa untuk memudahkan perundingan pekerja, tadbir urus dan etika, kelulusan Pelan Perniagaan, pembangunan sumber manusia dan pengurusan, kajian semula struktur tadbir urus korporat Syarikat dan penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kewangan dan operasi untuk pemantauan bulanan bagi memastikan pelaksanaan penstrukturan semula.

Peringkat awal Pelan Pemulihan MAS telah dimulakan dengan proses penyahsenaraian MAS dari Bursa Malaysia dilaksanakan secara Selected Capital Reduction (SCR) yang diumumkan oleh Khazanah pada 8 Ogos 2014. Pemegang saham yang berhak akan dibayar balik pada nilai RM0.27 sesaham bagi setiap saham yang dipegang. Keseluruhan transaksi SCR ini dijangka akan dimuktamadkan pada akhir Disember 2014 dan

Khazanah akan menjadi pemegang saham biasa tunggal MAS. Seterusnya kesemua operasi, aset dan liabiliti yang berkaitan akan dipindahkan kepada “MAS Baru” menjelang 1 Julai 2015.

Tempoh peralihan selama 10 bulan akan datang **adalah** daripada syarikat sedia ada kepada “MAS Baru” akan menyaksikan perubahan besar dari segi barisan kepimpinan akan dilaksanakan secara komprehensif dan teratur. **Perubahan** ini termasuk mengukuhkan komposisi Lembaga Pengarah, pengurusan atasan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) serta pengurusan pertengahan “MAS Baru” dengan memanfaatkan bakat kepimpinan terbaik di MAS.

Penghijrahan kepada “MAS Baru” akan melibatkan kajian semula kos keseluruhan syarikat penerbangan tersebut yang dijangka akan menghasilkan struktur kos yang lebih rendah, berikutan struktur operasi dan tenaga kerja akan dilaksanakan berdasarkan amalan dan norma-norma industri yang kompetitif.

Syarikat dijangka mencatatkan keuntungan dalam tempoh 3 tahun

dan menjelang tahun 2020 “MAS Baru” dijangka akan berada dalam kedudukan yang lebih kukuh dan boleh dipertimbangkan untuk disenaraikan semula di Bursa Malaysia, dijual atau diletakkan dalam perkongsian strategik yang mampu menjana pulangan positif.

Tuan Yang di-Pertua,

### **Isu Kakitangan MAS**

Mengenai pampasan kepada 6,000 kakitangan MAS yang diberhentikan, perkara ini masih belum dimuktamadkan oleh Khazanah dan masih menunggu keputusan program penilaian bakat yang sedang dilaksanakan di MAS. Selain daripada skim pemberhentian, Khazanah juga sedang menilai skim-skim lain yang boleh dipertimbangkan untuk memastikan bakat terbaik diberi insentif dan dikekalkan dalam “MAS Baru”.

Bagi membantu kakitangan yang akan diberhentikan, Khazanah telah menubuhkan sebuah pusat khas atau Outplacement Centre (OPC)

untuk memberikan sokongan penempatan, selari dengan proses penyusunan semula yang sedang dilaksanakan. OPC ini akan menyediakan khidmat sokongan berkaitan yang diperlukan oleh pelbagai kumpulan pekerja yang akan meninggalkan MAS.

Ini termasuklah sokongan profesional, emosi dan kewangan untuk membantu mereka beralih pekerjaan ke peringkat seterusnya dalam kerjaya masing-masing.

OPC diletakkan di bawah naungan Pusat Latihan Semula Korporat (CRC) yang ditubuhkan bagi penyusunan semula dan sokongan perkhidmatan. CRC akan meliputi bidang seperti perancangan kewangan dan persaraan, panduan kerjaya dan kaunseling, penjalinan hubungan dengan majikan serta badan-badan berkanun yang berpotensi. Khazanah terus komited untuk memastikan bahawa proses pemindahan, penghijrahan dan pemberhentian pekerja dilaksanakan dengan penuh cermat, adil dan menurut proses yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Industri penerbangan adalah salah satu pengganda ekonomi tertinggi iaitu sebanyak 12 kali, berbanding 1 hingga 3 kali yang dicatatkan oleh kebanyakan industri lain. Sebagai contoh, bagi setiap pekerja yang diambil kerja oleh MAS, terdapat empat (4) pekerjaan sokongan lain yang dicipta di pelbagai bidang lain dalam ekonomi. Oleh itu, MAS perlu kekal memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia agar dapat terus menyumbang kepada KDNK negara.

Bagi memastikan kejayaan Pelan Pemulihan ini, Khazanah dan MAS telah melantik perunding yang merupakan pakar dalam bidang masing-masing seperti penerbangan, undang-undang, kewangan, percukaian, penyelidikan dan pengurusan projek dengan jumlah bayaran kepada perunding dianggarkan berjumlah 1% hingga 2% daripada kos pelaburan keseluruhan sebanyak RM6 bilion.

Dalam menjayakan pelan pemulihan MAS, sokongan daripada pihak-pihak berkepentingan atau stakeholders yang meliputi pengurusan dan kakitangan MAS, Khazanah, Kerajaan, pembekal, kontraktor, institusi kewangan dan rakyat adalah amat penting untuk membina kembali ikon

penerbangan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014 (RABU)**

**SOALAN : 22**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) berapa jumlah perbelanjaan bagi membiayai kos pengurusan keputungan jenazah mangsa nahas pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH17 yang terhempas di Ukraine pada 17 Julai yang lalu; dan
- (b) berapakah pegawai dan kakitangan awam dan beruniform yang ditugaskan di luar negara bagi menguruskan siasatan kemalangan hinggalah kepada jenazah dibawa pulang.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan bagi membiayai kos pengurusan kepulangan jenazah mangsa nahas pesawat MH17 belum dapat dipastikan kerana masih terdapat jenazah-jenazah yang belum dibawa pulang ke Malaysia. Walau bagaimanapun, sehingga kini Kerajaan hanya membiayai perbelanjaan seperti penghantaran, tempat penginapan dan elaun makan bagi pegawai dan kakitangan awam yang dihantar bertugas di Ukraine dan Belanda. Manakala bagi perbelanjaan pengurusan jenazah, perbelanjaan tersebut ditanggung oleh syarikat Malaysia Airlines (MAS).
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pegawai, kakitangan awam dan beruniform yang ditugaskan di luar negara bagi menguruskan siasatan kemalangan hinggalah kepada jenazah dibawa pulang adalah seramai 277 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH  
FADZIR [ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sambutan yang diterima terhadap kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 selepas insiden MH 370 dan MH 17 berlaku dari segi kedatangan pelancong luar ke dalam negara.

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 masih berjalan lancar meskipun berlakunya tragedi MH 370 dan MH 17 yang tidak diingini. Ini dapat dilihat dari segi ketibaan pelancong asing bagi tempoh Januari hingga Jun 2014, di mana negara masih menerima seramai **13.88 juta** orang pelancong iaitu peningkatan sebanyak **10.5 peratus** berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013 dengan seramai **12.55 juta** orang pelancong.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Tourism Malaysia telah dan sedang mengambil beberapa langkah strategi bagi memulihkan pasaran-pasaran yang terjejas terutama negara China PRC yang mengalami kejatuhan bilangan pelancong seramai **9.8 peratus** bagi tempoh Januari – Jun, 2014 iaitu seramai **850,877** berbanding **943,756** orang bagi tempoh yang sama pada tahun 2013.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
(SETIAWANGSA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.10.2014**

**Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [ SETIAWANGSA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi membantu 6,000 pekerja MAS yang bakal diberhentikan melalui Pelan Penstrukturan Baru MAS. Adakah sebarang inisiatif dari Kerajaan bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan baru atau inisiatif lain bagi menampung kos sara hidup mereka buat sementara waktu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, menurut piawaian dan penanda aras industri bagi syarikat penerbangan yang mempunyai persamaan dengan MAS dari segi saiz, laluan dan pelan perniagaan, jumlah optimum tenaga kerja yang diperlukan oleh MAS adalah seramai kira-kira 14,000 orang bagi memastikan operasi yang cekap dan produktif. Justeru itu, adalah dianggarkan seramai kira-kira 6,000 pekerja akan terlibat dalam proses pemberhentian (*retrenchment*). Ketika ini, MAS giat melaksanakan proses tapisan untuk menentukan *outfit* terbaik dari semua peringkat pengurusan dan sokongan bagi memperoleh kos operasi yang optimum.

Bagi memberikan sokongan kepada kira-kira 6,000 kakitangan MAS yang terlibat dalam proses pemberhentian tersebut, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) akan menubuhkan sebuah pusat khas atau *Outplacement Centre* (OPC) di bawah Pelan Penyusunan Semula MAS. OPC ini akan menyediakan khidmat sokongan berkaitan yang diperlukan oleh pelbagai kumpulan pekerja yang akan meninggalkan MAS. Ini termasuklah sokongan profesional, emosi dan kewangan untuk membantu mereka

beralih pekerjaan

ke peringkat seterusnya dalam kerjaya masing-masing.

OPC akan diletakkan di bawah naungan Pusat Latihan Semula Korporat (CRC) yang ditubuhkan bagi penyusunan semula dan sokongan perkhidmatan. CRC akan meliputi bidang seperti perancangan kewangan dan persaraan, panduan kerjaya dan kaunseling, penjalinan hubungan dengan majikan serta badan-badan berkanun yang berpotensi.

Tuan Yang di-Pertua,

Perjumpaan dengan kakitangan MAS menerusi beberapa sesi turun padang yang telah diadakan menunjukkan bahawa terdapat sokongan meluas ke atas penubuhan CRC dan OPC daripada kakitangan MAS di samping keinginan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai penyusunan semula ini. Kesatuan pekerja MAS berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai CRC dan OPC, khususnya jenis Latihan Semula yang disediakan, proses pemilihan, tempoh latihan, dan jangka masa untuk menyiapkan pusat tersebut.

Penempatan semula 6,000 orang pekerja dan jumlah pampasan bagi skim pemberhentian ini sedang dimuktamadkan sementara menunggu penyelesaian program penilaian bakat yang sedang dilaksanakan di MAS. Selain daripada skim pemberhentian, Khazanah juga sedang menilai skim untuk memastikan bahawa bakat terbaik diberi insentif dan dikekalkan dalam "MAS Baru".

Memandangkan jumlah dana yang besar serta usaha dan masa yang banyak diperlukan untuk menjayakan Pelan Pemulihan MAS ini, adalah kritikal bagi Kerajaan untuk memastikan pembentukan sebuah syarikat penerbangan yang berjaya dan mampan yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara menjelang penghujung pelaksanaan rancangan ini. Oleh itu, Khazanah komited untuk memastikan proses pemindahan, penghijrahan dan pemberhentian yang melibatkan kakitangan MAS dilaksanakan dengan penuh cermat, adil dan menurut proses yang ditetapkan bagi meminimumkan kesan kepada mereka yang terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED  
[ PULAI ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014 (RABU)**

**SOALAN : 25**

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [ Pulai] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan tahap kesiapsiagaan sistem radar dan komunikasi Jabatan Penerbangan Awam (DCA) untuk mengawal dan memantau aliran trafik udara negara dan adakah kedua-dua sistem ini benar-benar berfungsi untuk mengesan kenderaan udara yang masuk dan keluar negara.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua, tahap kesiapsiagaan sistem radar dan komunikasi Jabatan Penerbangan Awam (DCA) untuk mengawal dan memantau aliran trafik udara di *Kuala Lumpur Flight Information Region (KL FIR)* dan *Kota Kinabalu Flight Information Region (KK FIR)* adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organization (ICAO)*.

Kedua-dua sistem ini dapat berfungsi untuk mengesan kenderaan udara yang masuk dan keluar negara melalui ruang udara Malaysia (*KL FIR* dan *KK FIR*). Ruang lingkup sistem radar dan komunikasi adalah meliputi keseluruhan ruang udara di semenanjung Malaysia (*KL FIR*) dan ruang udara Sabah dan Sarawak (*KK FIR*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Puan Teresa Kok Suh Sim  
[ Seputeh ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014 (rabu)**

**SOALAN : 26**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kos pembinaan KLIA & KLIA2 dan cukai lapangan terbang yang dikenakan oleh MAHB di kedua-dua lapangan terbang ini. Nyatakan jumlah penumpang yang menggunakan KLIA & KLIA2 pada Julai, Ogos, September 2014 dan cukai (airport tax) yang dikutip di KLIA dan KLIA2.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kos yang dibelanjakan bagi pembinaan KLIA dan KLIA2 adalah sebanyak RM 13 billion.

Cukai lapangan terbang (ataupun lebih tepat *Passenger Service Charge* (PSC) yang dikenakan di KLIA dan KLIA2 adalah RM65 dan RM32 bagi penumpang berlepas antarabangsa dan RM9 dan RM6 bagi penumpang berlepas domestik masing-masing,

Jumlah penumpang yang menggunakan KLIA pada Julai dan Ogos 2014 adalah sebanyak 3,893,691 orang. Manakala jumlah penumpang yang menggunakan KLIA2 bagi tempoh tersebut adalah seramai 3,936,652 orang. Jumlah penumpang pada bulan September masih dalam proses pengiraan.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan berapa banyak dan jenis-jenis kes pencemaran sungai dan sumber air yang diadukan oleh masyarakat dan berapa kejayaan Kementerian dalam mendakwa dan jenis hukuman yang dikenakan.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari bulan Januari 2014 sehingga kini, Jabatan Alam Sekitar telah menerima sejumlah 467 kes aduan yang melibatkan pencemaran air. Pencemaran air ini meliputi pelepasan efluen daripada perindustrian, pelepasan kumbahan dan juga tumpahan ke perairan daratan seperti sungai atau parit.

Bagi tempoh Januari sehingga Ogos 2014, berikut adalah tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar:

- i. 57 kes** telah ditawarkan kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan ) 2009 dengan kutipan sebanyak **RM 44,500.00**;
- ii. 2 kes** tindakan mahkamah di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan ) 2009 dengan jumlah terkumpul denda **RM 23,200.00**;
- iii. 225 kes** telah ditawarkan kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dengan kutipan sebanyak **RM 284,000.00**;
- iv. 31 kes** tindakan mahkamah di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dengan jumlah terkumpul denda sebanyak **RM 1.642 juta**;

- v. **4 kes** tindakan mahkamah di bawah Seksyen 25 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan jumlah terkumpul denda **RM 80,000.00**; dan
- vi. **18 kes** mahkamah di atas kegagalan mematuhi syarat lesen bagi premis yang ditetapkan Kilang Kelapa Sawit dan Kilang Getah dengan jumlah terkumpul denda **RM 321,000.00**.

Sesiapa yang melakukan kesalahan mencemarkan sungai juga boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 25 (3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, dengan hukuman denda tidak lebih daripada RM100,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali di samping denda tambahan tidak lebih daripada RM1000.00 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
[ AMPANG ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan langkah dan bantuan yang telah dan akan dijalankan ke atas isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak berdasarkan perincian Kementerian Dalam Negeri bahawa jumlah kanak-kanak tersebut mencecah 14 ribu dari tahun 2013 sehingga April 2014.**

**Jawapan:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), akan bertindak menyelamatkan kanak-kanak sekiranya terdapat sebarang aduan berlaku pengabaian dan penderaan terhadap kanak-kanak. Tindakan yang diambil berdasarkan kepada perenggan 17(1), Akta Kanak-Kanak 2001. Kanak-kanak yang diselamatkan (jika disahkan sebagai warganegara asing) akan terus dirujuk kepada Jabatan Imigresen atau pihak kedutaan yang terlibat. Bagi kanak-kanak yang mempunyai ibubapa atau penjaga tetapi tiada dokumen pengenalan diri JKM akan membantu menasihati ibubapa atau penjaga menguruskan permohonan Daftar Lewat Kelahiran kanak-kanak dengan kerjasama Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara.

Sekiranya ibubapa atau penjaga kanak-kanak tidak dapat dikesan maka kanak-kanak akan diberi perlindungan di institusi kebajikan.

Bagi menentukan status kewarganegaraan seorang kanak-kanak, bidangkuasa tersebut terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri dan KPWKM hanya memberi tumpuan dari aspek perlindungan kanak-kanak tersebut sahaja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG  
(SEGAMBUT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.10.2014**

**Y.B. TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tujuan Kerajaan menubuhkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), kaedah diguna untuk mengumpul dana, jumlah dana terkini, apakah pencapaian-pencapaiannya dan apakah perbezaan peranan di antara 1MDB dengan Khazanah Nasional dan Permodalan Nasional Berhad.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Tujuan Kerajaan menubuhkan 1Malaysia Development Berhad ("1MDB") pada tahun 2009 di bawah Akta Syarikat 1965 adalah bagi menerajui inisiatif-inisiatif strategik pembangunan ekonomi jangka panjang yang mampan dan menggalakkan pengaliran masuk pelaburan asing ke dalam Negara. Fungsi utama 1MDB merangkumi:

- i. Melabur dalam projek-projek yang boleh membantu memacu inisiatif strategik untuk pembangunan mampan jangka panjang dan menggalakkan aliran masuk pelaburan langsung asing; dan
- ii. Menggunakan rangkaian antarabangsa (*international networking*) bagi membawa masuk pelaburan langsung asing yang berpadanan untuk projek-projek Negara.

Kaedah yang digunakan oleh 1MDB untuk mengumpul dana adalah dengan membawa masuk pelaburan langsung asing yang berpadanan untuk projek-projek Negara dan menerbitkan bon.

Pihak yang memberi pinjaman kepada 1MDB terdiri daripada institusi kewangan domestik dan antarabangsa. 1MDB mempunyai pinjaman sebanyak RM5.8 bilion yang menerima jaminan eksplisit Kerajaan Malaysia. Selain daripada itu, 1MDB tidak menerima jaminan dari Kerajaan bagi bon-bon atau pinjaman-pinjaman yang lain. RM5 billion adalah jaminan yang diberi kepada bon-bon IMTN 30 tahun yang diterbitkan oleh 1MDB dan RM800juta bagi pinjaman 1MDB.

Jumlah nilai aset terkumpul 1MDB pada tahun berakhir 31 Mac 2013 pula adalah sebanyak RM44.66 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini,

1MDB menerajui projek jangka panjang untuk mengambil peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi. Di antara pelaburan yang kini sedang dijalankan adalah seperti yang berikut:

## **1. Tun Razak Exchange:**

Direka bentuk bagi memenuhi keperluan masa depan, pembangunan Pusat Kewangan Antarabangsa Tun Razak Exchange, contohnya dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai *Early Entry Point* dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan perkapita menjelang 2020.

Projek yang dianggarkan bernilai RM26 billion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hub kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah bandaraya global.

Baru-baru ini TRX juga telah memilih syarikat hartanah dan infrastruktur antarabangsa Lend Lease sebagai rakan kongsi utama di dalam projek pembangunannya untuk TRX 'Lifestyle Quarter'. Perjanjian yang ditandatangani 1MDB Real Estate Sdn Bhd (1MDB RE) dan Lend

Lease ini dijangka menarik sehingga US\$1 bilion (RM3.2 bilion) dalam bentuk pelaburan langsung asing ke Malaysia.

## **2. Pembangunan Semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur kepada Bandar Malaysia:**

Bandar Malaysia pula adalah satu projek pembangunan bersepadu memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Projek ini turut memperuntukkan sebahagian daripada keluasannya untuk membina Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

## **3. Sektor Tenaga:**

Sektor tenaga juga adalah salah satu sektor fokus 1MDB pada masa ini. Pembelian aset-aset tenaga Tanjong Energy Holdings, Genting Sanyen dan juga Jimah Energy Ventures Sdn Bhd baru-baru ini merupakan langkah bagi 1MDB ke arah memenuhi aspirasi Kerajaan untuk membina jaminan

tenaga mampan dalam jangka panjang.

Konsortium 1MDB-Mitsui juga telah memenangi Projek 3B oleh Suruhanjaya Tenaga yang akan melibatkan pembinaan dan operasi 2000MW loji arang batu bersebelahan loji janakuasa Jimah di Negeri Sembilan.

1MDB kini merupakan pengeluar tenaga bebas (IPP) kedua terbesar di Malaysia dari segi kapasiti pengeluaran tenaga.

Tuan Yang Dipertua,

1MDB ditubuhkan untuk memacu pembangunan ekonomi mampan jangka masa panjang yang berimpak tinggi bagi Malaysia dan untuk menjalin perkongsian strategik global dalam menarik pelaburan langsung asing ke Malaysia yang memberi fokus utama kepada sektor tenaga, hartanah dan hospitaliti.

**1MDB memainkan peranan penting sebagai pemboleh yang diamanahkan oleh Kerajaan Malaysia untuk menjadi pemangkin dalam memacu prinsip-prinsip 1 Malaysia dan Model Ekonomi Baru.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ  
BIN OMAR  
(POKOK SENA)**

**TARIKH : 08.10.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilakah tarikh siap projek pembinaan Kompleks 7 Briged Kem Skudai Johor.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Projek ini telah dibatalkan kerana kegagalan pihak syarikat pemaju untuk menyiapkannya. Penamatan Perjanjian Penswastaaan telah dikeluarkan pada 11 April 2011.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN  
[ BAYAN BARU]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014 (RABU)**

**SOALAN : 31**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara teliti skop kerja kontrak US\$60 juta yang ditawarkan kepada Syarikat Belanda Furgo untuk mencari MH370. Berapakah kos tanggungan Kerajaan Malaysia dan Petronas dalam kontrak tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut Australia, skop kerja kontrak AUD60 juta yang ditawarkan kepada Syarikat Belanda Furgo bagi mencari MH370 adalah seperti berikut:

- (i) menjalankan *bathymetric survey* yang melibatkan kerja-kerja *mapping* dasar laut;
- (ii) menjalankan operasi pencarian di bawah permukaan laut menggunakan *methodologies* dan peralatan yang berupaya untuk mengenal pasti pesawat MAS MH370 atau serpihannya;
- (iii) mendapatkan gambar dan rakaman pesawat MAS MH370 yang diperlukan bagi menjalankan operasi mendapatkan semula (*recovery*) pada masa hadapan; dan
- (iv) menjalankan operasi pencarian ke atas kawasan seluas 60,000 kilometer persegi dalam kawasan pencarian yang telah ditetapkan.

Malaysia dan Australia bersetuju untuk menanggung kos kontrak tersebut secara bersama. Petronas tidak menanggung sebarang kos dalam kontrak tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[KOTA KINABALU]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014 (RABU)**

**SOALAN : 32**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan ke atas Dasar Kabotaj yang menyebabkan ketidakseimbangan harga barangan antara Timur dan Barat Malaysia. Adakah Kerajaan akan memansuhkan Dasar Kabotaj. Nyatakan bagaimana peruntukan sebanyak RM331 juta yang bertujuan untuk penyeragaman harga barangan dalam bajet 2014 digunakan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan 2 makmal mini yang telah diadakan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang ke arah kos sara hidup yang tinggi di Sabah, Sarawak dan Labuan dan laporan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (PEMANDU), Kerajaan mendapati Dasar Kabotaj bukanlah faktor utama yang menyumbang kepada ketidakseimbangan harga barangan antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Dasar Kabotaj sedia ada yang bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan kapasiti perkapalan di kalangan syarikat-syarikat tempatan serta mengurangkan aliran keluar wang asing dalam bentuk bayaran insurans dan fret.

Tuan Yang Dipertua,

Peruntukan sebanyak RM331 juta bagi program penyeragaman harga barang terutama di Sabah, Sarawak dan Labuan yang terkandung dalam Bajet 2014 adalah bagi program-program seperti berikut:

- (i) program penyeragaman Barang Perlu (BP), Gas Petroleum Cecair (LPG) dan *Community Drumming* (CD) dengan peruntukan berjumlah RM186 juta;
- (ii) program 1Malaysia 1Harga dengan peruntukan berjumlah RM85 juta; dan

- (iii) program penghantaran barangan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan peruntukan berjumlah RM60 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW [ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014 ( RABU )**

**SOALAN :**

**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ] minta PERDANA MENTERI menyatakan butiran terperinci semua laluan penerbangan yang telah dijalankan oleh pesawat pengangkut VIP Airbus A319CJ dengan pendaftaran 9M-NAA milik TUDM dari 1 hingga 15 Ogos 2014, tujuan penerbangan tersebut, senarai penumpang dan butiran kos secara terperinci untuk tempoh tersebut.**

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Dewan, pesawat tersebut membawa YAB Perdana Menteri dan isteri serta delegasi beliau ke Belanda bagi tujuan lawatan rasmi. Lawatan ini diadakan bagi membincangkan penyelesaian kepada tragedi MH17.

Pesawat yang membawa YAB Perdana Menteri tersebut merupakan pesawat rasmi Kerajaan di mana ia digunakan atas urusan YAB Perdana Menteri. Segala kos yang terlibat dalam penerbangan tersebut adalah di dalam anggaran yang bersesuaian dengan perkhidmatannya.

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah keputusan, hasil penyiasatan atau rekomendasi Suruhanjaya Siasatan Diraja (Royal Commission of Inquiry) mengenai pendatang asing di negeri Sabah akan dikeluarkan dan adakah Kerajaan Persekutuan komited untuk melaksanakan semua rekomendasi tersebut.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana yang dimaklumi, Suruhanjaya Siasatan Pemandang Asing di Sabah yang ditauliahkan pelantikannya oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 21 September 2012 dan berakhir pada 22 Mei 2014 telah pun menyiapkan laporan hasil siasatannya. Suruhanjaya ini juga telah selesai mempersembahkan laporan siasatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 14 Mei 2014 selaras dengan tauliah penubuhan Suruhanjaya ini untuk menyerahkan laporan lengkap setelah siasatan diselesaikan.

Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan akan memberi perhatian yang serius terhadap laporan Suruhanjaya Siasatan Pemandang Asing di Sabah ini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA  
(SUBANG)**

**TARIKH : 08.10.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah pihak Tentera Udara di Gong Kedak atau pengkalan lain, selepas menemui pesawat MH370 (atau satu pesawat yang tidak dikenali) masih terbang pada ketinggian 30,000 kaki pada jam 2.40 pagi 8 Mac 2014 dekat Pulau Perak dalam radar mereka, menghubungi Jabatan Penerangan Awam Malaysia (DCA) atau KLATCC, dan jika ada, pada jam berapa, dan apakah tindak balas daripada DCA atau KLATCC.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pada dasarnya, penerbangan MH370 adalah penerbangan komersial yang dibawah kawalan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA). Pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi memastikan ruang angkasa negara sentiasa dilindungi dari sebarang bentuk ancaman.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN ABD  
HAMID  
(LUMUT)**

**TARIKH : 08.10.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengapa prestasi Hospital Angkatan Tentera Lumut kian merosot di mana Unit Rawatan Rapi (ICU) tidak dioperasikan kerana kekurangan staf, dan dimaklumkan pakar bius dan doktor pakar yang sangat terhad.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Unit Rawatan Rapi (ICU) di Hospital Angkatan Tentera (HAT) Lumut kini hanya berkeupayaan dan berfungsi dengan dua katil ICU. Perjawatan yang telah diluluskan hanyalah seorang Ketua Jururawat (U32) dan empat orang Jururawat Terlatih Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Walau bagaimanapun bagi memenuhi keperluan piawaian perkhidmatan ICU, dua orang Jururawat Terlatih telahpun ditempatkan bagi membolehkan ICU berfungsi dengan berkesan.**

**HAT Lumut kini mempunyai seorang pakar bius dan Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM juga di dalam proses mendapatkan perkhidmatan seorang Pakar Bius melalui kontrak dengan bekas Pakar Bius yang baru menamatkan perkhidmatan pada bulan April 2014. Pengoperasian ICU ini diperlukan bagi menampung kes-kes pasca pembedahan, keracunan dan kecederaan kepala (*head injury*) sebelum dirujuk ke Hospital berdekatan. HAT Lumut juga mempunyai hubungan baik dengan Hospital Besar Ipoh dan Hospital Daerah Manjung.**

**NO. SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7115**

**SOALAN:**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan berniat untuk menggubal Perlembagaan Persekutuan supaya tiap-tiap orang yang lahir di luar Persekutuan yang ibunya pada masa kelahiran itu seorang warganegara juga berhak untuk menjadi warga Malaysia.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil maklum bahawa soalan Ahli Yang Berhormat merujuk kepada “peruntukkan undang-undang yang boleh digunapakai bagi permohonan kewarganegaraan Malaysia kepada kanak-kanak yang dilahirkan di luar Persekutuan dan semasa kelahirannya ibu merupakan warganegara Malaysia”. Dalam hal ini, suka dimaklumkan bahawa peruntukkan undang-undang yang membenarkan permohonan kewarganegaraan Malaysia bagi kes-kes seumpamanya telah pun termaktub di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, bagi kanak-kanak yang dilahirkan di luar Persekutuan dan semasa kelahirannya ibunya merupakan warganegara Malaysia, pemohon boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan Malaysia di bawah peruntukkan tersebut. Oleh itu, pada masa kini, tidak ada keperluan untuk menggubal Perlembagaan Persekutuan khususnya mengenai perkara berkaitan. Walau bagaimanapun, pertimbangan ke atas sesuatu permohonan kewarganegaraan Malaysia di bawah peruntukkan tersebut masih lagi tertakluk kepada status perkahwinan yang sah bagi kedua ibu bapa kanak-kanak tersebut.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**SOALAN : 38**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci perkembangan terkini cadangan pembinaan stesen penjana kuasa elektrik nuklear yang akan dibina di Malaysia serta lokasi-lokasi yang dicadangkan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, Kajian Perundangan dan Kawalseliaan Tenaga Nuklear telah siap pada akhir tahun 2013. Hasilnya adalah draf Rang Undang-Undang Kawalseliaan Tenaga Atom untuk menggantikan Akta Pelesenan Tenaga Atom (Akta 304) 1984.

Di samping itu, Kajian Kemungkinan, atau dengan izin, *Feasibility Study*, dan penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear, atau dengan izin, *Nuclear Power Infrastructure Development Plan* (NPIDP), pula dijadualkan siap pada tahun 2015.

Kajian pendapat umum mengenai penggunaan tenaga nuklear pada peringkat kebangsaan akan dimulakan dan dijangka siap pada tahun 2015. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pendapat umum dan isu-isu yang dibangkitkan oleh mereka. Hasil kajian ini akan digunakan untuk merangka program penyebaran maklumat yang menepati keperluan maklumat untuk disampaikan kepada masyarakat umum.

Kajian pemilihan tapak yang sesuai untuk pelaksanaan loji janakuasa nuklear pula akan hanya dimulakan setelah mengambilkira hasil kajian pendapat umum tersebut. Oleh itu, lokasi tapak yang sesuai belum diperolehi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**  
**[ RABU ]**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA**  
**[ BAKRI ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan tarikh pembentangan dan diluluskan untuk Penilaian Impak Alam Sekitar Tapak Pelupusan Sampah Pagoh.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarikh pembentangan Kajian Penilaian Impak Alam Sekeliling Terperinci (DEIA) Tapak Pelupusan Pagoh adalah pada 9 Mac 2011 dan Kajian ini telah diluluskan pada 21 April 2011.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014 (RABU)**

**SOALAN : 40**

**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan : -**

- (a) apakah perkembangan terkini projek landasan kereta api berkembar dari Gemas ke Johor Bahru; dan
- (b) sama ada projek kereta api laju KL – Singapura (*High Speed Rail*) akan disambungkan kepada landasan lain, misalnya link 50-km dari Kluang ke Batu Pahat.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

- a) Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bahru belum dilaksanakan secara fizikal. Setakat ini, dokumen tender, reka bentuk awalan dan jajaran landasan berkembar **sejauh 197km** dari Gemas ke Johor Bahru telah dimuktamadkan dan proses pengambilan balik tanah sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian.
  
- b) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) kini mengadakan perbincangan terperinci bersama Kerajaan Negeri bagi memuktamadkan lokasi stesen HSR di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti berdasarkan pelan-pelan pembangunan Negeri. Pada masa ini, Koridor Selatan yang dilayani oleh projek HSR tidak berdekatan rel KTM yang sedia ada. Oleh itu, perancangan projek HSR kini tidak termasuk penyambungan kepada servis rel yang lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE  
(GOPENG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.10.2014

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pampasan yang diberikan kepada syarikat-syarikat ATES Sdn Bhd dan Bina Tegap Sdn Bhd kerana pembatalan penswastaaan AES.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengambilalihan pelaksanaan AES daripada ATES Sdn Bhd dan Beta Tegap Sdn Bhd masih belum

dimuktamadkan kerana Kerajaan perlu memperhalusi opsyen terbaik bagi menyelesaikan proses pengambilalihan berkenaan. Oleh yang demikian, sebarang maklumat terutamanya amaun pampasan merupakan maklumat sulit dan terperingkat. Dalam hubungan ini, Kerajaan sentiasa komited bagi memastikan pengambilalihan AES ini diselesaikan dengan berhemah serta mencapai win-win solutions dan dalam masa yang sama tidak membebankan kewangan Kerajaan.

**NO. SOALAN: 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7116**

**SOALAN:**

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bagaimanakah perkembangan siasatan polis ke atas kes kematian mendiang Teoh Beng Hock ekoran keputusan Mahkamah Rayuan mengenainya.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**PDRM akan menjalankan siasatan berhubung dengan keputusan Mahkamah Rayuan pada 5 September 2014 yang mengetepikan keputusan Mahkamah Koroner dalam Inkues kematian pembantu politik DAP, Teoh Beng Hock.**

**Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa kematian Teoh Beng Hock adalah kematian dalam tahanan apabila ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan menolak dakwaan bahawa mangsa membunuh diri. Mahkamah juga menyatakan bahawa punca kematian mangsa disebabkan oleh seseorang atau lebih dari seorang.**

**Satu pasukan khas telah ditubuhkan oleh pihak Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman bagi menyiasat punca dan perkara ini dengan mengambil kira keputusan Mahkamah Rayuan dalam semua perkara yang melibatkan PDRM. Kementerian tidak bercadang mengulas lanjut berkaitan kes ini memandangkan siasatan kes ini masih lagi berjalan dan ianya dikhuatiri boleh mengganggu proses siasatan tersebut.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.10.2014**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab anak-anak syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) "1MDB Real Estate Sdn Bhd dan 1MDB Energy Langat" masih belum memfailkan penyata kewangan untuk 31 Mac 2013. Bilakah syarikat-syarikat ini akan memfailkan akaun mereka untuk tahun 2013 dan 2014.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Laporan dan penyata kewangan 1MDB Real Estate Sdn Bhd dan 1MDB Energy Langat Sdn Bhd bagi tahun berakhir 31 Mac 2013 akan difailkan serentak bersama dengan laporan kewangan syarikat tersebut bagi tahun berakhir 31 Mac 2014 pada penghujung Oktober 2014 kelak.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

### **DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B.DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
KAWASAN : JASIN  
TARIKH : 8.10.2014 (RABU)  
NO. SOALAN : 44

Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan bilangan penerima, pelbagai jenis bantuan dan amaun dana yang dilulus dan diagihkan (berbanding jumlah peruntukan yang diluluskan) oleh Kerajaan untuk membantu individu usahawan dan syarikat mengikut kaum dan industri bagi tempoh 2012 - 2014 serta langkah-langkah konkrit untuk memastikan lebih banyak berjaya diluluskan dan lebih ramai lagi Bumiputera menerimanya.

### **JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

Bagi tempoh Januari 2012 hingga Ogos 2014, sejumlah RM8.04 bilion daripada RM8.3 bilion atau 96.8% dana yang diterima telah diagihkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Agensi di bawahnya bagi melaksanakan program membantu usahawan dalam membangun dan meningkatkan

keupayaan mereka dalam bidang perniagaan. Agensi-agensi MITI yang terlibat ialah:

- i) Small Medium Enterprise Development Bank Berhad (SME Bank);
- ii) SME Corporation Malaysia (SME Corp.); dan
- iii) Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF).

Pecahan kelulusan mengikut kaum bagi tempoh 2012 hingga Ogos 2014 pula adalah seperti berikut:

	<u>Bil. kelulusan</u>	<u>Nilai</u> <u>RM bilion</u>
Bumiputera	4,954 (73.7%)	6.76 (84.1%)
Bukan Bumiputera	1,766 (26.3%)	1.28(15.9%)
Jumlah	6,720	8.04 billion

Pecahan kelulusan mengikut sektor (industri) pula adalah seperti berikut:

- i) Makanan, minuman, pemborongan dan runcit (40.2%)
- ii) Pembuatan (14.6%)
- iii) Kewangan, insurans dan hartanah (12.9%)
- iv) Perkhidmatan kesihatan dan pelajaran (12.8%)
- v) Pembinaan (10.1%)

vi) Pengangkutan dan komunikasi (9.4%)

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan mereka yang telah diluluskan pinjaman dan geran berjaya dalam perniagaan mereka adalah:

- i) menganjurkan lebih banyak program kesedaran secara berterusan kepada mereka yang telah diluluskan bantuan dengan menyebarkan maklumat-maklumat terbaru mengenai peluang-peluang pengembangan perniagaan agar lebih berdaya saing dan berdaya maju;
- ii) mengadakan lebih banyak program turun padang (outreach) bagi menghebahkan mengenai kemudahan dana yang disediakan oleh Kerajaan kepada golongan sasaran (orang awam) agar mereka sedar akan kemudahan dana yang tersedia; dan
- iii) MITI dan Agensi akan terus mengadakan kerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain yang berkaitan pembangunan keusahawanan dalam usaha memperkukuhkan lagi program pembangunan termasuk usahawan Bumiputera.

**NO. SOALAN: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ GELANG PATAH ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7328**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada usaha 1Malaysia telah gagal kerana Kerajaan gagal menyekat pembiakan kumpulan-kumpulan pelampau kaum dan agama.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Gelang Patah mengenai usaha Kerajaan di dalam mempromosikan 1Malaysia telah gagal adalah tidak benar.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara. Mungkin kerana pendekatan ini, maka timbullah segelintir kumpulan atau individu yang mengambil kesempatan dan ditakrifkan sebagai pelampau kaum dan agama sepertimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh yang demikian, bagi mengekang aktiviti kumpulan atau individu ini, Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka terlibat mengikut Akta Hasutan 1948 dan undang-undang lain yang masih berkuatkuasa.**

**Di sini saya ingin menyeru agar semua pihak tidak menyalahkan kebebasan yang diberikan oleh Kerajaan ini semata-mata untuk kepentingan peribadi atau golongan tertentu sahaja demi menjaga dan mengekalkan keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini.**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]**  
**TARIKH : 8 OKTOBER 2014 [RABU]**  
**SOALAN : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan butir-butir terbaru penyusunan semula korporat yang akan dilaksanakan oleh BERNAS sejak ia dinyahsenaraikan daripada BURSA Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada, apa-apa perubahan dalam lembaga pengarah, pemegang saham, dan bilakah ia akan disenaraikan semula dalam bursa saham.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Sejak penyahsenaraian BERNAS, perubahan yang berlaku dari sudut korporat adalah dari segi pegangan saham dan Ahli Lembaga Pengarah. Butiran pegangan saham adalah seperti di Jadual 1 manakala senarai nama Ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 1: Pegangan Saham BERNAS setakat 31 Ogos 2014

Kategori	Pegangan Saham		
	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Asing
Individu	3,199,859	4,790,079	122,721
Bank/Syarikat Kewangan	19,687	-	-
Tabung Amanah/ Yayasan	335,500	19,000	-
Syarikat Sendirian Berhad	629,600	308,019	4,500
Badan/Agensi Kerajaan	6,750	-	-
Nomini	460,849,735	111,850	4,200
<b>JUMLAH</b>	<b>465,041,131</b>	<b>5,228,948</b>	<b>131,421</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>470,401,500</b>		

Jadual 2: Senarai Ahli Lembaga Pengarah BERNAS setakat 31 Ogos 2014

Bil.	Ahli Lembaga Pengarah
1.	YBhg. Tan Sri Ab Kasim Bin Aziz
2.	YBhg Dato' Mohammad Zainal Bin Shaari
3.	YBhg Dato' Siti Halimah Binti Ismail (wakil dari Kementerian Kewangan)
4.	Mr Ooi Teik Huat

Bagi cadangan penyenaian semula BERNAS dalam bursa saham, ianya bergantung kepada kesesuaian mengikut keadaan pasaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM**

**(BALING)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.10.2014**

**Y.B. DATO' HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai pemansuhan skim pinjaman perumahan kakitangan kerajaan dan kesan kepada penjawat awam di Malaysia.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Skim Pinjaman Perumahan Kakitangan Kerajaan adalah kekal dan tidak akan dimansuhkan

**NO. SOALAN : 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI**  
**[ PANDAN ]**  
**TARIKH : 8.10.2014 (RABU)**

**TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan syarikat-syarikat yang telah di senarai pendek untuk mendapat tender melaksanakan pengubahsuaian sistem pam petrol di seluruh negara berikutan keputusan rasionalisasi subsidi minyak mengikut pendapatan dan jumlah bayaran kepada syarikat-syarikat ini serta siapa yang menanggung kos ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Tuan Yang Dipertua, dalam usaha memperbaiki kedudukan kewangan negara, kerajaan telah mengenal pasti beberapa langkah untuk dilaksanakan. Antara langkah tersebut adalah untuk merasionalisasikan subsidi petrol dan diesel.

Pada masa ini, kerajaan sedang mengkaji pelaksanaan subsidi petrol dan diesel bagi memastikan rakyat Malaysia yang benar-benar layak menerima bantuan kerajaan dapat terus menikmati subsidi petrol dan diesel.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA  
MERICAN  
(KEPALA BATAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.10.2014**

**Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [ KEPALA  
BATAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai status  
semasa kerangka perundangan penjanaaan dana masyarakat bagi ekuiti  
(crowdfunding atau ECF) yang boleh membantu usahawan kecil dan  
sederhana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Ekuiti *Crowdfunding* (ECF) merupakan dana bagi usahawan kecil dan

sederhana termasuk juga usahawan yang baru hendak berniaga. Dana ini bertujuan supaya usahawan ini memperoleh modal melalui suntikan ekuiti daripada pelabur yang berminat. Tawaran suntikan ekuiti dibuat oleh usahawan secara atas talian bagi mempromosi dan memudahkan pelabur mengakses secara lebih efisien, terurus dan telus.

2. Melalui ECF, usahawan boleh memenuhi keperluan meningkatkan modal mereka sekaligus menangani jurang pembiayaan dan bekalan terhadap modal jangka panjang. Pelancaran ECF ini juga telah disenaraikan sebagai salah satu sasaran utama yang perlu dicapai untuk tahun 2014 oleh Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

3. Bagi tujuan tersebut, Suruhanjaya Sekuriti (SC) akan mewujudkan satu rangkakerja pengawalseliaan terhadap ECF untuk memastikan pertumbuhan industri ECF berjalan lancar tanpa menjejaskan kerangka perlindungan pelabur yang sedia ada. Ciri utama rangkakerja ini, antara lain termasuklah keperluan bagi pendaftaran dan tanggungjawab seseorang pengendali platform ECF, kuasa SC berkaitan ECF serta peruntukan berkaitan usahawan dan pelabur yang akan menggunakan

ECF tersebut. Pindaan-pindaan kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 akan dibuat bagi membolehkan syarikat-syarikat persendirian menawarkan saham mereka di platform ECF telah dimuktamadkan. Lanjutan dari itu, rang undang-undang pindaan tersebut bakal dibentangkan di Parlimen.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[KAPAR]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7355**

**SOALAN:**

**TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [ KAPAR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini untuk 471 projek yang diluluskan oleh Kementerian tahun ini dengan peruntukan sejumlah RM4.11 billion setakat ini, dengan menyatakan butiran projek, dana yang diluluskan, tarikh mula dan tamat projek tersebut, serta nama kontraktor yang berjaya memperoleh projek tersebut bagi setiap 471 projek secara terperinci.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian ini hanya memperolehi peruntukan sejumlah RM647juta sahaja bagi melaksanakan 121 projek yang diluluskan untuk dilaksanakan pada tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM263juta diperuntukkan untuk sektor fizikal dan RM384juta pula diperuntukkan bagi sektor bukan fizikal. Butiran bagi setiap projek fizikal adalah 12 projek telah ditender, 6 projek belum mula, 15 projek lewat jadual, 6 projek ikut jadual, 6 projek mendahului jadual dan selebihnya telah selesai dilaksanakan.**

**NO. SOALAN: 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH  
[ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7357**

**SOALAN:**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menangani masalah Kad Pengenalan palsu serta Kad Pengenalan diambil secara tidak sah. Adakah Kerajaan berhasrat untuk membatalkan semua Kad Pengenalan dan mengeluarkan semula, khususnya memandangkan kes-kes mengancam keselamatan rakyat yang telah berlaku di Pantai Timur Sabah pada tahun 2014.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di Pertua,**

**Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah melaksanakan beberapa penambahbaikan untuk menangani masalah pemalsuan kad pengenalan. Antaranya ialah dengan memperkenalkan Kad Pengenalan Biru bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) Struktur Baru mulai 03 Januari 2012 yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lebih terjamin dan boleh mencegah pemalsuan kad. Antara ciri-ciri keselamatan MyKad Struktur Baru adalah seperti berikut:**

- i. Kad tersebut diperbuat daripada bahan polikarbonat sepenuhnya dan telah diuji ketahanannya di makmal yang diiktiraf serta mempunyai kualiti yang lebih tinggi;**
- ii. Cip MyKad Struktur Baru telah melalui beberapa peringkat pengujian termasuklah sebelum proses memasukkan cip ke dalam MyKad; dan**
- iii. Nombor siri cip juga menggunakan nombor yang unik agar tidak mudah untuk dipalsukan;**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini masih belum terdapat kes pemalsuan kad pengenalan yang melibatkan MyKad Struktur Baru.**

**Tindakan yang dilaksanakan oleh pihak JPN ke atas pengeluaran kad pengenalan palsu adalah melupuskan kad tersebut setelah prosiding pendakwaan selesai dilakukan. Bagi kesalahan yang melibatkan penggunaan kad pengenalan palsu, mereka boleh didakwa di bawah Subperaturan 25(1)(e), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007) yang boleh membawa hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI IRMOHIZAM  
BIN HAJI IBRAHIM  
(KUALA SELANGOR)**

**TARIKH : 08.10.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-**

- (a) apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mengelakkan masalah salah laku dan disiplin dalam kalangan anggota dan pegawai yang berkhidmat di luar negeri; dan**
  
- (b) sejauh manakah tindakan lanjut Kerajaan terhadap mereka yang gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab termasuk melanggar peraturan ditetapkan.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pelbagai langkah diambil oleh pihak Kerajaan khususnya Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam memastikan tiada kes salah laku dan pelanggaran disiplin yang melibatkan pegawai dan anggota ATM yang berkhidmat di luar negara. Di antara langkah-langkah sedia ada merangkumi:**

**(1) Tapisan Keselamatan. Ia bertujuan supaya pegawai atau anggota bebas dari kes jenayah, tuntutan saman sivil atau dalam siasatan oleh mana-mana agensi penyiasat Kerajaan.**

**(2) Kursus Kelayakan. Semua pegawai dan anggota yang dipilih dikehendaki menghadiri Kursus Penasihat Pertahanan bagi peringkat Pegawai dan Kursus Staf Pembantu Pertahanan bagi anggota Lain-lain Pangkat sebagai pendedahan awal perkara berkaitan pentadbiran, kewangan, protokol, logistik, budaya dan adat resam tempatan. Mereka juga akan ditumpangkan kepada Direktorat atau Jabatan berkaitan semasa di dalam negara untuk tujuan *familiarization* sebelum melapor ke tempat yang baru.**

**(3) Panel Pemilihan. Proses pemilihan bagi jawatan sebagai Penasihat Pertahanan akan ditetapkan melalui Majlis Angkatan Tentera (MAT) manakala proses pemilihan Staf Pembantu Pertahanan, dibuat melalui Lembaga yang dipengerusikan oleh Pegawai Kanan berpangkat Kolonel dari ATM sebelum disyorkan untuk persetujuan pihak atasan ATM.**

**Sekiranya terdapat mana-mana pegawai ataupun anggota tentera yang melanggar peraturan yang ditetapkan, langkah dan tindakan yang akan diambil adalah berdasarkan kepada peruntukan didalam Konvensyen Vienna 1961. Kesemua pegawai dan anggota ATM yang terlibat dengan kes di negara penerima, dalam apa jua keadaan masih boleh disiasat dan dibicarakan di bawah Akta Angkatan Tentera 1972.**

**NO. SOALAN: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [ JELEBU ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7354**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Zainudin bin Ismail [ Jelebu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa Kerajaan begitu lambat mengambil tindakan terhadap pertubuhan-pertubuhan haram seperti Pasukan Peronda Sukarela (PPS) di Pulau Pinang dan nyatakan apakah jenis-jenis kesalahan yang telah dilakukan oleh PPS.**

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] memperuntukkan mana-mana pertubuhan yang ingin bergerak secara sah perlulah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Kegagalan mana-mana pertubuhan untuk berbuat demikian akan berdepan dengan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 6 (3) iaitu, “Sesiapa yang melakukan pelanggaran terhadap Seksyen 6 (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, dan jika pelanggaran itu adalah suatu pelanggaran yang berlanjutan, maka orang itu bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari pelanggaran itu dilanjutkan selepas hari yang pertama”.**

**Peruntukan di bawah Seksyen 2 Akta yang sama pula ada menyebut bahawa sekumpulan tujuh (7) orang atau lebih adalah memenuhi tafsiran sebagai sebuah pertubuhan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal dan sewajarnya mengambil tindakan untuk membuat permohonan pendaftaran pertubuhan.**

**Berhubung dengan status Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Pulau Pinang pula, rekod Kementerian menunjukkan bahawa PPS Pulau Pinang tidak pernah memohon untuk didaftarkan di**

**bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Sehubungan dengan itu, bagi perkara-perkara berkaitan PPS Pulau Pinang, Kementerian ini tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci perkara tersebut kerana dikhuatiri akan mengganggu siasatan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan JPPM yang sedang berjalan.**

NO. SOALAN: 54

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[MARANG]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014 (RABU)**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan Islam Hadhari yang diamalkan oleh kedua Perdana Menteri sebelum beliau masih dititikberatkan dalam seluruh jentera Kerajaan khususnya dalam menangani rasuah dan salah guna kuasa.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memastikan kedudukan agama Islam sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan terpelihara dan difahami serta dihayati oleh masyarakat Islam di Malaysia. Atas kepentingan ini, dasar Penerapan Nilai-nilai Islam yang dicetuskan

oleh Perdana Menteri ke-3 pada tahun 1982, berterusan berjalan dan mempunyai kesannya hingga sekarang. Pelaksanaannya sentiasa ditambahbaik sesuai dengan keadaan semasa bagi memastikan keberkesannya terutama terhadap penjawat awam. Misalnya dalam aspek pembangunan insan, Penerapan Nilai-nilai Islam yang diambil daripada prinsip-prinsip Islam seperti amanah, tanggungjawab, bersih, tekun dan disiplin diimplementasikan menerusi pembinaan jatidiri penjawat awam untuk lebih menghayati dan mengamalkan ajaran Islam sebenar.

Pendekatan Islam Hadhari pula merupakan satu lagi dasar pembangunan negara yang dilihat berteraskan Islam yang telah diisytiharkan oleh Perdana Menteri ke-4. Pendekatan ini merupakan satu pendekatan yang berteraskan kepada pembinaan tamadun, khasnya bagi umat Islam dan seluruh rakyat Malaysia pada umumnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua dasar tersebut berterusan berjalan seiring dengan perkembangan Islam di Malaysia. Bahkan ianya sentiasa ditambahbaik sesuai dengan keadaan semasa. Oleh yang demikian, dasar-dasar tersebut merupakan pendekatan yang diimplementasikan secara berterusan dalam dasar-dasar kerajaan sedia ada dan kehidupan masyarakat seharian selaras dengan matlamat untuk mewujudkan perpaduan dan keharmonian hidup ke arah menentukan kejayaan individu, keluarga, masyarakat dan negara Malaysia.

Sekian, terima kasih.



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI KHAMIS : 9 OKTOBER 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO. 5, 10 HINGGA 62 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 9.10.2014**

**SOALAN :**

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang dibuat bagi meningkatkan kualiti program pendidikan gurukhususnya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Institut-institut Pendidikan Guru (IPG) agar turut mendapat pengiktirafan oleh badan antarabangsa seperti Teacher Education Accreditation Council (TEAC) yang berpusat di Amerika Syarikat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini termasuklah program pendidikan guru. Antara langkah-langkah yang dilakukan oleh Institusi Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) adalah seperti berikut:

- a) Pengurusan IPGM dan Institusi Pendidikan Guru (IPG) berlandaskan standard MS ISO 9001:2008 dan telah diberi pengiktirafan oleh SIRIM Program yang ditawarkan mendapat akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- b) Program Kembar dengan universiti luar negara (*capacity building*);  
dan

c) Seminar peringkat antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang dibuat bagi meningkatkan kualiti program pendidikan guru khususnya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) adalah seperti berikut:

- a) Mengadakan *benchmarking* program-program universiti dengan universiti-universiti terkemuka dalam bidang pendidikan guru contohnya *National Institute of Education (NIE)* Singapura. Bagi Program Bimbingan dan Kaunseling, UPSI telah mendapat pengiktirafan daripada Lembaga Kaunselor Malaysia berdasarkan kriteria *Counsel for Accreditation of Counseling and Related Educational Program (CACREP)*, Amerika Syarikat;
- b) Mengadakan kerjasama (*networking*) dengan universiti-universiti pendidikan luar negara seperti Universitas Pendidikan Indonesia, *National Institute of Education (NIE)* Singapura, *The Hong Kong Institute of Education* serta beberapa buah universiti dari negara China, Filipina, Korea, Taiwan, Jepun dan Kazakhstan;
- c) Melantik pensyarah-pensyarah antarabangsa sebagai kakitangan akademik universiti;
- d) Mempunyai 62 peratus pensyarah universiti yang berkecualan PhD;
- e) Mempelopori penubuhan Konsortium Universiti-Universiti Pendidikan Asia Pasifik (CAPEU) yang terdiri daripada 19 buah universiti daripada Malaysia (UPSI), Indonesia, Brunei, Australia dan Amerika Syarikat. Konsortium ini membuka laluan kepada semua universiti terlibat untuk menjadi rakan strategik dalam meningkatkan kualiti pendidikan dengan menjalinkan kerjasama

dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan khidmat masyarakat. UPSI merupakan Presiden dan Sekretariat kepada CAPEU untuk sesi 2013-2015;

- f) UPSI telah diberi kepercayaan sebagai Timbalan Presiden *Asian Teacher Education Network (AsTEN)* yang dianggotai oleh Universiti-universiti Pendidikan Asia;
- g) Memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar di mana pelajar terlibat dengan program pertukaran pelajar peringkat antarabangsa, *inbound* dan *outbound*, antaranya melalui program *International Students Exchange Program (ISEP)* yang mana UPSI merupakan satu-satunya Universiti di Malaysia yang diterima sebagai anggota ISEP:
  - 1) Pada tahun 2013, seramai 15 orang pelajar UPSI telah mengikuti program ISEP ke beberapa buah negara seperti di Amerika Syarikat, Kanada, Indonesia dan Korea Selatan. Sebagai timbal balasnya, 18 orang pelajar dari pelbagai negara antaranya Amerika Syarikat, Morocco, Austria dan United Kingdom telah mengikuti program ISEP ini di UPSI selama satu semester.
  - 2) Pada tahun 2014, seramai 14 orang pelajar UPSI telah mengikuti program ISEP ke beberapa buah universiti di Amerika Syarikat. Sebagai timbal balasnya, 19 orang pelajar dari pelbagai negara antaranya Amerika Syarikat, Nertherlands, Canada, Sweden, United Kingdom, Germany, Hungary dan Finland telah mengikuti program ISEP di UPSI selama satu semester.

Selain ISEP, program mobiliti pelajar di luar negara juga turut diperkasakan, di mana seramai 20 orang pelajar Sains Kejurulatihan UPSI telah mengikuti program pertukaran pelajar selama satu semester ke *Busan University of Foreign Studies*, Korea Selatan dan 28 orang pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Bahasa Arab ke *University of Science & Technology*, Sana'a Yemen.

UPSI sedang merancang untuk mendapat pengiktirafan *Teacher Education Accreditation Council (TEAC)*. Satu *Task Force* telah ditubuhkan untuk penyediaan dokumen-dokumen berkaitan yang akan dihantar ke TEAC dan Washington DC bagi proses penilaian. Kebiasaannya permohonan baharu akan mengambil masa lebih kurang setahun untuk proses penilaian dan pengiktirafan. Pihak Universiti menjangka proses ini akan selesai pada penghujung tahun 2015.

**NO SOALAN :11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.10.2014**

**Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejak skim perlindungan i-BR1M diperkenalkan kepada penerima BR1M 3.0 seluruh Malaysia:-

- a. berapakah jumlah penerima perlindungan i-BR1M yang telah diagihkan kepada penerima BR1M 3.0 yang ditimpa kematian / kemalangan sepanjang tempoh perlindungan; dan
- b. adakah kerajaan akan meneruskan program perlindungan i-BR1M ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah bagi membeli barang-barang keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Bantuan ini diberikan secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik.

Program BR1M merupakan bantuan tahunan yang telah bermula pada tahun 2012. Setiap tahun, pelbagai langkah penambahbaikan telah dilakukan oleh Kerajaan seperti peningkatan nilai bantuan, penambahan kategori baru serta pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M). Secara keseluruhan, pada tahun 2012, seramai 4.2 juta penerima telah menikmati BR1M yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion. Pada tahun 2013 pula, seramai 6.8 juta penerima BR1M dengan peruntukan sebanyak RM2.9 bilion. Manakala pada tahun 2014, sebanyak 7 juta penerima BR1M dengan peruntukan sebanyak RM3.7 bilion.

Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri bagi BR1M 2014; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M dengan peruntukan sebanyak RM413 juta yang melibatkan seramai 986 ribu atau 14.2% daripada keseluruhan jumlah penerima diseluruh Negara. Jumlah tersebut merangkumi 563 ribu penerima bantuan RM650, 82 ribu penerima bantuan RM450 dan 341 ribu penerima kategori individu (RM300). Johor adalah penerima BR1M kedua tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM442 juta yang melibatkan seramai 848 ribu penerima atau 12.2% daripada keseluruhan penerima. Jumlah tersebut merangkumi 514 ribu penerima bantuan RM650, 48 ribu penerima bantuan RM450 dan 286 ribu penerima kategori individu (RM300). Sarawak adalah negeri penerima BR1M ketiga tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM375 juta yang melibatkan 700 ribu penerima atau 10.1 % daripada keseluruhan penerima. Jumlah tersebut merangkumi 462 ribu penerima bantuan RM650, 27 ribu penerima bantuan RM450 dan 210 ribu penerima kategori individu (RM300).

Pada tahun 2015, Kerajaan akan memberi bantuan tambahan selaras dengan pelaksanaan GST dengan anggaran kos sebanyak RM1.4 bilion yang akan disalurkan melalui BR1M 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

Skim i-BR1M memberi perlindungan takaful kepada Penerima BR1M kategori isirumah dengan Kerajaan menyediakan premium sebanyak RM50 dan nilai perlindungan maksimum sehingga RM30,000 sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal. Skim i-BR1M 2014 dikendalikan oleh *Malaysian Takaful Association* (MTA) atau Konsortium MTA dengan gabungan 11 pengendali utama Takaful di Malaysia. Bagi tujuan tuntutan, waris boleh membuat tuntutan dengan mendapat borang di laman sesawang [www.malaysiantakaful.com.my](http://www.malaysiantakaful.com.my) atau menghubungi hotline i-BR1M di talian 03-27162716 atau email : [BR1M@takaful-ikhlas.com.my](mailto:BR1M@takaful-ikhlas.com.my)

Bagi pelaksanaan i-BR1M, sehingga 24 September 2014, sebanyak 13,015 tuntutan yang melibatkan jumlah sebanyak RM42 juta telah dibayar oleh syarikat takaful kepada waris penerima BR1M.

Kerajaan pada masa ini sedang mempertimbangkan satu kaedah yang lebih sesuai dalam memberi bantuan kepada waris penerima yang meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan akan meneruskan inisiatif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada masa akan datang bagi membantu meringankan beban hidup rakyat yang berpendapatan rendah dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup. Kerajaan akan meneliti dan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya objektif Kerajaan ke arah peralihan subsidi bersasar tercapai. Pelaksanaan dan peningkatan jumlah BR1M ini juga perlu mengambil kira keupayaan kedudukan kewangan Negara dan pengukuhan dasar fiskal kerajaan.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]

**TARIKH** : 9 OKT 2014 ( Khamis )

**SOALAN:**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan pelan penambahbaikan dari segi persediaan untuk menghadapi banjir pada musim tengkujuh tahun ini dan mekanisme bagi meminimumkan kesan bencana alam tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) sedang melaksanakan Projek *QuickWin* Rancangan Tebatan Banjir Bandar Kuantan untuk mengatasi masalah banjir kilat di Kuantan. Projek-projek tersebut dilaksanakan bersama dengan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dengan peruntukan yang diluluskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Kos RTB Bandar Kuantan adalah sebanyak RM50 juta. Ia merupakan peruntukan khas yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Program Jelajah Janji Ditepati pada tahun 2013. Pelaksanaan projek telah bermula pada tahun 2013 dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2015.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM34 juta dilaksanakan oleh JPS Pahang dan baki RM16 juta adalah projek-projek di bawah Majlis Perbandaran Kuantan (MPK). Terdapat 16 projek yang dilaksanakan JPS yang melibatkan kerja-kerja mempertingkatkan sistem saliran dan aliran sungai, pintu kawalan dan pengukuhan tebing sungai-sungai. 7 daripadanya telah siap sepenuhnya dan selebihnya akan disiapkan pada akhir 2014 dan pertengahan 2015. Kerja-kerja adalah mengikut perancangan yang ditetapkan. Bagi MPK pula, terdapat 13 projek di mana 6 telah siap dan 7 projek masih dalam pelaksanaan dan mengikut jadual. Projek-projek ini dibahagikan kepada kawasan-kawasan berikut dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2015:

- a) *Kuantan West* dengan peruntukan sebanyak berjumlah RM17.3 juta, memberi tumpuan kepada kawasan Sistem perparitan

Utama Lubuk Puyu-Permatang Badak-Kg Razali, peningkatan sistem pintu kawalan banjir & pam di Kg Razali, sistem Perparitan dan pam di Sg Isap, Sistem perparitan dan ban di bahagian Tanah Putih;

- b) *Kuantan East* dengan peruntukan sebanyak RM17.3 juta, memberi tumpuan kepada kawasan yang terlibat adalah Sungai Galing Besar, anak Sg Galing di persimpangan Jalan Tun Ismail, Sg Sekilau di Bukit Ubi, sistem perparitan utama Semambu-Setali-Putra Square dan Kolam Takungan Pelindung;
- c) *Kuantan Centre* dengan peruntukan RM13 juta, melibatkan kerja menaiktaraf Parit Kg. Jawa, Indera Mahkota; Taman Desa Samudera dan sistem perparitan di Bandar Kuantan; dan
- d) *Kuantan Outer* iaitu melibatkan Kempadang dan sistem perparitan di Jalan Kuantan-Kemaman, Cherating berjumlah RM2.4 juta.

Di dalam cadangan '*total solution*', JPS telah mengemukakan cadangan melibatkan pengorekan dasar Sg. Kuantan, menaik taraf ban tebatan banjir sediaada di Sg Isap, pembinaan ban tebatan banjir di Bukit Rangin, Perkampungan Chenderawasih dan Sg Belat, pembinaan kolam takungan banjir dan peningkatan sistem perparitan .

Selain itu, sebagai langkah jangka panjang, JPS akan menjalankan kajian untuk Penyediaan Peta Hazard Banjir Sungai Kuantan bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kuantan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
[ PENDANG ]**

**TARIKH : 09.10.2014 (KHAMIS)**

**DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [ PENDANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi menghadapi peniaga-peniaga yang ingkar menurunkan harga barang bila GST dilaksanakan pada bulan April tahun 2015. Apakah Kementerian telah bersedia menghadapi situasi ini.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh **YB JELEBU** pada **27 Oktober 2014** kerana ianya menyentuh isu dan perkara yang sama iaitu manipulasi harga ekoran pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada tahun hadapan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah dan sedang mengambil tindakan persediaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan untuk memanipulasikan harga dengan alasan GST. Dalam hal ini, sebarang perubahan harga berlaku hendaklah sejajar dengan perubahan kadar cukai GST. Oleh yang demikian, para pengguna akan dapat menikmati faedah penjimatan ekoran daripada pengurangan kadar cukai yang dikenakan.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian sebagai persediaan menghadapi GST meliputi aspek perundangan, penguatkuasaan, pengurusan maklumat harga, program advokasi dan Call Centre (Aduan) seperti yang berikut:

- 1) Menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang sedia ada. Akta ini telah dipinda bagi memantapkan penguatkuasaan dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2014 telah berkuatkuasa pada 1 September 2014. Satu peraturan berkaitan mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah telah digubal untuk melengkapi Akta ini. Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak

Munasabah) (Cukai Barang dan Perkhidmatan) ini sedang dalam fasa akhir penggubalan;

- 2) Menubuhkan Unit Antipencatutan di Bahagian Penguatkuasa Kementerian untuk mengambil tindakan penguatkuasaan bagi menangani isu-isu pencatutan oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab apabila GST dilaksanakan. Di samping 1,800 pegawai penguatkuasa yang sedia ada, Kerajaan Pusat telah meluluskan pertambahan jawatan sebanyak 472 perjawatan pada bulan Julai 2014 kepada Kementerian untuk memastikan penguatkuasaan yang lebih berkesan;
- 3) Mewujudkan satu sistem pengurusan data di Kementerian bagi memantau pergerakan harga sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan GST. Pangkalan data harga ini akan membantu Kerajaan mengenalpasti tren harga barangan dan perkhidmatan dalam pasaran dan sebagai rujukan asas kadar penentuan keuntungan yang munasabah. Fasa pertama kutipan harga telah bermula pada 25 Ogos 2014 dengan penglibatan 1,300 orang Pegawai Pemantau Harga (PPH);
- 4) Melaksanakan program advokasi dengan kerjasama Jabatan Kastam dan Kementerian Kewangan kepada peniaga dan pengguna untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai GST, penguatkuasaan pencatutan dan faedah sistem percukaian ini kepada rakyat dan negara; dan
- 5) Menambahbaik perkhidmatan dan sistem pengurusan aduan Pusat Pengurusan Aduan Pengguna yang sedia ada di Kementerian bagi menghadapi jangkaan peningkatan jumlah aduan dan pertanyaan daripada orang ramai.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pemantauan dan pemeriksaan yang lebih intensif akan dijalankan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian ke semua peringkat perniagaan bagi menghadapi pelaksanaan GST. Mana-mana peniaga yang didapati mencatut akan diambil tindakan tegas di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
(AMPANG)**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (Ampang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sama ada Kementerian bersedia merangka dasar khususnya bagi menangani masalah warga miskin kota dan tidak berumah / gelandangan, memandangkan masalah tersebut masih belum lagi tersentuh dalam kelima-lima dasar Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Dasar Wanita Negara 2009, Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara, Dasar Sosial Negara, Dasar Warga Emas Negara dan Dasar Kebajikan Masyarakat Negara).**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Isu gelandangan merupakan satu fenomena sosial di bandar-bandar besar di seluruh dunia. Di negara kita, golongan gelandangan tertumpu sebahagian besarnya di Lembah Klang dan bandar-bandar besar lain seperti Johor Bahru dan Pulau Pinang. Golongan gelandangan terdiri daripada pelbagai latar belakang dan majoriti mereka adalah di peringkat umur yang produktif tetapi mengalami masalah kewangan, masalah keluarga, penagihan dadah, ketagihan arak, masalah mental, bekas banduan, pengemis dan ada juga yang mengalami masalah kesihatan melarat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa peka dan prihatin akan kebajikan kumpulan sasarnya termasuk warga miskin yang tidak berumah / bergelandangan. Dalam hal ini, KPWKM melalui agensinya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan operasi menyelamat secara berkala di seluruh negara berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 3, Akta Orang-Orang Papan 1977.

Pada tahun 2013, sebanyak 2,039 operasi telah diadakan di seluruh negara. Dari 2,039 operasi ini, hanya seramai 1,048 orang papa / gelandangan yang berjaya diselamatkan. Secara purata, setiap operasi yang melibatkan satu pasukan petugas hanya berjaya menyelamatkan seramai 0.5 orang papa / gelandangan sahaja (tidak sampai seorang). Statistik juga menunjukkan bahawa gelandangan ini hanya bertumpu di bandar-bandar besar tertentu sahaja. Daripada 1,048 orang papa / gelandangan yang diselamatkan, 76% atau 796 yang tertumpu di Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Secara umum, boleh disimpulkan bahawa bagi setiap 10 orang papa / gelandangan yang diselamatkan, hampir 8 orang adalah dari bandar-bandar besar yang disebutkan tadi. Ini menunjukkan isu golongan gelandangan bukanlah merupakan satu isu nasional sebaliknya ia adalah isu sosial di peringkat tempatan (*local*).

Tuan Yang Dipertua,

Isu golongan gelandangan adalah isu yang kompleks dan memerlukan intervensi dari pelbagai kepakaran dan agensi kerajaan. Ini adalah kerana kategori golongan gelandangan yang berbeza-beza dan unik mengikut keadaan sosio-ekonomi bandar-bandar tersebut. Sehubungan

itu, mekanisme untuk menangani isu gelandangan ini juga adalah mengikut ciri keunikan masing-masing.

Dalam hal ini, kuasa penyelesaian bagi isu ini adalah dicadangkan diletakkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lebih arif mengenai keadaan dan ciri-ciri bandar di bawah pentadbiran masing-masing. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai kementerian yang menyelia PBT hendaklah terus menjadi agensi peneraju (*champion*) dari segi menggerakkan operasi-operasi menyelamatkan golongan gelandangan dan menangani isu ini secara holistik. Sehubungan itu, KPWKM akan berbincang dengan KPKT bagi meninjau keperluan untuk merangka satu dasar dan pelan tindakan yang khusus bagi menangani isu gelandangan. Dalam masa yang sama, KPWKM akan terus memberi bantuan berbentuk khidmat sokongan seperti penempatan di institusi, pemulihan, latihan kerjaya dan kaunseling dalam menangani isu ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA  
MERICAN  
(KEPALA BATAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.10.2014**

**Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [ KEPALA  
BATAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian mengenai  
jumlah keseluruhan pencarum KWSP yang mempunyai simpanan lebih  
daripada RM500 ribu setakat tahun 2014.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 31 Ogos 2014, jumlah keseluruhan ahli KWSP yang  
mempunyai simpanan lebih daripada RM500 ribu ialah 95,751 orang

(0.68% daripada keseluruhan ahli KWSP yang berjumlah 14,094,220 orang).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM  
(SEPUTEH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.10.2014**

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dilakukan oleh Kerajaan terhadap skandal penjualan kereta mewah terpakai tanpa duti import dari Langkawi keluar Langkawi dengan surat pengecualian duti kastam yang sah. Apakah Kerajaan akan mengecualikan cukai terhadap mangsa pembeli tersebut memandangkan mereka tertipu oleh surat Kastam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah melakukan aktiviti risikan dan pemerhatian terhadap skandal penjualan kereta mewah terpakai tanpa membayar duti import yang keluar daripada Langkawi dengan surat pengecualian duti/cukai Kastam yang sah. Berdasarkan aktiviti risikan dan pemerhatian tersebut, JKDM mendapati 2 kategori kesalahan yang berlaku berhubung dengan salahlaku kereta mewah iaitu kesalahan melanggar syarat kemudahan import sementara (*overstay*) dan fraud.

Kenderaan yang didaftarkan di Langkawi dibenarkan untuk dibawa masuk ke Kawasan Utama Kastam (KUK) dengan pengecualian duti import dan cukai jualan menggunakan kemudahan diimport sementara untuk tempoh tidak melebihi tempoh 30 hari untuk sekali perjalanan dan tidak melebihi 90 hari setahun. Kesalahan *overstay* berlaku apabila kenderaan yang terlibat tidak dibawa balik ke Langkawi setelah melebihi tempoh yang dibenarkan.

Bagi kesalahan *overstay*, Bahagian Penguatkuasaan JKDM akan merampas

kenderaan berkenaan dan kompaun di bawah seksyen 138 Akta Kastam 1967 akan dikenakan kepada pemilik kenderaan. Tuntutan ke atas duti/cukai yang terlibat ke atas kenderaan terbabit akan dilakukan dan sekiranya pemilik gagal untuk membuat bayaran cukai yang dituntut, tindakan pendakwaan di mahkamah akan diambil.

Kesalahan fraud pula berlaku dimana kenderaan yang didaftarkan di Langkawi telah dibawa masuk ke KUK menggunakan kemudahan import sementara. Kemudian, pembatalan syarat-K iaitu syarat **“Cukai Kastam Dikecualikan. Mesti Dibayar Sebelum Boleh Ditukar Kegunaan/Milik”** seperti yang disahkan pada geran dan rekod JPJ ke atas kenderaan tersebut dilakukan dengan mengemukakan permohonan kepada JPJ menggunakan borang kastam palsu. Tiada duti/cukai yang dibayar ke atas kenderaan terbabit. Walau bagaimanapun, pemilik kenderaan telah mengemukakan dokumen tersebut kepada JKDM bagi tujuan mengemaskini rekod kereta tersebut sebagai telah dibayar duti/cukai Kastam.

Bagi kes fraud, sementara siasatan dijalankan, kenderaan terbabit diberi

pelepasan di bawah seksyen 115(1)(a) Akta Kastam 1967 iaitu pemilik diminta untuk mengemukakan 10% tunai atau jaminan bank dan 90% bonam daripada nilai cukai yang dituntut. Sekiranya terbukti berlaku kesalahan fraud, tuntutan duti/cukai ke atas kenderaan terbabit akan dilakukan namun tiada kompaun dikenakan. Tindakan pendakwaan di mahkamah akan diambil sekiranya pemilik gagal untuk membuat bayaran cukai yang dituntut.

Sehingga 15 September 2014, sebanyak 114 buah kenderaan telah disita atas kesalahan *overstay* manakala 271 buah kenderaan disita atas kesalahan fraud. Siasatan terperinci dan komprehensif perlu dilakukan sebelum Kerajaan membuat sebarang keputusan berhubung pengecualian duti/cukai ke atas kenderaan yang disabitkan dengan kesalahan tersebut bagi menentukan bahawa ia adalah kes pemilik teraniaya (*innocent owner*). Semua faktor akan diambil kira dan diberi pertimbangan sewajarnya supaya kes seumpama ini tidak dimanipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[ GERIK ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bahawa sepanjang tahun 2008 hingga 2010 Malaysia telah mencatatkan 152,182 anak luar nikah atau tak sah taraf direkodkan. Apakah kerjasama yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian dalam menangani isu di atas dan kes pembuangan bayi serta apakah tindakan Kerajaan dalam membendung gejala ini.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan masalah anak luar nikah atau tak sah taraf yang menjadi masalah sosial masa kini. KPWKM sentiasa berusaha untuk memastikan gejala ini dapat dibendung.

KPWKM telah mengambil langkah-langkah berikut bagi menangani isu kelahiran anak luar nikah dengan kerjasama agensi-agensi lain termasuk badan bukan Kerajaan

- i) menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan pada tahun 2009. Dasar dan Pelan Tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan di kalangan masyarakat terutama ibu bapa dan remaja berhubung kesihatan reproduktif dan kesan negatif akibat perlakuan seksual di luar nikah;

- ii) KPWKM juga telah melancarkan kempen Kami Prihatin dengan kerjasama Kumpulan Utusan Malaysia, Persatuan Karyawan dan Astro Holdings Sdn. Bhd. pada bulan April tahun 2010. Kempen tersebut yang dijalankan secara berterusan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat, termasuk pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi untuk bersama-sama menangani kelahiran anak luar nikah;
- iii) menyediakan talian perkhidmatan iaitu Talian Nur 15999 bagi membantu mereka yang mengandung luar nikah mendapatkan khidmat kaunseling serta mendapatkan bantuan tanpa hadir secara fizikal, termasuk untuk mendapatkan perlindungan; dan
- iv) LPPKN juga, berdasarkan perakuan di bawah Pelan Tindakan Kesihatan Reproduktif dan Sosial, telah membangunkan Modul Cakna Diri (Edisi Remaja dan Edisi Ibu Bapa) yang bertujuan untuk memberi panduan kepada remaja serta ibu bapa dalam memahami perkembangan remaja dan meningkatkan kemahiran untuk menangani tingkah laku yang berisiko khususnya berkaitan seksualiti.

Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui pejabatnya di daerah bersedia menerima rujukan kes-kes mengandung luar nikah untuk mengelakkan bayi dibuang. Pegawai kebajikan akan menempatkan klien yang memerlukan perlindungan di institusi dibawah pentadbiran jabatan.

Sebagai kesimpulan, langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan dengan kerjasama semua pihak yang berkepentingan, diharapkan dapat mengurangkan gejala kelahiran anak luar nikah dan seterusnya dapat dibendung daripada berterusan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Tuan Nga Kor Ming  
(Taiping)**

**TARIKH : 9.10.2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 18**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah rancangan dan langkah segera Kerajaan untuk membantu masyarakat luar bandar memandangkan kebelakangan ini harga komoditi utama negara seperti kelapa sawit, getah dan sarang burung walit masing-masing telah mengalami masalah kejatuhan harga yang ketara dan ini mendatangkan kesan kepada ekonomi luar bandar.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sedar bahawa situasi harga komoditi yang merosot telah menyebabkan pendapatan masyarakat luar bandar yang bergantung kepada hasil berkenaan terjejas terutamanya bagi komoditi getah.

Sehubungan itu, antara langkah segera yang telah dilaksanakan semasa situasi harga getah merosot adalah dengan memberikan **Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah (BKKH)** secara *one-off* sebanyak RM500 setiap seorang. Bantuan ini telah diberikan kepada pekebun kecil yang berdaftar dengan RISDA dan sebanyak RM154 juta telah diagihkan sehingga 31 Julai 2014 kepada 308,872 pekebun kecil.

Selain itu, langkah-langkah lain yang sentiasa dalam pelaksanaan adalah seperti berikut:

- a. mewujudkan mekanisma pengurangan harga benih dan baja. Sebagai contoh, harga benih RISDA

adalah RM2.33/pokok berbanding harga pasaran RM4.50/pokok. Manakala jumlah pengurangan harga baja iaitu baja RISDA 1 dikurangkan daripada RM1,374/MT (2013) kepada RM1,190/MT (2014), perbezaannya sebanyak RM184/MT dan baja RISDA 4 daripada RM1,448/MT (2013) kepada RM1,100/MT (2014), perbezaannya sebanyak RM348/MT. Pengurangan kedua-dua jenis baja tersebut berjumlah sebanyak RM532/MT;

- b. melalui Program Pembangunan Infrastruktur Pemasaran (PIP) dengan pembinaan Pusat Timbang dan Stor (PTS) serta Depo Simpanan Berpusat yang berperanan untuk memendekkan rantai pemasaran agar kumpulan sasaran memperoleh harga yang lebih tinggi;
- c. mengalakkan kumpulan sasaran mengamalkan Amalan Pertanian Baik (*Good Agricultural Practices* (GAP)). Amalan ini berupaya mengurangkan penggunaan tenaga buruh asing sekaligus meningkatkan pendapatan mereka sendiri;

- d. mempergiatkan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan untuk memastikan penggunaan tanah yang optimum dengan menggalakkan kumpulan sasar supaya melaksanakan tanaman kontan seperti cili, pisang, nenas dan lain – lain bagi menjana pendapatan tambahan; dan
  
- e. meningkatkan agihan dividen kepada kumpulan sasar dengan usaha Syarikat Milikan Agensi yang mengoptimumkan kesemua kawasan supaya boleh berhasil sekaligus untuk memaksimumkan hasil bulanan/tahunan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN  
(TANJONG MALIM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.10.2014**

**Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN [ TANJONG MALIM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah asas bagi Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan kadar dasar semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas pada bulan Ogos yang lalu. Adalah di jangka kadar gadaai janji pada sekitar 4.2 peratus akan dinaikkan kepada 4.65 peratus dan ini akan menambahkan lagi bebanan peminjam, terutamanya golongan pengguna yang berpendapatan rendah dan sederhana yang terlibat dalam pinjaman perumahan dan kenderaan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mengekalkan kadar faedah di paras yang wajar adalah penting untuk memastikan inflasi adalah rendah dan stabil serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Berpandukan asas ini, Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate, OPR*) dinaikkan pada bulan Julai 2014 berikutan prospek pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan kadar inflasi yang dijangka melebihi kadar purata jangka panjangnya. Walau bagaimanapun, pada kadar baharu OPR ini, pendirian dasar monetari masih terus menyokong ekonomi negara.

Kenaikan OPR juga merupakan langkah awalan yang bertujuan untuk mengurangkan risiko ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan supaya tidak menular dengan lebih meluas ke suatu tahap yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi negara. Sekiranya kadar faedah dikekalkan pada paras yang terlalu rendah bagi suatu tempoh yang panjang, ia boleh menjadi punca kepada penularan ketidakseimbangan kewangan. Ketidakseimbangan ini akan meningkatkan risiko krisis kewangan dan kemelesetan ekonomi pada masa hadapan,

yang seterusnya akan menjejaskan kebajikan rakyat Malaysia.

Memastikan kadar faedah berada pada paras yang wajar juga dapat melindungi pendeposit untuk memperoleh pulangan yang munasabah. Ini amat penting bagi sesebuah negara seperti Malaysia yang mempunyai kadar tabungan yang tinggi, khususnya bagi kelompok masyarakat seperti golongan pesara yang amat bergantung kepada sumber pendapatan melalui pulangan tabungan.

Pinjaman daripada isi rumah yang berpendapatan rendah adalah terutamanya untuk pembelian kenderaan dan pinjaman peribadi. Secara lazimnya, pinjaman ini berasaskan kontrak pada kadar faedah tetap. Oleh yang demikian, pembayaran balik pinjaman sedia ada tidak akan terjejas disebabkan oleh pelarasan kadar faedah. Masalah kewangan yang dihadapi oleh peminjam bukanlah berpunca daripada kenaikan kecil dalam kadar faedah, tetapi kebanyakannya disebabkan oleh tindakan meminjam melebihi daripada kemampuan untuk membayar balik pinjaman.

Pihak Kerajaan dan Bank Negara Malaysia amat prihatin terhadap

keperluan golongan isi rumah, khususnya golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana, yang terdedah kepada kesulitan kewangan dalam persekitaran kos sara hidup yang semakin meningkat. Di atas keprihatinan ini, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan dan langkah-langkah untuk mengurangkan bebanan kewangan isi rumah di samping mengawal kenaikan hutang di luar kemampuan. Selain skim bantuan kewangan, kumpulan peminjam ini juga boleh mendapatkan khidmat nasihat dan pengurusan kredit daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Pendidikan kewangan juga terus diberikan fokus utama dalam usaha meningkatkan keupayaan isi rumah untuk mengurus kewangan dengan lebih cekap. Misalnya, Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang disediakan dan ditadbir oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bertujuan untuk meningkatkan kemahiran peminjam dalam pengurusan kewangan dan menggalakkan pengambilan hutang secara berhemat, sekali gus menghindarkan bebanan hutang yang terlalu besar pada masa hadapan.

Sejak tahun 2013, Bank Negara Malaysia dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah mengendalikan program pendidikan kewangan di tempat kerja melalui kerjasama sektor awam-swasta, termasuk dengan agensi kerajaan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Tentera Laut Diraja Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL  
AZIZ  
(RAUB)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.10.2014**

**Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [ RAUB ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

a) adakah Kerajaan memperakui terlebih dahulu atau 'endors'  
pengurangan pekerja MAS seramai 6,000 orang; dan

b) adakah Kerajaan berpuas hati mengenai kaedah memutuskan bahawa  
MAS hanya memerlukan 14,000 kakitangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, menurut piawaian dan penanda aras industri bagi syarikat-syarikat penerbangan yang mempunyai persamaan dengan MAS dari segi saiz, laluan dan pelan perniagaan, jumlah optimum tenaga kerja yang diperlukan oleh MAS adalah seramai kira-kira 14,000 orang bagi memastikan operasi yang cekap dan produktif. Justeru itu, adalah dianggarkan seramai kira-kira 6,000 pekerja akan terlibat dalam proses pemberhentian (*retrenchment*). Ketika ini, MAS giat melaksanakan proses tapisan untuk menentukan *outfit* terbaik dari semua peringkat pengurusan dan sokongan bagi memperoleh kos operasi yang optimum.

Bagi memberikan sokongan kepada kira-kira 6,000 kakitangan MAS yang terlibat dalam proses pemberhentian tersebut, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) akan menubuhkan sebuah pusat khas atau *Outplacement Centre* (OPC) di bawah Pelan Penyusunan Semula MAS. OPC ini akan menyediakan khidmat sokongan berkaitan yang diperlukan oleh pelbagai kumpulan pekerja yang akan meninggalkan MAS. Ini termasuklah

sokongan profesional, emosi dan kewangan untuk membantu mereka beralih pekerjaan ke peringkat seterusnya dalam kerjaya masing-masing.

OPC akan diletakkan di bawah naungan Pusat Latihan Semula Korporat (CRC) yang ditubuhkan bagi penyusunan semula dan sokongan perkhidmatan. CRC akan meliputi bidang seperti perancangan kewangan dan persaraan, panduan kerjaya dan kaunseling, penjalinan hubungan dengan majikan serta badan-badan berkanun yang berpotensi.

Tuan Yang di-Pertua,

Perjumpaan dengan kakitangan MAS menerusi beberapa sesi turun padang yang telah diadakan menunjukkan bahawa terdapat sokongan meluas ke atas penubuhan CRC dan OPC daripada kakitangan MAS di samping keinginan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai penyusunan semula ini. Kesatuan pekerja MAS berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai CRC dan OPC, khususnya jenis Latihan Semula yang disediakan, proses pemilihan, tempoh latihan, dan jangka masa untuk menyiapkan pusat tersebut.

Penempatan semula 6,000 orang pekerja dan jumlah pampasan bagi skim pemberhentian ini sedang dimuktamadkan sementara menunggu penyelesaian program penilaian bakat yang sedang dilaksanakan di MAS. Selain daripada skim pemberhentian, Khazanah juga sedang menilai skim untuk memastikan bahawa bakat terbaik diberi insentif dan dikekalkan dalam “MAS Baru”.

Memandangkan jumlah dana yang besar serta usaha dan masa yang banyak diperlukan untuk menjayakan Pelan Pemulihan MAS ini, adalah kritikal bagi Kerajaan untuk memastikan pembentukan sebuah syarikat penerbangan yang berjaya dan mampan yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara menjelang penghujung pelaksanaan rancangan ini. Oleh itu, Khazanah komited untuk memastikan proses pemindahan, penghijrahan dan pemberhentian yang melibatkan kakitangan MAS dilaksanakan dengan penuh cermat, adil dan menurut proses yang ditetapkan bagi meminimumkan kesan kepada mereka yang terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[ SEPANGGAR ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan apakah jenis bantuan kecemasan yang disediakan oleh Kerajaan bagi mangsa-mangsa bencana kebakaran dan apakah garis panduan bantuan kecemasan ini.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan yang diberikan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) kepada mangsa-mangsa bencana kebakaran adalah dari aspek pembinaan semula rumah-rumah yang terbakar. Projek ini dilaksanakan melalui Program Pembinaan Rumah Di Bawah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan Ke 7 (NBOS7) : Kejiranan Indah.

Terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh mangsa kebakaran bagi melayakkan mereka menerima bantuan tersebut, antaranya ialah:-

- (i) Kurang berkemampuan (miskin);
- (ii) Mempunyai tapak tanah sendiri; dan
- (iii) Mendapat persetujuan daripada peserta yang terlibat.

Sementara itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menyediakan bantuan kepada mangsa kebakaran. Bantuan yang disediakan ini terbahagi kepada dua iaitu:-

(1) Bantuan **pemulihan jangka pendek** di pusat pemindahan meliputi:-

- (a) Barangan keperluan asas seperti tikar, selimut, bantal, pakaian, tuala wanita, pakaian, lampin, pakai buang dan lain-lain;
- (b) Makan/Minum seperti roti, biskut dan air mineral dan makanan dimasak; dan
- (c) Hygiene Kits seperti ubat gigi, berus gigi, gel mandian, tuala, syampu dan sikat rambut.

Bantuan pemulihan tersebut hanya meliputi mangsa kebakaran yang berpindah di pusat pemindahan sahaja.

(2) Bantuan pemulihan Jangka Panjang yang diberikan kepada mangsa kebakaran, sama ada bantuan kewangan melalui bantuan wang ehsan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau bantuan pemulihan JKM, yang tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP).

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kepada kumpulan sasar seperti mana ditetapkan di bawah Arahan No.20, Majlis Keselamatan Negara iaitu :-

1. Menyedia dan menyelenggarakan pusat-pusat pemindahan mangsa-mangsa bencana.
2. Menyediakan dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa-mangsa bencana.
3. Menjalankan pendaftaran mangsa-mangsa bencana bagi maksud pemulihan.

4. Memberikan bimbingan, nasihat/kaunseling kepada mangsa-mangsa bencana.

### **Bantuan Segera Persekutuan Kawasan Parlimen (BSKP)**

Dalam usaha mempercepat penyampian bantuan kewangan kepada mangsa bencana, termasuk mangsa banjir, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan Bantuan Segera Persekutuan Kawasan Parlimen (BSKP) kepada ahli Parlimen sebanyak RM50,000. Sehubungan itu, ahli Parlimen boleh menyalurkan serta-merta bantuan membaiki rumah akibat bencana alam dengan kadar maksimum RM500 untuk sesebuah keluarga.

Bagi bantuan pemulihan jangka panjang, Kerajaan Persekutuan juga menyediakan bantuan **Pemulihan Jangka Panjang** dengan kadar maksimum RM5000 mengikut ketua rumah setelah siasatan terperinci dijalankan bagi mangsa bencana termasuk kebakaran.

Dalam usaha melaksanakan dan menyediakan bantuan kepada mangsa bencana termasuk kebakaran, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan garis panduan berikut:-

1. **Peraturan Tetap Operasi Pengurusan Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan**
2. **Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kawasan Parlimen (MAYANG)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]**

**TARIKH : 9.10.2014**

**SOALAN :**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan berikutan RM50 juta telah diperuntukkan khas untuk penambahbaikan dan penyelenggaraan SJKT dalam Bajet 2014. Berapakah sekolah yang terlibat dan Kementerian adalah diminta mengeluarkan senarai nama sekolah, peruntukan bagi setiap sekolah, skop kerja dan status terkini kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Jawatankuasa Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah-sekolah Tamil, Jabatan Perdana Menteri (JPM) sedang merancang dan meneliti senarai Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang akan menerima agihan peruntukan tersebut.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang boleh diambil terhadap mereka yang jelas mempersenda dan merendahkan martabat institusi istana di negara ini.**

**JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suatu perbuatan jenayah yang menyentuh isu institusi Raja di Malaysia boleh terjumlah kepada suatu kesalahan yang diperuntukkan di bawah beberapa undang-undang seperti yang berikut:

- (a) Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 iaitu kesalahan menghasut;
- (b) Seksyen 425 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan khianat; dan
- (c) Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

2. Jabatan Peguam Negara akan memulakan tindakan pendakwaan terhadap mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta-Akta tersebut sekiranya terdapat keterangan dan bukti kukuh yang menunjukkan bahawa pihak-pihak tersebut telah melakukan kesalahan tanpa mengira status individu berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7118**

**SOALAN:**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan ke atas sebilangan pemimpin negara dan NGO yang telah membangkitkan isu-isu sensitif berkaitan agama dan bangsa yang telah menimbulkan kemarahan rakyat negeri Sabah dan Sarawak; dan

(b) usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengekang kegiatan ini agar tidak terus berleluasa.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan memandang serius dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana kumpulan, pertubuhan mahupun individu yang mengeluarkan kenyataan melampau bertujuan untuk mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara agama dan kaum tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat negara ini.**

**Dalam hubungan ini, tiada siapa pun akan terlepas dari tindakan undang-undang termasuklah individu-individu yang terlibat di dalam gerakan untuk memisahkan Sabah dan Sarawak dari Malaysia.**

**Walau bagaimanapun, saya tidak berhajat untuk mendedahkan secara terperinci setiap individu-individu tersebut kerana pihak polis masih menjalankan siasatan ke atas mereka termasuk kenyataan-kenyataan berbaur hasutan yang disebarkan melalui semua medium komunikasi termasuk media sosial dengan kerjasama daripada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (b) pula, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil tindakan secara berterusan bagi mengekang isu ini berdasarkan tiga (3) pendekatan iaitu:**

- i. melalui penguatkuasaan undang-undang termasuklah mengambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 disamping undang-undang lain yang berkaitan;**
- ii. menjalinkan kerjasama dengan NGO-NGO serta pemimpin-pemimpin tempatan untuk membentuk perhubungan yang baik dan persefahaman antara setiap pihak ini agar saling menghormati diantara kaum dan agama di dalam masyarakat majmuk di negara ini; dan**
- iii. menjalankan aktiviti-aktiviti kempen kesedaran dan ceramah-ceramah berhubung keselamatan dan ketenteraman awam untuk menerangkan tentang bahayanya jika terlibat dengan kegiatan mencetuskan ketegangan dan perbalahan antara kaum dan agama.**

**Di sini saya ingin menyeru agar semua pihak menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan, kesatuan, memelihara keharmonian dan kesejahteraan rakyat yang dinikmati selama ini.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**  
**[ LANANG ]**  
**TARIKH : 9 OKT 2014**  
**SOALAN :**

**YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meningkatkan caj atau bayaran rawatan hospital Kerajaan bagi warganegara Malaysia pada masa depan dan bagaimana dengan sistem "1 Care" yang dicadangkan pada tahun 2012 serta adakah Kerajaan akan melaksanakan sistem tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dengan perbelanjaan kesihatan pada kadar 4.3% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Malaysia telah mencapai status kesihatan penduduk yang setanding negara maju dengan mutu perkhidmatan kesihatan yang bertaraf antarabangsa. Terdapat dua sistem kesihatan iaitu awam dan swasta. Rakyat yang mampu atau yang mempunyai perlindungan insurans kesihatan boleh memilih untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan di fasiliti swasta manakala, perkhidmatan

kesihatan di sektor awam dapat dinikmati oleh seluruh rakyat dengan caj rawatan yang minima.

Namun, Kerajaan sedar dengan peningkatan bilangan penduduk, bertambahnya bilangan warga emas, penggunaan teknologi baru, peningkatan penyakit kronik dan sebagainya, kelestarian (*sustainability*) sistem kesihatan berkualiti menjadi isu yang perlu ditangani. Pada ketika ini, 8.9% daripada jumlah penduduk Malaysia adalah terdiri daripada warga emas yang berusia 60 tahun ke atas. Peratusan ini diunjurkan akan meningkat dan mencapai 10.6% pada tahun 2020 dan 16.3% pada tahun 2040. Kajian yang dijalankan menunjukkan perbelanjaan kesihatan akan bertambah sebanyak 0.17% pada tahun 2030 berbanding tahun 2011 (*Malaysia Health Care Demand Analysis, 2013*).

Peruntukan kesihatan pada ketika ini adalah amat tidak mencukupi untuk mencapai prestasi perkhidmatan optima sejajar dengan amalan perubatan semasa. Pada ketika ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang mengkaji dan menganalisa model-model pembiayaan kesihatan sedia ada di negara-negara lain bagi membangunkan pelan pembiayaan kesihatan yang saksama dan mampan serta mampu ditampung oleh Kerajaan, majikan dan golongan bekerja untuk seluruh rakyat Malaysia.

Antara model-model yang sedang dipraktikkan di peringkat antarabangsa adalah pembiayaan kesihatan melalui skim percukaian umum (*general taxation*) atau skim caruman kesihatan atau kombinasi kedua-dua skim tersebut. Adakah rakyat mahu Kerajaan mengenakan cukai yang lebih tinggi atau golongan yang berkemampuan mencarum untuk membiayai kos perkhidmatan kesihatan?

Walau bagaimanapun, perkara ini memerlukan perancangan yang teliti dan melibatkan penelitian pelbagai bidang dan aspek. Ia juga perlu mengambil kira pendapat dan maklum balas pihak-pihak berkepentingan. Pihak KKM sedang dalam perancangan mendapatkan khidmat pakar perunding antarabangsa untuk membantu membuat penelitian yang lebih menyeluruh dan merancang pembangunan sistem kesihatan yang lebih mantap .

Perancangan transformasi sistem kesihatan ini melibatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan di dalam negara. Ini adalah kerana keperluan perkhidmatan kesihatan luar negara sukar dianggarkan sebab melibatkan sistem kesihatan yang berlainan, kos rawatan yang berbeza dan pertukaran mata wang asing yang tidak tetap. Tambahan pula, teknologi dan kepakaran dalam sektor kesihatan di Malaysia adalah setanding dengan negara-negara maju dan masih boleh menampung keperluan kesihatan am penduduk. Justeru itu, rakyat dapat menikmati perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti di fasiliti Kerajaan mahupun swasta di dalam negara. Selain itu, rakyat juga mempunyai pilihan untuk membeli insuran perjalanan yang memberi perlindungan kesihatan semasa berada di luar negara atau membeli insuran kesihatan swasta yang memberi akses kepada perkhidmatan di luar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (Khamis)**

**SOALAN**

**YB Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan status pembinaan dan operasi Penang Sentral di Butterworth bagi menggantikan Terminal Bas Butterworth.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) bertanggungjawab mengeluarkan lesen kepada semua pengendali terminal pengangkutan awam darat dan akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menentukan lokasi sesebuah terminal.

2. Untuk makluman, Penang Sentral telah mendapat kelulusan daripada PBT pada Ogos 2014. Proses pengambilan tanah masih dijalankan melibatkan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP), Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan Perbadanan Aset Keretapi (PAK). Pembinaan terminal Penang Sentral ini dikendalikan oleh syarikat Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).

3. Pembinaan Penang Sentral dijangka akan dimulakan dengan kerja-kerja tapak iaitu penanaman cerucuk pada pertengahan November 2014. Penang Sentral dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2017.

4. Bagi memberi kemudahan dan kesinambungan operasi pengangkutan awam sementara pembinaan terminal Penang Sentral dijalankan, satu terminal sementara di lokasi berhampiran sedang dibina. Ia kini telah siap 40% dan dijangka siap sepenuhnya pada awal November 2014.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU  
MANSUR  
[ SILAM ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 27**

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [ Silam ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan selepas tragedi pesawat MAS MH 17, apakah gerak kerja yang telah diambil oleh Malaysia dalam menuntut keadilan terhadap mangsa penerbangan MH 17, apakah pula pelan perancangan untuk mengukuhkan semula imej Syarikat Penerbangan Malaysia Airlines.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan untuk menuntut keadilan atas tragedi pesawat MH17 sedang diambil secara bersama dengan pihak berkuasa negara lain yang mempunyai mangsa atas pesawat MH17 itu. Dalam hal ini adalah penting untuk memastikan siasatan yang adil dan bebas dijalankan. Berdasarkan maklumat yang ada setakat ini, kepastian yang ada hanyalah bahawa pesawat MH17 telah dijatuhkan oleh suatu sistem peluru berpandu (*missile system*). Namun, pihak yang telah menembak peluru berpandu itu masih perlu dibuktikan melampaui keraguan munasabah (*beyond reasonable doubt*) dan perkara itu masih dalam siasatan. Pada hakikatnya, bukti yang diperlukan berada di Ukraine, termasuk bangkai nahas tersebut. Sebagai tambahan, keterangan teknikal dalam bentuk rakaman percakapan dan rakaman pemintasan komunikasi antara pihak-pihak yang berkenaan juga perlu diperolehi daripada negara-negara yang berkenaan.

Sehubungan itu, siasatan jenayah sedang dikendalikan oleh negara masing-masing seperti Malaysia, Australia, Ukraine dan Belanda yang mempunyai penumpang atas pesawat MH17. Sebagai tambahan, suatu *Joint Investigation Team* (JIT) yang diterajui oleh Belanda dan dianggotai oleh Ukraine, Australia dan Belgium telah diwujudkan untuk melicinkan kerjasama antara negara-negara berkepentingan dalam mendapatkan keterangan melalui proses bantuan bersama dalam perkara jenayah dan selainnya. Malaysia telah diterima sebagai peserta dalam JIT secara rasmi pada 19 Ogos 2014.

Berikutan insiden MH370 dan MH17, Malaysia Airlines (MAS) telah mengurangkan aktiviti pemasaran selama 3 bulan bagi menghormati keluarga penumpang dan anak kapal. Namun, terdapat keperluan segera bagi MAS untuk melebihi usaha bagi mendapatkan semula momentum yang hilang.

**NO. SOALAN: 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7329**

**SOALAN:**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status penubuhan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) yang ditubuhkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta nyatakan matlamat dan objektif penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Skim Rondaan Sukarela Rukun Tetangga.**

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] memperuntukkan mana-mana pertubuhan yang ingin bergerak secara sah perlulah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Kegagalan mana-mana pertubuhan untuk berbuat demikian akan berdepan dengan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 6 (3) Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] iaitu, “Sesiapa yang melakukan pelanggaran terhadap Seksyen 6 (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, dan jika pelanggaran itu adalah suatu pelanggaran yang berlanjutan, maka orang itu bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari pelanggaran itu dilanjutkan selepas hari yang pertama”.**

**Peruntukan di bawah Seksyen 2 Akta yang sama pula ada menyebut bahawa sekumpulan tujuh (7) orang atau lebih adalah memenuhi tafsiran sebagai sebuah pertubuhan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal dan sewajarnya mengambil tindakan untuk membuat permohonan pendaftaran pertubuhan.**

**Berhubung dengan status Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Pulau Pinang pula, rekod Kementerian menunjukkan bahawa PPS Pulau Pinang tidak pernah memohon untuk didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Sehubungan dengan itu, bagi perkara-perkara berkaitan PPS Pulau Pinang, Kementerian ini tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci perkara tersebut kerana dikhuatiri akan mengganggu siasatan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan JPPM yang sedang berjalan.**

**NO. SOALAN: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapa laporan lengkap siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi pendatang tanpa izin di Sabah tidak dibentang di Parlimen (hingga ke hari ini) selepas tamat tempoh siasatannya pada 21 Mei 2014 dan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.**

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana yang dimaklumi, Suruhanjaya Siasatan Pemandang Asing di Sabah yang ditauliahkan pelantikannya oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 21 September 2012 dan berakhir pada 22 Mei 2014 telah pun menyiapkan laporan hasil siasatannya. Suruhanjaya ini juga telah selesai mempersembahkan laporan siasatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 14 Mei 2014 selaras dengan tauliah penubuhan Suruhanjaya ini untuk menyerahkan laporan lengkap setelah siasatan diselesaikan. Kerajaan akan memberi perhatian yang serius terhadap laporan Suruhanjaya Siasatan Pemandang Asing di Sabah ini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (Khamis)**

**SOALAN**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah laporan polis yang kini disiasat di bawah Akta Hasutan 1948 dan jumlah pendakwaan di bawah Akta tersebut yang terkini.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menurut statistik Polis DiRaja Malaysia, sejumlah 363 kes yang mempunyai elemen hasutan telah disiasat oleh pihak polis sejak tahun 2008 hingga September 2014.
2. Dari tahun 2009 hingga September 2014, sebanyak 22 pertuduhan di bawah Akta ini telah dikemukakan di mahkamah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**  
**TARIKH : KHAMIS, 9 OKTOBER 2014**  
**RUJUKAN : L1 [PR-1323-L63623]**  
**SOALAN :**

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa banyak tapak-tapak tanah dan jumlah keluasan keseluruhannya di Kuala Lumpur yang masih dimiliki oleh DBKL dan nyatakan setiap tapak tanah yang dijual kepada pembeli swasta setiap tahun dari tahun 2011 dengan menyebut perincian setiap lokasi, keluasan, harga jualan, nama pembeli-pembeli dan tujuan pembelian dan sama ada tanah dijual secara tender terbuka, jika tidak, mengapa.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, penjualan tanah milik DBKL adalah terletak di bawah bidang kuasa YB Menteri Wilayah Persekutuan selaras dengan peruntukan Seksyen 101 (i)(r) Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan manakala penilaian dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**  
**TARIKH : 9.10.2014**  
**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan kolej perubatan di negara ini. Berapa bilangan graduan setiap tahun dan keberkesanan pemantauan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Ogos 2014, terdapat sebanyak 21 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang menawarkan program/kursus Ijazah Sarjana Muda Perubatan. Bilangan graduan perubatan yang telah bergraduasi bagi tahun 2013 ialah seramai 1,115 orang manakala bagi tahun 2014 ialah seramai 610 orang. Mengikut jantina, pada tahun 2013, terdapat seramai 456 graduan lelaki dan seramai 659 orang graduan perempuan manakala pada tahun 2014, graduan lelaki ialah seramai 220 orang dan graduan perempuan seramai 390 orang.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa melaksanakan pemantauan secara menyeluruh ke atas institusi pendidikan tinggi di negara ini termasuk IPTS yang tertakluk di bawah Akta Institusi

Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Antara program pemantauan yang dijalankan adalah Audit Pematuhan yang melihat keupayaan serta pematuhan sesebuah IPTS terhadap akta, surat pekeliling, atau garis panduan bagi memastikan IPTS menawarkan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti. Antara aspek utama yang dilihat adalah status kewangan, pengurusan sumber manusia, enrolmen pelajar, pengendalian kursus pengajian serta kemudahan yang disediakan oleh institusi.

Selain itu, bagi memastikan pengendalian program perubatan dijalankan mengikut syarat kelulusan yang telah ditetapkan, KPM juga turut bekerjasama dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) serta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dalam membuat pemantauan dan pemeriksaan ke atas IPTS yang membuat penawaran kursus perubatan ini. Sekiranya didapati IPTS tersebut menyalahi peruntukan Akta 555, tindakan perundangan boleh diambil sama ada dikenakan kompaun atau pendakwaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
BAGI DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
[ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 33**

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Sarawak untuk program perayaan Hari Merdeka dan Hari Malaysia di seluruh Sarawak dalam tahun 2014. Berapakah kos tersebut dalam tahun 2011, 2012 dan 2013.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM1 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi Program Sambutan Hari Malaysia pada tahun 2014, 2013, 2012 dan 2011 di bawah tanggungan Jabatan Perdana Menteri. Peruntukan yang diberikan meliputi pelaksanaan program/aktiviti sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan yang dilaksanakan di Sarawak.

### **SOALAN NO.: 33**

Selaras dengan arahan perbelanjaan secara berhemah oleh pihak Kerajaan, Kementerian telah memastikan perbelanjaan setiap program/aktiviti yang dilaksanakan mengikut peruntukan yang telah ditetapkan dan menekankan kepada konsep "*value for money*".

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK  
[ TANJONG ]**

**TARIKH : 9 Oktober 2014 (Khamis)**

**SOALAN : 34**

**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sama ada terdapat rancangan serta rasionalnya untuk membina sebuah lapangan terbang yang baru di negeri Kedah. Jikalau ia sebuah lapangan terbang yang bertaraf antarabangsa dengan adanya perkhidmatan kargo disediakan, apakah impak yang akan dibawa terhadap Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua, Kerajaan akan melaksanakan "*feasibility study*" yang komprehensif untuk mengenalpasti kesemua aspek impak kepada industri penerbangan diatas rancangan membina sebuah lapangan terbang yang baru di negeri Kedah termasuk impak kepada kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014**

**SOALAN :**

**YB Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) Secara terperinci berapakah jumlah lawatan rasmi atau tidak rasmi isteri Perdana Menteri ke luar negara secara berseorangan (tanpa Perdana Menteri) dan negara-negara yang dilawati serta tujuan-tujuan lawatan itu mengikut tahun sejak Perdana Menteri ditabalkan sebagai Perdana Menteri sehingga September 2014; dan**
- (b) Berapakah jumlah kos yang dibelanjakan mengikut lawatan dan minta diperincikan setiap satu lawatan tersebut.**

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- i) Semenjak tahun 2009 sehingga September 2014, Isteri YAB Perdana Menteri telah mengadakan 20 lawatan rasmi ke 15 buah negara iaitu Singapura, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Oman, Bangladesh, Turki, Amerika Syarikat, India, United Kingdom, Republik Rakyat China, Qatar, Kazakhstan, Itali, Perancis, dan Indonesia.
- ii) Tujuan lawatan ke negara-negara tersebut adalah bagi menyampaikan ucap tama di seminar-seminar dan forum-forum antarabangsa berkenaan dengan topik-topik seperti pemerksaan wanita, pendidikan kanak-kanak dan pembangunan sumber manusia. Terdapat beberapa lawatan yang telah diadakan bagi memenuhi undangan dari tuan rumah.
- iii) Bagi kebanyakan lawatan rasmi, Isteri Perdana Menteri telah diberikan status sebagai Tetamu Negara. Justeru itu, semua kos

seperti penginapan dan pengangkutan ditanggung sepenuhnya oleh tuan rumah.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI KHALID BIN IBRAHIM  
[BANDAR TUN RAZAK]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan tindakan yang dirangka oleh Kerajaan untuk merapatkan jurang kaya-miskin atau ketaksamaan ekonomi antara yang paling teruk di Asia Pasifik, dalam bentuk pekali Gini atau jurang bahagian pendapatan "income earners" antara 20% teratas dan terbawah, meskipun Malaysia menjadi negara maju, berpendapatan tinggi dari segi GNI perkapita menjelang 2020.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI ABDUL WAHID OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk merapatkan jurang ketaksamaan pendapatan antara golongan kaya dan miskin. Secara umumnya, Malaysia telah berjaya mengurangkan jurang ketidakseimbangan pendapatan seperti ditunjukkan oleh beberapa indikator berikut:

Indikator	Tahun			
	1999	2009	2012	2014*
Pekali Gini	0.443	0.441	0.431	0.421
Nisbah ketaksamaan pendapatan (T20%:B40%)	1:7.24	1:6.94	1:6.58	1:6.18
Bahagian Pendapatan (B40%)	14%	14.3%	14.8%	-

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

\*Data merupakan data awalan daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014.

Malaysia merupakan antara negara yang mencapai corak agihan pendapatan yang lebih baik berbanding dengan kebanyakan negara di rantau ini. Bahkan, kejayaan ini dicapai semasa kebanyakan negara di dunia mengalami peningkatan dalam ketidakseimbangan pendapatan.

Walau bagaimanapun, dalam menggunakan pekali Gini, perbandingan antara negara perlu berhati-hati kerana terdapat perbezaan penggunaan

indikator dalam mengukur pekali Gini. Bagi Malaysia, pengukuran adalah berasaskan pendapatan kasar isi rumah (*gross household income*), manakala Indonesia, Thailand dan Filipina pula menggunakan pengukuran berasaskan perbelanjaan. Kebanyakan negara termasuk negara anggota *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) menggunakan pendapatan bersih setelah ditolak cukai dan pindahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya pengukuran pekali Gini Malaysia adalah berasaskan ukuran perbelanjaan, maka nilainya adalah 0.337 (tahun 2009). Nilai ini adalah lebih rendah, dan oleh itu adalah lebih saksama berbanding Indonesia, 0.381 (tahun 2011), Thailand, 0.394 (tahun 2010) dan Filipina, 0.430 (tahun 2009). Ini menunjukkan tingkat ketidakseimbangan pendapatan di Malaysia adalah lebih baik berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini. Kebanyakan negara OECD juga mempunyai nilai pekali Gini yang lebih tinggi berbanding Malaysia, sekiranya ukuran ketidakseimbangan berasaskan pendapatan kasar isirumah digunakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara pelan tindakan yang telah dirangka oleh Kerajaan bagi menangani ketidakseimbangan pendapatan rakyat termasuk:

- i. langkah merangsang pertumbuhan ekonomi bagi mencipta peluang-peluang baru, terutamanya kepada isi rumah berpendapatan rendah melalui peluang-peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan peluang perniagaan dan keusahawanan;

- ii. memperluaskan program pendidikan dan latihan kepada rakyat untuk meningkatkan pendidikan dan kemahiran supaya mendapat pekerjaan berpendapatan tinggi. Ini dilaksanakan dengan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dan kapabiliti dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah, termasuk masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak;
- iii. pembangunan infrastruktur asas di luar bandar bagi menggalakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan produktiviti;
- iv. pembangunan secara bersepadu seperti agropolitan, *contract farming* dan sebagainya. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM685.5 juta yang dijangka memanfaatkan seramai 3,486 orang peserta di 14 lokasi yang dikenalpasti;
- v. program-program latihan bagi golongan khusus yang masih ketinggalan dalam pembangunan negara seperti masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak; dan
- vi. rasionalisasi perlindungan sosial (*social protection*) dan jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang meliputi bantuan kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Pendekatan berasaskan *people's economy* ini akan diterus dan diperkukuhkan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Ini akan memastikan semua golongan masyarakat mendapat faedah daripada pertumbuhan ekonomi selaras dengan tercapainya Wawasan

2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 ( SELASA )**

**SOALAN :**

**YB Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ] minta PERDANA MENTERI menyatakan butiran terperinci untuk segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan sepanjang percutian YAB Perdana Menteri di Eropah dari 31 Julai hingga 15 Ogos 2014.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan hanya membiayai perbelanjaan delegasi Pegawai Kerajaan termasuk Pegawai Pengiring YAB Perdana Menteri sahaja sepanjang percutian YAB Perdana Menteri di Eropah pada bulan Ogos 2014. Kos-kos lain adalah ditanggung sendiri oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
(SELAYANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.10.2014**

**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci mengenai sumber RM6 bilion yang dijangka diperlukan bagi Pelan Pemulihan MAS dan penubuhan sebuah syarikat baharu (NewCo) seperti yang diumumkan oleh Khazanah Nasional Bhd pada Ogos lalu, memandangkan Khazanah Nasional merupakan entiti milik penuh Kerajaan dan semua ekuitinya dimiliki oleh Kementerian Kewangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, keutamaan MAS pada masa ini adalah untuk menumpukan perhatian kepada pelaksanaan inisiatif sedia ada di bawah pelan perniagaan syarikat dengan sasaran untuk meningkatkan kendalian trafik penumpang yang telah terjejas berikutan insiden MH370 dan MH17 yang lalu. Pelbagai strategi dan pelan jangka pendek telah dirancang dan akan dilaksanakan bagi memulihkan imej syarikat serta meningkatkan semula keyakinan penumpang kepada perkhidmatan MAS. Antara langkah yang dilaksanakan adalah mengaktifkan semula promosi jualan untuk semua sektor termasuk pasaran di China serta menggiatkan kempen pemasaran taktikal di seluruh dunia melalui pakatan perkongsian sedia ada.

Selain itu, MAS terus komited untuk mengekalkan daya saing serta menyediakan tahap perkhidmatan berkualiti kepada penumpang serta memberi tumpuan kepada inisiatif untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti dengan mengukuhkan rangkaian perkhidmatan MAS. Program Penggantian Pesawat merupakan pemangkin kepada pelan pemulihan MAS melalui

inisiatif memenangi semula penumpang. Dengan adanya pesawat baru seperti A380, Boeing 737-800 dan Airbus A330, MAS dapat mempelbagaikan perkhidmatan bagi memberi kepuasan kepada penumpang dan mengekalkannya sebagai syarikat penerbangan pilihan. MAS juga menawarkan perkhidmatan berkualiti bertaraf lima (5) bintang dengan harga kompetitif berbanding syarikat-syarikat penerbangan lain.

Tuan Yang di-Pertua,

### **Pelan Pemulihan MAS**

Pada 29 Ogos 2014, Khazanah telah mengumumkan Pelan Pemulihan MAS yang melibatkan rombakan menyeluruh syarikat penerbangan tersebut. Pelan Pemulihan ini merangkumi elemen tadbir urus dan rangka kerja kewangan, model operasi perniagaan, kepimpinan dan modal insan serta persekitaran pengawalseliaan dan pemudah yang dibahagikan kepada 12 rangka kerja seperti berikut:

- 1) menubuhkan syarikat baharu bagi menempatkan "MAS Baru",

menyahsenarai MAS (syarikat sedia ada) dan penyenaiaan semula "MAS Baru". Penyahsenaraian MAS adalah langkah pertama dalam proses penstrukturan semula secara menyeluruh bagi melindungi kepentingan pemegang saham minoriti daripada risiko pelaksanaan serta memberi peluang kepada MAS dan Khazanah untuk membuat keputusan secara pantas dan berkesan;

2) Menyediakan dana sehingga RM6 bilion untuk penyusunan semula serta pelaburan dan mengurangkan nisbah bersih hutang berbanding dana pemegang saham kepada 120%;

3) Menetapkan semula model perniagaan yang mampan melalui rangkaian perkhidmatan yang memberi fokus kepada pasaran serantau, struktur kos yang lebih rendah dan penekanan yang lebih kepada pengurusan hasil;

4) Menyatukan operasi teras dan ibu pejabat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA);

- 5) Mengukuhkan jaminan, integriti dan fungsi keselamatan;
- 6) Mengkaji dan merundingkan semula kontrak bekalan;
- 7) Memperkukuhkan barisan kepimpinan;
- 8) Menyesuaikan saiz tenaga kerja, dengan anggaran 14,000 kakitangan di "MAS Baru";
- 9) Mengukuhkan perhubungan industri dan penjawatan dalaman;
- 10) Latihan semula, pewujudan pekerjaan dan penempatan semula;
- 11) Sokongan Kerajaan yang sesuai terhadap inisiatif utama, dan
- 12) Komunikasi berterusan dan perhubungan dengan pihak berkepentingan.

Bagi melaksanakan Pelan Pemulihan MAS ini, Khazanah memerlukan dana sehingga RM6 bilion yang akan disalurkan secara berperingkat, tertakluk kepada pencapaian syarat-syarat penyusunan semula yang ketat. Antara sasaran yang ditetapkan ke atas MAS adalah seperti penggubalan peraturan kerja dan syarat-syarat pekerjaan berdasarkan penanda aras industri, penyusunan semula proses dan penyelarasan, kajian semula kontrak, penyatuan operasi di KLIA, penubuhan jawatankuasa untuk memudahkan perundingan pekerja, tadbir urus dan etika, kelulusan Pelan Perniagaan, pembangunan sumber manusia dan pengurusan, kajian semula struktur tadbir urus korporat Syarikat dan penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kewangan dan operasi untuk pemantauan bulanan bagi memastikan pelaksanaan penstrukturan semula.

Peringkat awal Pelan Pemulihan MAS telah dimulakan dengan proses penyahsenaraian MAS dari Bursa Malaysia dilaksanakan secara *Selected Capital Reduction (SCR)* yang diumumkan oleh Khazanah pada 8 Ogos 2014. Pemegang saham yang berhak akan dibayar balik pada nilai

RM0.27 sesaham bagi setiap saham yang dipegang. Keseluruhan transaksi SCR ini dijangka akan dimuktamadkan pada akhir Disember 2014 dan Khazanah akan menjadi pemegang saham biasa tunggal MAS. Seterusnya kesemua operasi, aset dan liabiliti yang berkaitan akan dipindahkan kepada “MAS Baru” menjelang 1 Julai 2015.

Tempoh peralihan selama 10 bulan akan datang **adalah** daripada syarikat sedia ada kepada “MAS Baru” akan menyaksikan perubahan besar dari segi barisan kepimpinan akan dilaksanakan secara komprehensif dan teratur. **Perubahan** ini termasuk mengukuhkan komposisi Lembaga Pengarah, pengurusan atasan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) serta pengurusan pertengahan “MAS Baru” dengan memanfaatkan bakat kepimpinan terbaik di MAS.

Penghijrahan kepada “MAS Baru” akan melibatkan kajian semula kos keseluruhan syarikat penerbangan tersebut yang dijangka akan menghasilkan struktur kos yang lebih rendah, berikutan struktur operasi dan tenaga kerja akan dilaksanakan berdasarkan amalan dan norma-norma industri yang kompetitif.

Syarikat dijangka mencatatkan keuntungan dalam tempoh 3 tahun dan menjelang tahun 2020 "MAS Baru" dijangka akan berada dalam kedudukan yang lebih kukuh dan boleh dipertimbangkan untuk disenaraikan semula di Bursa Malaysia, dijual atau diletakkan dalam perkongsian strategik yang mampu menjana pulangan positif.

Tuan Yang di-Pertua,

### **Isu Kakitangan MAS**

Mengenai pampasan kepada 6,000 kakitangan MAS yang diberhentikan, perkara ini masih belum dimuktamadkan oleh Khazanah dan masih menunggu keputusan program penilaian bakat yang sedang dilaksanakan di MAS. Selain daripada skim pemberhentian, Khazanah juga sedang menilai skim-skim lain yang boleh dipertimbangkan untuk memastikan bakat terbaik diberi insentif dan dikekalkan dalam "MAS Baru".

Bagi membantu kakitangan yang akan diberhentikan, Khazanah telah menubuhkan sebuah pusat khas atau *Outplacement Centre* (OPC) untuk memberikan sokongan penempatan, selari dengan proses penyusunan semula yang sedang dilaksanakan. OPC ini akan menyediakan khidmat sokongan berkaitan yang diperlukan oleh pelbagai kumpulan pekerja yang akan meninggalkan MAS.

Ini termasuklah sokongan profesional, emosi dan kewangan untuk membantu mereka beralih pekerjaan ke peringkat seterusnya dalam kerjaya masing-masing.

OPC diletakkan di bawah naungan Pusat Latihan Semula Korporat (CRC) yang ditubuhkan bagi penyusunan semula dan sokongan perkhidmatan. CRC akan meliputi bidang seperti perancangan kewangan dan persaraan, panduan kerjaya dan kaunseling, penjalinan hubungan dengan majikan serta badan-badan berkanun yang berpotensi. Khazanah terus komited untuk memastikan bahawa proses pemindahan, penghijrahan dan pemberhentian pekerja dilaksanakan dengan penuh cermat, adil dan menurut proses yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Industri penerbangan adalah salah satu penganda ekonomi tertinggi iaitu sebanyak 12 kali, berbanding 1 hingga 3 kali yang dicatatkan oleh kebanyakan industri lain. Sebagai contoh, bagi setiap pekerja yang diambil kerja oleh MAS, terdapat empat (4) pekerjaan sokongan lain yang dicipta di pelbagai bidang lain dalam ekonomi. Oleh itu, MAS perlu kekal memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia agar dapat terus menyumbang kepada KDNK negara.

Bagi memastikan kejayaan Pelan Pemulihan ini, Khazanah dan MAS telah melantik perunding yang merupakan pakar dalam bidang masing-masing seperti penerbangan, undang-undang, kewangan, percukaian, penyelidikan dan pengurusan projek dengan jumlah bayaran kepada perunding dianggarkan berjumlah 1% hingga 2% daripada kos pelaburan keseluruhan sebanyak RM6 bilion.

Dalam menjayakan pelan pemulihan MAS, sokongan daripada pihak-pihak berkepentingan atau *stakeholders* yang meliputi pengurusan dan

kakitangan MAS, Khazanah, Kerajaan, pembekal, kontraktor, institusi kewangan dan rakyat adalah amat penting untuk membina kembali ikon penerbangan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING  
(STAMPIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.10.2014**

**Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah tiada tindakan segera oleh Bank Negara terhadap syarikat yang telah disenarai hitam di mana syarikat-syarikat tersebut telah pun menerima jutaan duit pelaburan daripada rakyat yang telah menjadi mangsa terutamanya warga emas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penyenaraian syarikat-syarikat dalam laman sesawang oleh Bank

Negara Malaysia **bukanlah berbentuk penyenaaraihitaman (*blacklisting*)** oleh pengawal selia tetapi lebih merupakan sebagai platform kepada orang ramai supaya berhati-hati dalam membuat sebarang bentuk pelaburan dengan menyemak terlebih dahulu latar belakang syarikat pelaburan serta mengenal pasti modus operandi atau operasi syarikat tersebut.

Kaedah penyenaaraan syarikat-syarikat dalam laman sesawang ini adalah berdasarkan kepada aduan dan pertanyaan yang diterima dari orang ramai. Di samping itu, maklumat juga diperolehi dari kerja-kerja risikan yang dijalankan oleh pengawal selia. Dari segi aspek pemantauan ke atas penyenaaraan syarikat, pada kebiasaannya, maklumat yang disalurkan oleh orang ramai memerlukan penelitian lanjut serta pengumpulan bukti kukuh bahawa sesuatu kesalahan di bawah undang-undang telah dilakukan atau mempunyai '*reasons to believe*' sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan dapat diambil. Penelitian ini diambil bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan yang terburu-buru atau melulu yang mungkin boleh menjejaskan sesuatu perniagaan yang sah. Kegiatan yang dilakukan juga mungkin tidak terletak di bawah bidang

kuasa Bank Negara dan akan dirujuk kepada agensi penguatkuasa yang berkenaan.

Terdapat dua laman sesawang yang disediakan oleh Bank Negara:

1. Laman sesawang "Amaran Penipuan Kewangan" atau "*Financial Fraud Alert*" adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada orang ramai status siasatan kes-kes yang disiasat di bawah akta-akta yang dikawal selia oleh Bank Negara.
2. Laman sesawang Peringatan Kepada Pengguna atau "*Financial Consumer Alert*" bertujuan memberitahu orang ramai mengenai senarai syarikat dan laman sesawang yang telah disalah anggap sebagai mendapat lesen, kelulusan atau dibenarkan oleh pengawal selia berkenaan untuk menjalankan aktiviti perniagaan mereka. Senarai ini diperkenalkan sebagai memberi panduan dan rujukan kepada orang ramai supaya berhati-hati ketika membuat keputusan berhubung dengan pelbagai perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh pihak yang tidak berlesen.

Melalui perkhidmatan **Laman Informasi Nasihat & Khidmat**

**(LINK) dan TELELINK** BNM, orang ramai juga boleh membuat aduan, pertanyaan mahupun menyalurkan sebarang maklumat berkaitan dengan pengambilan deposit haram melalui panggilan telefon, sms, e-mel atau faksimile.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM  
(KOTA MELAKA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.10.2014**

**Y.B. TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berikutan terdapat berapa buah syarikat berkaitan dengan kerajaan ( GLC ) di bawah Kementerian ini :-

- a. apakah kedudukan kewangan sepuluh syarikat (GLC) yang tertinggi;  
dan
  
- b. senaraikan program-program dan projek-projek CSR (Corporate Social Responsibilities) oleh syarikat-syarikat (GLC) ini dan di antara syarikat-syarikat ini, berapa buah mencapai keuntungan pada tahun 2013.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut disenaraikan sepuluh (10) buah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) utama di bawah Program Transformasi GLC, menurut pemodalan pasaran terbesar, prestasi kewangan, perbelanjaan bagi inisiatif tanggungjawab korporat (CR) dan peratusan perbelanjaan CR berbanding pendapatan, bagi tahun 2013:

No.	GLC	Permodalan Pasaran (RM juta)	Keuntungan Bersih - 2013 (RM juta)	Perbelanjaan CR - 2013 (RM juta)	CR / Pendapatan - 2013
1	Malayan Banking Bhd	91,141.16	6,552	61.00	0.90%
2	Tenaga Nasional Bhd	69,867.91	4,614	130.11	0.35%
3	Axiata Group Bhd	60,028.44	2,550	140.82	0.84%
4	CIMB Group Holdings Bhd	58,605.72	4,540	28.02	0.62%
5	Sime Darby Bhd	55,486.58	3,701	10.56	0.02%
6	Telekom Malaysia Bhd	24,203.34	1,012	202.51	1.91%
7	UMW Holdings Bhd	14,323.28	653	23.88	0.17%
8	Malaysia Airports Holdings Bhd	10,292.38	377	3.04	0.07%
9	UEM Group Berhad	8,258.13	790	17.39	0.20%
10	Affin Holdings Berhad	6,606.02	650	2.32	0.08%
	<b>JUMLAH</b>			619.64	

Maklumat terperinci mengenai kedudukan kewangan boleh diperolehi daripada laman web setiap syarikat tersebut.

Manakala, inisiatif-inisiatif CSR yang dilaksanakan oleh 10 syarikat-syarikat

GLC tersebut pula adalah seperti berikut:

No	GLC	Inisiatif CR Terpilih
1	Malayan Banking Bhd	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Biasiswa Maybank - Sejak 1972 untuk dalam dan luar Negara.</li> <li>2. Program CashVille Kidz - Kanak-kanak berumur antara 9-12 tahun.</li> <li>3. Program Cahaya Kasih - Program Sukarelawan Kakitangan.</li> </ol>
2	Tenaga Nasional Bhd	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan kewangan dan biasiswa Yayasan Tenaga Nasional.</li> <li>2. Baiti Jannati - pembaikpulihan rumah untuk miskin tegar menggunakan duit zakat.</li> <li>3. Program Mesra Rakyat - pembaikpulihan rumah untuk miskin tegar bukan Islam.</li> </ol>
3	Axiata Group Bhd	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Axiata Foundation - program pembangunan kepimpinan untuk belia tempatan.</li> </ol>
4	CIMB Group Holdings Bhd	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Program pembasmian kemiskinan dan peningkatan taraf sosio-ekonomi.</li> <li>2. Program pembangunan sukan.</li> <li>3. Program tuisyen di sekolah angkat PINTAR.</li> </ol>
5	Sime Darby Bhd	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera - program pendidikan dan latihan untuk golongan berpendapatan rendah.</li> <li>2. Tabung Mengubah Destini Anak Bangsa - kerjasama dengan UiTM untuk memberi peluang kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah untuk meneruskan pengajian.</li> <li>3. Kerjasama dengan pihak berkuasa NCER membantu pelajar mencapai kecemerlangan di peringkat UPSR.</li> </ol>
6	Telekom Malaysia Bhd	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Program sekolah angkat PINTAR - kerjasama dengan Yayasan PINTAR.</li> <li>2. Program Sejahtera - program pembasmian kemiskinan dan penyediaan latihan.</li> <li>3. TM Earth Camp - kerjasama dengan Persatuan Alam Sekitar Malaysia untuk meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar.</li> </ol>
7	UMW Holdings Bhd	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Program klinik bergerak UMW-MERCY Malaysia - menyediakan bantuan perubatan kepada masyarakat terjejas di Sabah dan Sarawak.</li> <li>2. Yayasan Pintar - Program sekolah angkat.</li> <li>3. Toyota Eco Youth - Program pendidikan alam sekitar peringkat sekolah menengah.</li> </ol>
8	Malaysia Airports Holdings Bhd	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Beyond Borders - Program sekolah angkat.</li> <li>2. Ladang Solar di KLIA - menjana tenaga elektrik di kawasan lapangan terbang.</li> <li>3. Program Bantuan Pendidikan (EAP) - program persijilan akademik dan professional bagi meningkatkan kecekapan kakitangan.</li> </ol>

9	UEM Group Berhad	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Program PINTAR Foundation - pengambilan sekolah angkat.</li><li>2. Yayasan Amir - Perkongsian Awam-Swasta untuk meningkatkan tahap pendidikan.</li><li>3. Tabung Wang Zakat - Penyediaan dana untuk membantu golongan asnaf.</li></ol>
10	Affin Holdings Berhad	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Yayasan Warisan Perajurit -Pendanaan RM3 juta setahun untuk membantu perajurit bersara, biasiswa, perumahan dan kebajikan.</li><li>2. Zakat - pembinaan rumah kos rendah bagi golongan miskin.</li><li>3. Bungkusan hari raya untuk tentera yang bertugas.</li></ol>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7122**

**SOALAN:**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik kes-kes jenayah  
yang melibatkan belia di negara kita dan apakah langkah dalam  
membendunginya.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian memberi perhatian khusus terhadap kaum belia yang terlibat dalam jenayah dan aktiviti *gengsterisme* di seluruh negara. Antara faktor yang dikaitkan dengan perlakuan jenayah di negara ini yang melibatkan kaum belia seperti berikut:-**

### **i) Pengaruh Dadah / Minuman Keras**

**Rangsangan dadah dan alkohol ini menyebabkan penggunaanya hilang kawalan dan menjadi lebih berani. Keberanian ini mendorong kepada perlakuan jenayah seperti membunuh, merompak dan sebagainya. Di samping itu bagi penagih-penagih tegar, mereka sentiasa perlukan bekalan yang berterusan dan bagi yang tidak mempunyai pekerjaan, mereka rela melakukan jenayah asalkan ketagihan dapat dilepaskan.**

### **ii) Pengaruh Negatif media massa**

**Tidak dapat disangkal lagi bahawa keterbukaan dalam dunia globalisasi hari ini membuka ruang berlakunya jenayah. Internet begitu berpengaruh kerana sifatnya yang dapat merintangai sempadan negara, sukar ditapis, disekat dan dihalang. Bahan-bahan lucah, unsur ganas, tahyul dan**

**seks bebas akan mewujudkan masyarakat yang semakin rosak dan tidak mustahil remaja akan mencuba aksi ganas dan memberahikan. Akibatnya mereka terjerumus seks bebas, sunbat mahram dan sebagainya.**

### **iii) Kejutan Budaya**

**Daripada segi ketidakseimbangan antara kaum yang terlibat dengan jenayah adalah disebabkan terdapatnya kejutan budaya dan ingin mendapatkan sesuatu dengan mudah selepas berlaku perpindahan dari kampung, estet-estet ke bandar-bandar besar. Di samping ketidakseimbangan hidup, kemerosotan moral dan pengangguran mendorong kepada perlakuan jenayah.**

**Statistik yang melibatkan kaum belia yang terlibat dalam jenayah indeks di seluruh negara bagi tahun 2012 sehingga 2014 (Ogos) mengikut kesalahan seperti berikut:-**

KESALAHAN	TAHUN 2012		PERATUS	TAHUN 2013		PERATUS	JAN-OGOS 2014		PERATUS
	JUMLAH TANGKAP KESELURUHAN	BELIA		JUMLAH TANGKAP KESELURUHAN	BELIA		JUMLAH TANGKAP KESELURUHAN	BELIA	
<b>JENAYAH KEKERASAN :</b>									
BUNUH	412	292	70.9	1,643	1,266	77.1	1,133	840	74.1
ROGOL	1,093	903	82.6	2,839	2,409	84.9	1,895	1,604	84.6
SAMUN BERKAWAN BERS/API	280	225	80.4	1,415	1,202	84.9	983	827	84.1
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	2,596	2,232	86.0	11,121	9,420	84.7	8,333	7,116	85.4
SAMUN BERSENJATAPI	66	53	80.3	240	177	73.8	114	99	86.8
SAMUN TANPA S/API	610	513	84.1	2,383	1,988	83.4	1,749	1,440	82.3
MENCEDERAKAN	2,546	1,963	77.1	8,245	6,422	77.9	6,686	5,095	76.2
<b>JUMLAH</b>	<b>7,603</b>	<b>6,181</b>	<b>81.3</b>	<b>27,886</b>	<b>22,884</b>	<b>82.1</b>	<b>20,893</b>	<b>17,021</b>	<b>81.5</b>
<b>JENAYAH HARTABENDA :</b>									
CURI	2,943	2,198	74.7	11,460	8,190	71.5	12,481	8,963	71.8
CURI MOTOKAR	1,611	1,269	78.8	5,962	4,824	80.9	4,470	3,558	79.6
CURI MOTOSIKAL	4,381	3,749	85.6	17,487	14,789	84.6	12,751	11,032	86.5
CURI VAN/LORI/J'BERAT	296	211	71.3	1,198	901	75.2	968	692	71.5
CURI RAGUT	329	303	92.1	1,640	1,435	87.5	1,052	903	85.8
PECAH RUMAH DAN CURI	3,061	2,447	79.9	15,194	11,851	78.0	10,801	8,334	77.2
<b>JUMLAH</b>	<b>12,621</b>	<b>10,177</b>	<b>80.6</b>	<b>52,941</b>	<b>41,990</b>	<b>79.3</b>	<b>42,523</b>	<b>33,482</b>	<b>78.7</b>
<b>JUMLAH JENAYAH INDEKS</b>	<b>20,224</b>	<b>16,358</b>	<b>80.9</b>	<b>80,827</b>	<b>64,874</b>	<b>80.3</b>	<b>63,416</b>	<b>50,503</b>	<b>79.6</b>

**Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan kaum belia tidak terlibat dalam perlakuan jenayah seperti berikut:-**

- i) Mengadakan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan dalam menjayakan program *Crime Awareness Team (CAT)* dan skuad muda RELA.**
- ii) Mewujudkan Pasukan Simpanan Sukarela Polis (PVR) dengan kerjasama Kemmenterian Belia dan Sukan.**
- iii) Meningkatkan pembabitian golongan muda dalam membantu pihak berkuasa menangani kegiatan jenayah jalanan.**
- iv) Melaksanakan program pencegahan jenayah di kawasan *Hot Spot* dan *Black Spot* dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan.**
- v) Melaksanakan program sukarelawan kepada belia di kawasan *Hot Spot* dan *Black Spot* seperti 1M4U.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL TEO YU KENG [ MIRI ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7123**

**SOALAN :**

**YB Dr. Dr. Michael Teo Yu Keng [ Miri ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan**

- a) jumlah anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) mengikut jabatan, dan kaum warga PDRM; dan
- b) usaha PDRM dalam merekrut atau mengambil lebih ramai golongan muda untuk menyertai PDRM, dan juga bagi mengimbangi penyertaan pelbagai kaum, khususnya kaum Cina.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Jumlah keseluruhan pegawai dan anggota mengikut jabatan adalah seramai 113,666 orang. Di antara Jabatan yang mempunyai keanggotaan yang besar adalah Jabatan Pengurusan 46,006 orang, Jabatan KDN/KA 33,175 orang, Jabatan Siasatan Jenayah 10,561 orang dan Jabatan Logistik 9,872 orang. Sementara itu lain-lain jabatan mempunyai kekuatan kurang daripada (6,000) orang.**

**Pecahan jumlah pegawai dan anggota mengikut pecahan kaum dalam pasukan polis Melayu sebanyak 92,427 orang, Cina sebanyak 1,974 orang, India sebanyak 3,659 orang, Punjabi sebanyak 174 orang dan selebihnya lain-lain kaum.**

- (b) Usaha yang dilakukan oleh PDRM untuk merekrut atau mengambil lebih ramai golongan muda untuk menyertai PDRM, dan juga bagi mengimbangi penyertaan pelbagai kaum adalah dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:**

- 1. Membuka permohonan jawatan melalui portal rasmi SPA secara 'online' mulai 20 Mac 2012. Calon-calon yang berminat boleh memohon jawatan yang ditawarkan mengikut**

**kelayakan akademik dan fizikal yang ditetapkan pada bila-bila masa dan di mana saja mereka berada.**

- 2. Membuat hebahan melalui Radio dan TV termasuk radio di negeri-negeri seluruh negara melalui saluran berbahasa Melayu, Cina, Tamil dan pelbagai kaum.**
- 3. Hebahan melalui Balai-Balai Polis di seluruh negara.**
- 4. Meminta Ketua-Ketua Polis Daerah seluruh negara menghubungi Persatuan-Persatuan Masyarakat Cina/India dan pelbagai kaum bagi membantu menghebahkan / menggalakkan belia-belia mereka untuk memohon jawatan di dalam PDRM.**
- 5. PDRM juga menyertai *road show* yang dijalankan oleh Kerajaan/ NGO/ Persatuan-persatuan di dalam memberi penerangan berkaitan kerjaya di dalam PDRM.**
- 6. PDRM juga dari semasa ke semasa menjalankan kajian dan mengemukakan cadangan yang munasabah bagi mendapatkan kenaikan gaji dan elaun-elaun ke satu tahap yang berpatutan mengikut keadaan semasa untuk semua peringkat pangkat anggota Polis bagi menarik minat mereka.**
- 7. Menyediakan kertas kerja bagi tujuan mengadakan pengambilan khas (*special intake*) dari semasa ke semasa.**

**Pengambilan khas ini memerlukan calon-calon yang mahir  
lain-lain bahasa selain Bahasa Malaysia.**

**PDRM juga telah melaksanakan pengambilan khas kaum Cina untuk  
jawatan Inspektor, Sarjan dan Konstabel Lelaki dan Wanita. Bagi  
jawatan Inspektor dan Konstabel Lelaki, PDRM sedang melaksanakan  
temu duga di seluruh Malaysia manakala jawatan Konstabel Wanita,  
PDRM telahpun melantik seramai 179 orang pada 14 Sept. 2014 di  
PULAPOL Ayer Hitam.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 9.10.2014**

**SOALAN :**

Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian program "English Language Proficiency Teaching" yang dijalankan oleh SMRT Holdings Bhd, Prestariang Bhd dan E-Graduate.net Sdn Bhd, termasuk kos yang terlibat dan bagaimana ia memanfaatkan guru yang dilatih.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

*Program English Proficiency Teaching* atau singkatannya ProELT telah dijalankan mulai tahun 2012 kepada 5,000 orang guru Bahasa Inggeris (BI) Kohort 1 yang mendapat B1 dan B2 dalam ujian APTIS. Ujian APTIS merupakan ujian yang diadakan untuk memastikan profisiensi guru BI setelah pentaksiran pertama dijalankan menggunakan *Cambridge Placement Test* pada Jun 2012. Mulai April tahun 2014, seramai 9,002 guru BI telah mengikuti ProELT Kohort 2. Untuk Kohort 1 dan 2, ProELT telah dikendalikan oleh British Council. Memandangkan masih terdapat guru BI yang masih belum mencapai profisiensi C1 yang dikehendaki tersebut, maka seramai 1,500 guru BI telah dipilih untuk mengikuti ProELT Kohort 3.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi peluang kepada pengusaha tempatan untuk mengendalikan program ini, dan hanya dua (2) buah syarikat iaitu SMR Holding Sdn. Bhd. dan e-Graduate.net Sdn. Bhd. telah berjaya dan bersetuju untuk mengendalikan program tersebut, manakala Prestariang Sdn. Bhd. telah menarik diri pada saat akhir atas alasan tersendiri. Dapatan ProELT Kohort 1 menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang ketara dalam profisiensi guru BI kerana 76.3 peratus guru daripada 5,000 guru BI telah berjaya meningkat sekurang-kurang 1 band.

Berhubung dengan kos bagi melaksanakan program ini, anggaran peruntukan untuk seorang guru adalah sebanyak RM5,000 seorang untuk tempoh masa 480 jam kursus termasuk kos perjalanan, lokasi dan upah tenaga pengajar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 44**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian mempunyai sistem yang diperluaskan untuk memastikan pengguna media sosial mesti mengemukakan identiti sebenar untuk mendaftar akaun mereka dan seterusnya mengetatkan kawalan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pendekatan yang dilakukan oleh beberapa negara seperti Korea dan China, kaedah pendaftaran identiti bagi pengguna media sosial melibatkan penyimpanan data yang besar. Sistem pengumpulan data tersebut memerlukan satu mekanisme pelaksanaan yang melibatkan perkara-perkara seperti berikut:

- a. Sistem keselamatan yang sofistikated diperlukan bagi mengelak risiko kecurian data peribadi dan serangan virus;

## SOALAN NO.: 44

- b. Penguatkuasaan Akta Perlindungan Peribadi 2010 yang ketat;
- c. Kos menyediakan infrastruktur dan menyelenggara yang tinggi;
- d. Penyediaan pengkalan data yang besar.

Perlu diingatkan meskipun Kerajaan berbelanja besar untuk menjaga keselamatan data namun tiada jaminan bahawa sistem ini dapat menahan ancaman penggadam atau penyelewengan seperti yang berlaku di Korea dan China.

Rangka kawal selia ketika ini tidak memperuntukkan keperluan bagi pengguna media sosial mengemukakan identiti sebenar bagi tujuan pendaftaran akaun. Ini kerana platform media sosial yang digunakan oleh kebanyakan rakyat Malaysia dihoskan oleh penyedia hos luar negara dan pengesahan nama sebenar sukar dilaksanakan tanpa kerja sama penyedia hos tersebut. Sekiranya pengguna sosial media dipaksa untuk mengemukakan identiti sebenar dan perkara ini tidak persetujui atau tidak mendapatkan kerjasama dari pihak penyedia hos platform sosial media tersebut, ada kemungkinan perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia hos tersebut tidak dapat diakses di Malaysia. Tindakan ini akan menyukarkan pihak-pihak yang menggunakan platform tersebut untuk tujuan yang baik, seperti ahli perniagaan dan sebagainya.

Pertimbangan sama ada untuk menutup suatu laman sosial seperti Facebook perlu mengambil kira impak kepada keadaan ekonomi dan sosial di Malaysia. Facebook, sebagai contoh digunakan oleh sebahagian besar peniaga kecil dan sederhana yang menggunakan medium tersebut sebagai platform memasarkan produk dan

## **SOALAN NO.: 44**

perkhidmatan yang ditawarkan. Penggunaan laman sosial sedemikian terbukti lebih efektif daripada segi penjimatan kos dan kepuasan pelanggan memandangkan ulasan produk atau perkhidmatan daripada pelanggan terdahulu dapat dinilai secara terus oleh pelanggan baru.

Walaupun terdapat penyalahgunaan laman sosial, nisbah penyalahgunaan ini sangat kecil sekiranya dibandingkan dengan jumlah pengguna Internet atau pengguna yang berdaftar dengan laman sosial tertentu. Faedah yang dinikmati majoriti rakyat Malaysia ternyata lebih besar daripada risiko yang boleh ditimbulkan oleh laman sosial Facebook. Malah laman sosial sedemikian turut dijadikan penghubung antara rakyat dengan agensi-agensi kerajaan bagi tujuan penyaluran maklumat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 45**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan caj permit kemasukan kenderaan asing (VEP) di pintu masuk sempadan Johor-Singapura dan kadar caj VEP yang akan diguna pakai serta berapakah nisbah keuntungan VEP yang bakal dikongsi oleh Persekutuan dan Negeri**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan untuk melaksanakan VEP. Walau bagaimanapun kadar yang akan dikenakan belum lagi diputuskan. Begitu juga dengan tarikh penguatkuasaan masih lagi dalam peringkat kajian.

Kerajaan sedang mengkaji kaedah pelaksanaan caj jalan tersebut dari segi teknologi dan peraturan undang-undang yang berkaitan serta juga nisbah pembahagian kutipan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN  
MOHD JARJIS  
[ ROMPIN ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 46**

**Tan Sri Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis [ Rompin ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kedudukan kemajuan terkini bagi cadangan pembangunan Lapangan Terbang Pulau Tioman tertangguh begitu lama:-

- a) adakah pembangunan Lapangan Terbang Pulau Tioman telah dimasukkan ke dalam Mid Term Review (Kajian Separuh Penggal) RMK 10 atau sebaliknya; dan
- b) sekurang-kurangnya projek ini diberikan peruntukkan asas di dalam RMK 11.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pembangunan Lapangan Terbang Pulau Tioman tidak dimasukkan di dalam *Mid Term Review* RM Ke-10. Kementerian akan memohon semula peruntukan bagi projek ini di bawah RM Ke-11.

**NO. SOALAN: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 ( KHAMIS )**

**SOALAN :**

**YB Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci jumlah lawatan rasmi dan tidak rasmi beliau ke luar negara serta semua kos lawatan tersebut yang ditanggung oleh Kerajaan sejak Mei 2013.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah lawatan rasmi dan tidak rasmi YAB Perdana Menteri ke luar negara sejak Mei 2013 adalah sebanyak 29 lawatan. Perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan adalah termasuk keseluruhan kos delegasi Pegawai Kerajaan serta Pegawai Pengiring YAB Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA ]**

**TARIKH JAWAPAN : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sebab sebuah loji tenaga 2,000MW yang hanya perlu dikomisyen pada tahun 2021 telah ditawarkan tanpa sebarang tender terbuka kepada anak syarikat 1Malaysia Development Bhd. (1MDB). Adalah tawaran ini diperlukan untuk membantu 1MDB menyenaraikan anak syarikatnya.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Sejak proses perolehan kapasiti baru dan penganugerahan projek dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan Suruhanjaya Tenaga mulai tahun 2010, terdapat 3 kaedah yang telah digunakan, iaitu perolehan melalui bidaan terbuka, bidaan terhad dan juga tawaran terus. Kaedah perolehan yang dipilih pada kebiasaannya bergantung kepada beberapa faktor, antaranya, tempoh masa pelaksanaan yang diperlukan, tapak yang sesuai, proses-proses kelulusan dan kos yang kompetitif.

2. Penganugerahan kontrak secara tawaran terus kepada 1MDB dibuat memandangkan syarikat tersebut telah membuktikan kemampuan dan kebolehan dari segi kepakaran dalam mengendalikan dan melaksanakan projek-projek penjanaan elektrik yang dimilikinya. Di samping itu, 1MDB merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan dan penganugerahan projek pembangunan loji jana kuasa untuk beroperasi pada tahun 2021 adalah atas kepentingan strategik negara secara keseluruhannya.

3. Melalui pembangunan loji jana kuasa 2,000MW ini rizab margin dijangka mampu kekal pada paras 25.8% pada tahun 2021 bagi memenuhi permintaan bekalan elektrik yang berdayaharap pada masa hadapan. Dalam konteks ini, unjuran rizab margin pada tahun 2015 ialah pada paras 24.7%.

4. Penganugerahan tender kepada 1MDB adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu termasuk penawaran Engineering Procurement and Construction (EPC) melalui bidaan terbuka untuk membolehkan penetapan tariff yang kompetitif. Penganugerahan tidak ada kaitan dengan cadangan 1MDB menyenaraikan anak syarikatnya.

\*\*\*\*\*

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7124**

**SOALAN:**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa kes kecurian kabel telefon di kawasan Manjung yang telah dilaporkan untuk tahun 2009, 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014 dan kenapa kecurian kabel telefon yang berleluasa ini tidak dapat dibendung.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kecurian kabel elektrik, kabel telekom dan alat-alat logam adalah satu kes yang semakin menjadi-jadi di negara kita sekarang, ianya terjadi kerana permintaan yang tinggi terhadap logam tersebut. Statistik IPD Manjung berkaitan kes kecurian kabel telefon bagi tahun 2009 sehingga 2014 (Ogos) seperti berikut:-**

<b>KAWASAN MANJUNG</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>NAIK/ TURUN KES</b>	<b>PERATUS KES</b>
TAHUN 2009	109		
TAHUN 2010	249	140	128.4
TAHUN 2011	216	-33	-13.3
TAHUN 2012	153	-63	-29.2
TAHUN 2013	381	228	149.0
TAHUN 2014	250		

**Tindakan yang drastik telah diambil oleh PDRM dan juga agensi-agensi yang terlibat (Telekom & Tenaga Nasional) bagi mencegah kegiatan ini dari berleluasa. Antara tindakan yang telah diambil bagi mencegah kegiatan ini dari berleluasa di Pulau Langkawi adalah:-**

- i) Membuat rondaan dikawasan-kawasan yang sering berlaku jenayah curi kabel.**

- ii) Membuat pemeriksaan di kedai-kedai barang lusuh bersama agensi-agensi lain.**
- iii) Menjalinkan hubungan baik dan berkongsi maklumat dengan Syarikat Telekom dan Tenaga Nasional Berhad dalam pencegahan kecurian kabel.**

**Masalah utama bagi kes seumpama ini adalah dari segi pendakwaan kepada kesalahan ini kerana barang yang dirampas telah berubah bentuk dan sukar dicam, di samping itu barang tersebut tidak mempunyai pengenalan khusus seperti nombor siri dan sebagainya, kecuali kes tangkapan tersebut dibuat secara *right handed*.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**[ BATU KAWAN ]**  
**TARIKH : 9.10.2014**  
**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan secara terperinci sebab mengapa cadangan untuk membina sekolah menengah Tamil pertama di Malaysia di Pulau Pinang ditolak serta tarikh mula pembinaan sekolah baru bagi SJKT Sungai Bakap, Pulau Pinang.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan sesebuah sekolah adalah berdasarkan peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] yang sedang berkuat kuasa. Bagi penubuhan sekolah menengah baharu, Akta Pendidikan 1996 hanya memperuntukkan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sahaja untuk menampung keperluan pendidikan di peringkat menengah bagi semua kaum di negara ini. Oleh yang demikian, penubuhan Sekolah Menengah Tamil seperti yang dimohon tidak diperuntukkan oleh akta sedia ada.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut berpandangan bahawa konsep SMK merupakan platform terbaik untuk semua murid mengamal dan menghayati perpaduan antara kaum di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM belum menerima permohonan berkaitan pembinaan sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Sungai Bakap, Pulau Pinang. KPM akan meneliti dengan lebih lanjut akan perkara ini dan sekiranya terdapat justifikasi kukuh, cadangan pembinaannya akan disenaraikan dalam permohonan RMKe-11 mengikut keutamaan.

RJM20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : Y.B. USTAZ DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI  
[ KUALA NERUS ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. USTAZ DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI  
[ KUALA NERUS ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan sama ada pihak Kerajaan  
berhasrat untuk menyelaraskan definisi rumah mampu milik.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan menetapkan definisi untuk rumah mampu milik ialah rumah yang berharga RM400,000 ke bawah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Wan Hasan Bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah dan faedah kepada rakyat Terengganu daripada projek kereta api Kerteh - Kuantan yang bermula pada 1 April 2004 dan telah ditamatkan pada 1 Oktober 2010 di bawah seliaan Petronas, setelah beroperasi selama 6 tahun.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Jalan Keretapi Kerteh-Kuantan (KKRS) mula beroperasi secara komersil pada tahun 2004. Ianya bertujuan menyediakan perkhidmatan pengangkutan melalui rel untuk anak-anak syarikat PETRONAS yang beroperasi di Kerteh bagi bahan-bahan mentah dan produk-produk yang telah siap di antara kawasan-kawasan *Kertih Integrated Petrochemical Complex (KIPC)*, *Gebeng Integrated Petrochemical Complex (GIPC)* dan Pelabuhan Kuantan. Pkhidmatan ini tidak lagi beroperasi semenjak 2011 di atas faktor keselamatan operasi.

Di sepanjang tempoh projek KKRS beroperasi, penduduk Terengganu, secara tidak langsung, menikmati faedah daripada KKRS menerusi kelangsungan operasi anak-anak syarikat PETRONAS di kawasan tersebut. Faedah tidak langsung ini termasuklah mempertingkatkan aktiviti-aktiviti ekonomi di kalangan penduduk tempatan di kawasan dimana anak-anak syarikat PETRONAS beroperasi.

Untuk makluman, pihak Kerajaan Persekutuan, melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), sedang dalam proses pengambilalihan projek KKRS tersebut daripada PETRONAS. Ini adalah bagi tujuan pembangunan berperingkat Projek Jalan Keretapi Pantai Timur (East Coast Rail Link). Proses ini mengambil masa lebih sedikit memandangkan ianya melibatkan impak kewangan yang besar daripada Kerajaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN  
SAID [ Pengerang ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7125**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan Central Security Command Centre di Parlimen Pengerang untuk menyelaras isu-isu keselamatan memandangkan pembangunan pesat di kawasan tersebut turut melibatkan peningkatan populasi penduduk yang ketara serta pelbagai isu keselamatan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian belum bercadang untuk mewujudkan *Central Security Command Centre* di Parlimen Pengerang sepertimana yang dinyatakan dalam tempoh yang terdekat ini. Penubuhannya memerlukan kajian yang terperinci kerana melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan dan merentasi banyak kementerian, agensi Kerajaan dan pihak berkuasa yang lain. Kementerian akan mempertimbangkan cadangan yang bernas ini jika ada keperluan yang mendesak untuk dilaksanakan pada masa hadapan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
KAWASAN : SETIU  
TARIKH : 9.10.2014 (KHAMIS)  
NO. SOALAN : 54

YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH (SETIU) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengurangkan import produk Israel dan sekutunya serta menggantikan produk-produk tersebut dengan barangan keluaran tempatan sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap produk-produk import.

**Jawapan**

Tuan Yang Di Pertua,

Ingin dimaklumkan bahawa Malaysia tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan Israel dan tidak mempunyai hubungan ekonomi secara rasmi dengan Israel. Namun begitu, perdagangan antarabangsa Malaysia lazimnya dikendali oleh syarikat-syarikat antarabangsa atau multinasional (MNCs) melalui rangkaian bekalan antarabangsa (*international supply chain*) mereka.

Beberapa syarikat antarabangsa yang beroperasi di Malaysia terlibat dalam amalan rangkaian bekalan antarabangsa (*global supply chain*) dan Israel adalah sebahagian daripada rangkaian tersebut. Amalan perniagaan dan pelaburan antarabangsa ini adalah di luar kawalan Kerajaan.

Selain amalan rangkaian bekalan antarabangsa, aktiviti perdagangan lain juga berlaku untuk terus menyokong pembangunan ekonomi Palestin. Ini kerana, semua produk eksport Malaysia yang dikhususkan untuk pasaran ke Palestin dan Wilayah Gaza perlu melalui Pelabuhan Ashdod, Ilat dan Haifa di wilayah Israel memandangkan pelabuhan di Gaza masih dikepung oleh tentera laut Israel.

Urusan pentadbiran perdagangan seperti yang dijelaskan sebelum ini, memerlukan kelulusan lesen import dan eksport di mana barangan berasal dari, melalui atau ke Israel tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2012.

Mengambil kira perkembangan semasa di Gaza dan sebagai sokongan Kerajaan Malaysia terhadap usaha menghentikan kezaliman ke atas rakyat Palestin, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menghentikan semua pengeluaran Import dan Eksport sejak 20 Julai 2014 kecuali bagi perdagangan melibatkan rangkaian bekalan antarabangsa serta perdagangan dengan Palestin dan Wilayah Gaza melalui Israel.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
[ KUBANG PASU ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM [ KUBANG PASU ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan mengenai DPN apakah dasar berkenaan telah dapat diimplementasikan sejak ianya diwujudkan dan apakah kekangan di dalam pelaksanaannya selain itu apakah wujudnya PR1MA merupakan saingan kepada DPN kerana PR1MA lebih bersifat komersial.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Perumahan Negara (DRN) telah mula dilaksanakan pada awal 2012. Sehingga kini, 10% daripada pelan tindakan telah selesai dilaksanakan manakala 84% selebihnya sedang dalam pelaksanaan. Pemantauan mengenai pelaksanaan pelan tindakan DRN ini dilakukan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama dengan agensi peneraju yang lain.

Sementara itu, kewujudan PR1MA bukanlah untuk menjadi saingan kepada DRN. Sebaliknya, PR1MA merupakan salah satu komponen yang menjayakan DRN itu sendiri bila mana ia turut menjadi agensi peneraju dalam pelaksanaan pelan tindakan dasar tersebut.

**NO. SOALAN: 56**

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah proses pengajaran tahfiz dibiarkan bebas dengan kaedah dan tafsiran yang tiada kurikulum yang berstruktur dan diiktiraf serta apakah statistik kelas tahfiz terkini dan bagaimanakah pemantauannya.**

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan mana-mana sekolah agama termasuk sekolah atau maahad tahfiz di negeri-negeri adalah tertakluk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah

Agama negeri masing-masing dan pihak berkuasa tempatan serta jabatan/agensi berkaitan bagi pembangunan fizikal. Begitu juga dengan kawalan dan pemantauan terhadap pengajaran kelas-kelas tahfiz adalah di bawah kawalan pihak berkuasa agama negeri.

Walau bagaimana pun, bagi program pengajian tahfiz di peringkat diploma, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mewujudkan kurikulum, dimana telah mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sejak tahun 1983. Kurikulum ini juga telah diiktiraf oleh institusi pengajian tinggi awam/swasta (IPTA/IPTS) dalam dan luar negara bagi tujuan untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah. Maahad-Maahad Tahfiz al-Quran yang berada di bawah Kerajaan Negeri juga telah mengguna pakai kurikulum berkenaan dan setakat ini sebanyak 14 buah Maahad Tahfiz al-Quran Negeri telah menandatangani memorandum kesefahaman (MoU) dengan JAKIM bagi melaksanakan program Diploma Tahfiz al-Quran. Darul Quran, JAKIM turut bertanggungjawab untuk mengawal selia pelaksanaan program Maahad Tahfiz al-Quran Negeri dan pelajar yang berjaya menamatkan pengajian akan dianugerahkan Diploma Tahfiz al-Quran. Bagi maahad tahfiz persendirian adalah dialu-alukan untuk mengguna pakai kurikulum ini.

Selain itu, mulai tahun 2014, Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di tiga buah sekolah bermula di Tingkatan 1. Pada

tahun 2015, kurikulum ini akan diperluaskan di 12 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di seluruh negara.

Mengenai jumlah sekolah/maahad tahfiz yang berdaftar, sehingga Jun 2014, jumlah keseluruhan sekolah/maahad tahfiz yang merangkumi kelolaan Kerajaan Negeri dan swasta/persendirian ialah sebanyak 431 buah. Pecahannya adalah seperti berikut:

BIL	MAAHAD TAHFIZ	KATEGORI		JUMLAH
		NEGERI	SWASTA	
1	Rendah	0	21	21
2	Menengah	18	242	260
3	Rendah dan Menengah	5	145	150
	<b>JUMLAH</b>	<b>23</b>	<b>408</b>	<b>431</b>

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Datuk Hajah Norah binti Abd  
Rahman  
[ Tanjung Manis ]**

**TARIKH : 09.10.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 57**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah terdapat perancangan dari pihak Kementerian untuk menggunakan rumah dari bahan binaan IBS yang mengambil masa tiga ke tujuh hari untuk disiapkan sebagai rumah bantuan /gantian jika terjadi kebakaran atau kemusnahan rumah bagi golongan miskin dan miskin tegar agar mereka tidak perlu menunggu lama untuk bantuan rumah gantian dan ia dapat didirikan semula di tapak asal rumah.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian senantiasa meneliti kaedah pembinaan/teknologi yang lebih baik, kos efisien dan cepat tempoh penyiapannya bagi memastikan golongan miskin dan miskin tegar dapat disediakan kediaman yang lebih selesa dan selamat di bawah Program Bantuan Rumah(PBR).

Dalam konteks ini, penggunaan kaedah IBS tidak dinafikan akan menjimatkan masa pembinaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan IBS amat dipengaruhi oleh faktor tanah, lokaliti dan bilangan unit yang dibina. Secara amnya, pelaksanaan IBS ini lebih sesuai bagi projek-projek pembinaan yang berkelompok dan membabitkan unit rumah yang banyak.

Oleh yang demikian, bagi pelaksanaan PBR yang bersifat kelompok dan membabitkan unit rumah yang banyak, Kementerian secara dasarnya amat cenderung untuk melaksanakan projek berkenaan secara konsep IBS.

Namun begitu, dalam situasi semasa pelaksanaan PBR, ia melibatkan pembinaan unit yang sedikit, bukan berkelompok serta di lokasi yang berselerak dan terpencil, maka kaedah pelaksanaan secara konvensional masih merupakan pilihan utama.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG**  
**[ BUKIT MERTAJAM ]**  
**TARIKH : 9.10.2014**  
**SOALAN :**

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status dan penjelasan terperinci tentang isu penamatan Kerjasama antara Perdana University Graduate School of Medicine dan John Hopkins University School of Medicine dan apa rancangan Kementerian untuk menyelia kolej perubatan swasta agar beroperasi berpandukan undang-undang dan kepentingan pelajar dan tenaga pengajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian kolaborasi di antara Universiti Perdana dan Universiti Johns Hopkins merupakan *business to business arrangement*. Penamatan kolaborasi antara Universiti Perdana dan Universiti Johns Hopkins adalah disebabkan oleh pertikaian berhubung dengan jumlah bayaran yang dikenakan oleh Universiti Johns Hopkins kepada Universiti Perdana. Memandangkan tiada penyelesaian dan persetujuan dapat dicapai oleh kedua-dua pihak berkaitan perkara ini, Universiti Johns Hopkins memutuskan untuk tidak

meneruskan usaha sama dengan Universiti Perdana bermula 31 Julai 2014.

Bagi memastikan kolej perubatan swasta beroperasi berpandukan undang-undang, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa melaksanakan pemantauan dan pengawalseliaan secara menyeluruh ke atas institusi pendidikan tinggi di negara ini termasuk institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang tertakluk di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Antara program pemantauan yang dijalankan adalah Audit Pematuhan yang melihat keupayaan serta pematuhan sesebuah IPTS terhadap akta, surat pekeliling, atau garis panduan bagi memastikan IPTS menawarkan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti. Antara aspek utama yang dilihat adalah status kewangan, pengurusan sumber manusia, enrolmen pelajar, pengendalian kursus pengajian serta kemudahan yang disediakan oleh institusi.

Selain itu, bagi memastikan pengendalian program perubatan dijalankan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan, KPM juga turut bekerjasama dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) serta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dalam membuat pemantauan dan pemeriksaan ke atas IPTS yang membuat penawaran kursus perubatan ini. Sekiranya didapati IPTS tersebut menyalahi peruntukan Akta 555, tindakan perundangan boleh diambil sama ada dikenakan kompaun atau pendakwaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH (KUALA TERENGGANU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.10.2014**

**Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH [ KUALA TERENGGANU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dalam perancangan menyelamatkan dan menghidupkan MAS (Sistem Penerbangan Malaysia) adakah segala hutang-hutang yang masih belum dibayar kepada MAS akan di tuntutan dan di umumkan dalam proses tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Disember 2013, segala hutang yang masih belum dibayar kepada MAS yang berjumlah RM2.62 bilion akan dituntut secara berterusan dengan perinciannya adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jumlah (Juta)</b>
i.	Pembayaran pendahuluan ( <i>prepayment</i> ) kepada anak syarikat dan syarikat bersekutu	1,064,351
ii.	Jumlah terhutang ( <i>amount due</i> ) daripada anak syarikat dan syarikat bersekutu	17,099
iii.	Kos penyelenggaraan tertunda	160,513
iv.	Pinjaman kakitangan (Pinjaman pekerja bagi mengikuti latihan juruterbang kadet yang perlu dibayar dalam tempoh 15 tahun)	96,251
v.	Deposit keselamatan	96,753
vi.	Perdagangan belum diterima	799,150
vii.	Runcit belum diterima ( <i>sundry receivable</i> )	409,465
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,643,563</b>
	Tolak : Peruntukan hutang lapuk	(23,825)
	<b>JUMLAH BERSIH</b>	<b>2,619,738</b>

Berdasarkan keperluan untuk memfailkan Laporan Tahunan Beraudit selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 1965, maklumat kedudukan dan tuntutan hutang MAS boleh diperolehi daripada laporan kewangan tahunan berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
(SIPITANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.10.2014**

**Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [ SIPITANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi dan tindakan diambil untuk membanteras kegiatan penyeludupan yang banyak dilaporkan, sehingga menyebabkan kerugian berbilion ringgit kepada kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa strategi telah disusun oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk membanteras kegiatan

penyeludupan. Antaranya adalah melalui tindakan pemantauan, penguatkuasaan, kerjasama dengan agensi lain serta kempen mencegah penyeludupan.

Aktiviti pemantauan rapi dilakukan melalui mesin pengimbas di pintu-pintu masuk utama bagi mengekang kemasukan barangan seludup dan tidak sah. Selain itu, pemantauan juga dilakukan terhadap penyalahgunaan kemudahan Pulau Bebas Cukai dan Kompleks Bebas Cukai. Ini termasuk kawalan ke atas pergerakan Borang Kastam 8 terutamanya yang melibatkan barangan kritikal seperti rokok dan minuman keras.

Penguatkuasaan harian turut dijalankan termasuklah rondaan darat dan laut, pemeriksaan rapi ke atas kenderaan, premis serta outlet terutamanya yang disyaki menyimpan barangan belum lulus kastam. Selain itu, operasi-operasi penguatkuasaan bersepadu, operasi di kawasan-kawasan '*hotspot*' dan penglibatan aktif dalam Jawatankuasa Bertindak Setempat (*Local Committee*) turut dijalankan. Adakalanya, operasi-operasi ini turut disertai oleh pelbagai agensi lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

(APMM), Jabatan Laut, Jabatan Perikanan, Jabatan Imigresen, Jabatan Alam Sekitar, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan lain-lain.

JKDM juga menjalinkan kerjasama dalam berkongsi maklumat dengan agensi-agensi serta Pertubuhan-pertubuhan Bukan kerajaan (NGO) dalam usaha membanteras kegiatan penyeludupan. Kerjasama erat dan perkongsian maklumat ini turut dijalankan di peringkat antarabangsa antaranya melalui *World Customs Organization (WCO)*, *European Anti-Fraud Office (OLAF)* dan *Regional Intelligence Liaison Office-Asia Pacific (RILO-AP)*.

Bagi memastikan mesej yang jelas mengenai pembanterasan penyeludupan dapat disampaikan, tindakan undang-undang diambil terhadap kes-kes yang telah dikenalpasti. Antaranya adalah tindakan mahkamah terhadap semua kes-kes rokok yang diperolehi JKDM serta tindakan di bawah Akta *Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 (AMLATFA)* ke atas sindiket-sindiket melalui tindakan bersama Pasukan Petugas Khas (PPK) dan agensi-agensi lain.

JKDM turut mengadakan kempen-kempen mencegah penyeludupan dan khidmat bakti masyarakat bagi menyalurkan maklumat ke peringkat akar umbi supaya dapat turut terlibat dalam usaha untuk mencegah penyeludupan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING  
[ BINTULU ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014**

**SOALAN : 61**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) apakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk menyelesaikan masalah takungan air di tapak landasan dan hentian pesawat-pesawat Lapangan Terbang Kuala Lumpur 2 (KLIA2) yang berkemungkinan membawa bahaya; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menaik taraf atau melebarkan laluan pejalan kaki di sepanjang balai berlepas KLIA2 memandangkan selalu menyebabkan kesesakan kepada para pengguna dan adakah ia menepati piawaian pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat sekiranya berlaku kecemasan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Tanah tenggelam ataupun mendapan (yang menyebabkan takungan air) di apron (hentian pesawat) KLIA2 yang disebabkan oleh '*differential settlement*' adalah dijangka dan telah diambil kira semasa pembinaan KLIA2. Keselamatan operasi dan penerbangan di KLIA2 tidak terjejas akibat mendapan dan takungan air tersebut. Manakala tiada takungan air yang berlaku pada tapak landasan KLIA2.

Berhubung soalan penutupan 9 tempat letak kapal terbang disebabkan oleh kebocoran saluran bahan api baru-baru ini, sehingga kini hanya 2 tempat letak pesawat masih ditutup untuk kerja pembaikan manakala baki 7 tempat letak pesawat yang ditutup sementara waktu pembocoran saluran bahan api tersebut kini sudah beroperasi dengan penuh. Dalam hubungan ini, pihak pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah menjalankan kajian secara komprehensif yang membolehkan MAHB mengenal pasti dan melaksanakan tindakan berterusan yang paling sesuai dan praktikal bagi menangani isu ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan masalah kesesakan di laluan pejalan kaki di sepanjang balai berlepas KLIA2, buat masa ini tiada keperluan untuk membesarkan laluan tersebut kerana kriteria rekabentuk yang diguna pakai semasa pembinaan bangunan Terminal KLIA2 adalah berasaskan unjuran penumpang dan penerbangan yang diperolehi dari syarikat penerbangan.

Kesesakan yang mungkin berlaku adalah bersifat '*localised*' dan berkala ketika waktu puncak (ataupun "*peak hours*") yang diakibatkan oleh penumpang yang enggan masuk ke balai berlepas dan juga mungkin disebabkan pertukaran pintu berlepas disaat akhir oleh syarikat penerbangan.

Dari segi keselamatan kebakaran pula, seluruh bangunan Terminal KLIA2 telah diiktirafkan sebagai selamat oleh Bahagian Keselamatan, Jabatan Bomba Cyberjaya. Tambahan pula bangunan Terminal KLIA2 telah mendapat *Certificate of Completion and Compliance* ("CCC") yang mengiktirafkan keselamatan terminal dari semua aspek. Lebih-lebih lagi, rekabentuk sistem keselamatan di KLIA2 adalah berasaskan '*Performance Base*' yang telah direkabentuk oleh perunding kebakaran antarabangsa yang berpengalaman.

Selain itu, pemasangan sistem pencegahan dan keselamatan kebakaran juga telah diuji terima dan diperiksa oleh pihak perunding dalaman kontraktor, perunding konsep dan unit teknikal MAHB sebelum terminal ditauliahkan selamat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 9.10.2014**

**SOALAN :**

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kedudukan universiti tempatan dalam ranking universiti dunia ketika ini dan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian dalam meningkatkan kualiti universiti tempatan di peringkat global.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua Universiti Penyelidikan (RU) telah tersenarai dalam *QS World University Ranking (QS WUR)* dalam kedudukan terbaik di mana kedudukan Universiti Malaya (UM) masih kekal dalam 200 terbaik selama empat (4) tahun berturut-turut.

Berdasarkan QS WUR 2014/2015, Universiti Malaya (UM) telah berada di tangga ke-151, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-259, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ke-294, Universiti Sains Malaysia (USM) ke-309 dan Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-376 terbaik di dunia.

Di samping itu RU juga telah tersenarai dalam *top 200* dalam *QS Rankings by Subject 2014*. Misalnya, USM berada di kedudukan ke-28 dalam bidang sains persekitaran, UPM ke 51-100 dalam bidang pertanian dan perhutanan, UM ke 51-100 dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik, UKM ke 51-100 dalam bidang politik dan pengajian antarabangsa dan UTM ke 101-150 dalam bidang kejuruteraan kimia.

Kementerian sentiasa memberi perhatian dan berusaha dalam memperbaiki dan memperkukuhkan kedudukan institusi pengajian tinggi (IPT). Antara langkah yang telah diambil adalah:

- a) Pengiktirafan UM, USM, UPM, UKM, dan UTM sebagai Universiti Penyelidikan. Dengan pengiktirafan ini, kelima-lima institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tersebut akan mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi;
- b) Pengiktirafan 14 Pusat Kecemerlangan di IPTA sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HiCoE) untuk melaksanakan penyelidikan kolaborasi penyelidikan dan kepakaran serta menghasilkan penerbitan berimpak tinggi bagi melonjakkan pencapaian masing-masing di peringkat antarabangsa;
- c) Penyediaan satu pelan khusus tentang bagaimana pelaksanaan pemberian autonomi kepada IPTA dari aspek kewangan dan lain-lain bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan sumber-sumber yang diperoleh oleh IPTA bagi meningkatkan kedudukan universiti untuk jangka panjang sedang disediakan;

- d) Penubuhan Pusat Sitasi Negara yang bertujuan untuk menjadi pusat pengumpulan dan pangkalan data bagi penerbitan jurnal dalam negara; dan
- e) Penarafan bintang IPT termasuk IPTA dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang sebelum ini dilaksanakan setiap tiga (3) tahun berdasarkan penilaian *Malaysia Research Assessment (MyRA)* akan dilaksanakan setiap tahun. Kementerian mengalakkan IPT tempatan menilai pencapaian dan mengambil usaha-usaha melonjakkan kedudukan atau ranking mereka berdasarkan pencapaian dalam penilaian MyRA. Ia dapat membantu IPT tempatan dalam mengenal pasti aspek yang perlu diberi perhatian dan diperbaiki.